




INTERNATIONAL COLLEGE
of YAYASAN MELAKA

Open Distance Learning

LMPU2322 ETIKA DAN MORAL


**NAMA PENSYARAH
NOR FAZLIANA
BINTI YAACOB**



Penulis Modul : NOR FAZLIANA BINTI YAACOB

Moderator : NOR FAZLIANA BINTI YAACOB

Dibangunkan oleh : *International College of Yayasan Melaka*



ISI KANDUNGAN

Topik 1 Pengenalan : Nilai, Etika dan Moral

1.1	Definisi Moral	12
1.2	Definisi Etika	13
1.3	Definisi Akhlak	16
1.4	Konsep Asas Nilai	17
1.5	Bentuk-bentuk Nilai Moral	19
	Ringkasan	22
	Kata kunci	22
	Rujukan	22


Topik 2 Pembentukan Insan Moral

2.1	Kandungan Moral	24
2.2	Bentuk Moral	28
2.3	Dimensi Etika	29
2.4	Konflik	29
2.5	Strategi penyelesaian Konflik Moral	30
	Ringkasan	34
	Kata Kunci	34
	Rujukan	34

Topik 3 Teori-teori dan Sistem Nilai

3.1	Teori Kemoralan Sosial	36
3.2	Teori Keperibadian Mulia	38
3.3	Teori Etika Teleologikan	38
3.4	Teori Etika Deontologikal	41
	Ringkasan	47
	Kata Kunci	47
	Rujukan	47





Topik 4 Nilai Etika dalam Perspektif Agama

4.1 Definisi Agama	48
4.2 Mengapa kita perlu beragama	50
4.3 Ciri-ciri Agama	51
4.4 Peranan Agama	51
4.5 Konsep Kepercayaan	52
4.6 Jenis-jenis Agama	52
4.7 Agama Islam	56
4.8 Agama Kristian	63
4.9 Agama Hindu	68
4.10 Ajaran Buddha	81
4.11 Ajaran Confusius	91
4.12 Ajaran Taoisme	95
4.13 Ajaran Sikh	100
4.14 Kepercayaan Natif	110
Ringkasan	115
Kata Kunci	115
Rujukan	115

Topik 5 Etika Profesional

5.1 Kod Etika	116
5.2 Kepimpinan dan ciri-ciri Pemimpin	119
5.3 Teori Kepimpinan	122
5.4 Fungsi Pemimpin	124
5.5 Pandangan Islam dan Masyarakat Melayu terhadap Kepimpinan	127
5.6 Gejala <i>Whistle Blowing</i> (Meniup Wisel) dalam Organisasi.	130
Ringkasan	135
Kata Kunci	135
Rujukan	135





Topik 6 Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam

6.1 Pengenalan	136
6.2 Tujuan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam	138
6.3 Tonggak 12	142
6.4 Strategi Perlaksanaan	146
6.5 Penerapan Nilai Positif Pegawai Awam yang dimansuhkan ke dalam Program Pembaharuan	146
Ringkasan	148
Kata Kunci	148
Rujukan	149

Topik 7 Etika Kerjaya Profesional di Malaysia

7.1 Definisi Profesionalisme	150
7.2 Profesionalisme Perguruan	151
7.3 Profesionalisme Perniagaan dan Keusahawanan	155
7.4 Profesionalisme Perubatan	159
7.5 Profesionalisme Kewartawanan	161
7.6 Profesionalisme Kewangan	162
7.7 Profesionalisme Pengurusan	165
Ringkasan	169
Kata Kunci	169
Rujukan	170

Topik 8 Isu-isu Moral

8.1 Terrorisme	171
8.2 Lesbian, Gay, <i>Bioseksual & Transgender</i> (LGBT)	175
8.3 Pernerdagangan Manusia	179
Ringkasan	184
Kata Kunci	184
Rujukan	184





DESKRIPSI PANDUAN KURSUS

Anda perlu membaca Panduan Kursus dengan berhati-hati daripada awal sehingga akhir. Ia menyatakan kandungan kursus dengan ringkas dan bertujuan membantu anda memahami kandungan kursus. Ia juga mencadangkan jumlah tempoh masa untuk anda habiskan bagi melengkapkan kursus ini dengan sepenuhnya. Sentiasalah rujuk Panduan Kursus secara berterusan semasa anda membacakandungan kursus kerana ia dapat membantu di dalam menjelaskan komponen-komponen pembelajaran penting yang mungkin anda terlepas pandang.

MENGENAI KURSUS INI

LMPU 2322 Etika dan Moral adalah subjek umum yang ditawarkan kepada semua pelajar peringkat Diploma. Subjek Umum ditawarkan oleh Pusat Bahasa dan Pengajian Umum (CLGS) di Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka. Subjek yang ditawarkan melibatkan 2 jam kredit dan meliputi pembelajaran sepanjang 14 Minggu.

PERUNTUKAN MASA PEMBELAJARAN

Berdasarkan piawaian ICYM, seseorang pelajar itu perlu memperuntukkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Selaras dengan piawaian ini, kursus yang bernilai tiga jam kredit memerlukan masa selama 80 jam pembelajaran. Anggaran masa pembelajaran ialah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.






Table 1: Estimation of Student Learning Time

Distribution of Student Learning Time by Chapter		CLO	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran					Jumlah
			Bersemuka				Tidak Bersemuka (Pembelajaran Kendiri)	
			L	T	P	O		
Topik 1		1	2				7	
Topik 2		1					7	
Topik 3		1					7	
Topik 4		2					10	
Topik 5		3					7	
Topik 6		3					7	
Topik 7		4					8	
Topik 8		4					10	
Sub-Total SLT								65
Penilaian Tugas			%	Bersemuka		Tidak Bersemuka (Pembelajaran Kendiri)		
				Fizikal	Online			
1	Kuiz	10		1	1			
2	Penglibatan	10			1.5			
3	Ujian	20		2	1.5			
4	Tugasan Individu	10			1			
5	Tugasan Kumpulan	20			2			
Sub-Total SLT								10
Tugasan Akhir			%	Bersemuka		Tidak bersemuka (Pembelajaran Kendiri)		
				Fizikal	Online			
1	Peperiksaan Akhir	30	2		3			
Sub-Total SLT								5
GRAND-Total SLT								80





HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Setelah mengikuti kursus ini, anda seharusnya dapat :

1. Menerangkan definisi, konsep-konsep asas nilai, moral dan etika dalam kehidupan harian. (C1, PLO1)
2. Menerangkan nilai moral dan etika menurut perspektif agama. (C1, A1,PLO1)
3. Membincangkan nilai-nilai etika professional dalam kerjaya di Malaysia (C2,A2, PLO6)
4. Menganalisa isu-isu moral dan etika secara berkumpulan. (C4, A3,P1, PLO3, PLO5, PLO7)

SIPNOSIS KURSUS

Kursus ini terbahagi kepada 8 topik.

Sinopsis untuk setiap topik adalah seperti yang disenaraikan berikut:

TOPIK 1

Membincangkan tentang konsep nilai, etika dan moral secara umum dan mengikut budaya masyarakat Malaysia.


TOPIK 2

Bahagian pertama menerangkan bagaimana proses pembentukan personaliti manusia terjadi. Ia terhasil daripada gabungan dua unsur utama iaitu dipengaruhi oleh peraturan masyarakat dan pendidikan secara formal. Manakala bahagian kedua adalah bagaimana untuk menangani masalah dalam kehidupan.

TOPIK 3

Membincangkan bagaimana manusia membuat sesuatu keputusan dan bertindak berdasarkan kepada sistem nilai dan teori. Keputusan yang dibuat memberi manfaat kepada individu itu sendiri atau memberikan manfaat kepada orang lain.





TOPIK 4

Topik ini amat panjang kerana ia melibatkan nilai-nilai etika dalam aspek agama yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Agama Islam adalah agama rasmi Malaysia namun, hasil daripada tolerasi kaum dan etnik membolehkan semua agama dapat diamalkan secara harmoni di Malaysia. Antaranya agama Buddha, Kristian, Hindu, Confucius, Taoisme, Sikh dan animisme bagi kepercayaan masyarakat Bumiputera. Penekanan utama dalam bab ini adalah nilai-nilai etika bagi setiap agama. Hasil perbincangan mendapati semua agama memfokuskan kepada nilai-nilai yang positif namun menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut kepercayaan dan budaya masyarakat itu sendiri.

TOPIK 5

Topik ini amat penting kerana ia memberikan pendedahan nilai-nilai etika bagi sesebuah organisasi, keberkesanan kepimpinan dan bagaimana kepimpinan yang berkesan mampu untuk meningkatkan kemajuan bagi sesebuah organisasi. Ia juga menerangkan tentang fungsi pemimpin berdasarkan teori-teori kepimpinan yang terdapat di Malaysia.

TOPIK 6

Membincangkan etika dalam bidang Perkhidmatan Pentadbiran Awam. Etika yang diamalkan dalam sektor ini jarang diketengahkan sedangkan ia memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Malaysia dan meningkatkan imej negara.


TOPIK 7

Membincangkan nilai-nilai etika dalam pelbagai kerjaya profesional yang terdapat di Malaysia. Misalnya dalam bidang perguruan, kewartawanan, kedoktoran, perakaunan, pengurusan, perniagaan dan keusahawanan.

TOPIK 8

Membincangkan isu-isu semasa yang berlaku dalam negara yang bertentangan dengan nilai-nilai etika dan moral.





PANDUAN SUSUN ATUR TEKS

Sebelum anda membaca modul ini, adalah penting sekiranya anda ambil tahuakan susun atur teks modul. Memahami susun atur teks akan membantu anda untuk merencana pembelajaran kursus supaya lebih objektif dan berkesan. Amnya, susun atur teks bagi setiap topik adalah seperti berikut :


Hasil Pembelajaran: Ia merupakan apa yang anda harus dapat lakukan atau capai setelah selesai membaca sesuatu topik. Setelah selesai membaca setiap topik anda digalakkan merujuk kepada senarai hasil pembelajaran berkenaan untuk memastikan sama ada anda dapat atau tidak mencapainya. Amalan seperti ini akan dapat mengukur dan mempertingkatkan penguasaan kandungan sesuatu topik

Bahan Pembelajaran Kendiri: Soalan-soalan diselitkan pada bahagian-bahagian tertentu dalam sesuatu topik. Soalan-soalan ini menguji kefahaman tentang maklumat yang anda telah baca. Jawapan untuk soalan-soalan ini biasanya terdapat dalam perenggan-perenggan yang sebelumnya. Anda digalakkan menjawab soalan-soalan semak sendiri ini untuk menguji dan memastikan sama ada anda telah memahami kandungan sesuatu topik dan seterusnya menyediakan anda menghadapi ujian dan peperiksaan kelak. Kebanyakan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanyai terdapat di dalam modul itu sendiri

Aktiviti: Aktiviti-aktiviti juga diselitkan pada bahagian-bahagian tertentu dalam sesuatu topik dengan tujuan menggalakkan anda mengaplikasi konsep dan prinsip yang anda telah pelajari kepada situasi sebenar. Aktiviti-aktiviti ini juga memperluaskan kefahaman kandungan yang dipelajari dengan menggalakkan anda melakukan sesuatu seperti berfikir secara mendalam, memberi pendapat, berbincang bersama rakan dalam kelas, merujuk kepada laman web, membaca artikel jurnal dan seumpamanya.

Ringkasan: Di akhir sesuatu topik, isi-isi penting topik tersebut disenaraikan. Komponen ini membantu anda untuk mengingat dan mengimbas semula keseluruhan topik. Anda haruslah memastikan bahawa anda memahami setiap pernyataan yang disenaraikan. Jika tidak, sila kembali membaca topik berkenaan.

Kata Kunci: Di akhir topik disenaraikan beberapa perkataan dan frasa penting yang digunakan di dalam topik berkenaan. Anda mesti dapat baca topik berkenaan.



Rujukan: Rujukan adalah bahagian di mana senarai buku teks, jurnal, artikel, kandungan elektronik atau sumber-sumber yang boleh ditemui yang berkaitandan berguna dalam melalui modul atau kursus. Senarai ini boleh dilihat di dalam beberapa bahagian seperti di dalam Panduan Kursus (di bahagian Rujukan), diakhir setiap topik atau di akhir modul. Anda digalakkan membaca bahagian- bahagian yang berkaitan dalam senarai rujukan tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut dan memperkukuhkan kefahaman anda

KAEDAH PENILAIAN

Sila Rujuk Latihan yang disediakan dalam Modul ini.



TOPIC 1

PENGENALAN: PENGERTIAN NILAI, ETIKA DAN MORAL

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Di akhir topik ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui istilah dan pengertian nilai, etika dan moral.
2. Memahami konsep asas nilai etika mengikut pandangan Barat, Islam, Cina dan India.
3. Menerangkan Bentuk dan jenis-jenis nilai.


1.1

DEFINISI NILAI



Terdapat pelbagai **definisi** yang diberikan oleh sarjana terhadap bidang nilai:

Tokoh	Definisi
1. Kamus Dewan	• Erti nilai diertikan sebagai tafsiran harga dan juga benda lain seperti darjat, kualiti, mutu, taraf, dan sifat ketinggian (pemikiran, agama dan kemasyarakatan).
2. Jules Henry	• Nilai sebagai sesuatu yang dikira baik seperti



	kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan.
3. Raths, Harmin & Simon	• Nilai sebagai garis panduan terhadap tingkah laku. • Ia memberi satu arah kepada kehidupan seseorang atau anggota masyarakat.
4. Coughlan	• Dilihat sebagai keutamaan, kriteria, objek, milik, personaliti dan sifat – sifat status, pemikiran yang terdapat dalam diri manusia. • Ia merupakan penentu dalam diri manusia yang mempengaruhi pemikiran dalam membuat sesuatu keputusan dalam kehidupan.


FUNGSI-FUNGSI NILAI

Nilai mempunyai beberapa fungsi dalam kehidupan yang meliputi:

1. Mencorakkan norma masyarakat.
2. Mempunyai pertalian dengan sikap.
3. Kriteria membuat keputusan.
4. Memberikan haluan kepada perubahan social.
5. Mengawal dan mencorakkan pola tingkah laku.
6. Proses sosialisasi, pembatinaan nilai ataupun penerapan nilai murni.
7. Mempengaruhi sikap, pegangan, prinsip dan falsafah hidup individu.
8. Panduan dalam kehidupan dan memelihara perhubungan antara manusia.
9. Bertindak sebagai skin pengamatan dari segi menentukan corak dan fenomena social yang ditunjukkan oleh individu.

Kesimpulannya NILAI merupakan satu ukuran yang standart dan prinsip dalam pertimbangan harga sesuatu benda. Dalam aspek yang lain nilai juga dirujuk sebagai ukuran pertimbangan tindakan dan keputusan yang dilakukan sama ada ianya baik atau buruk, betul atau salah.





1.2

DEFINISI MORAL


- Moral ialah cita atau nilai yang dipandang baik oleh masyarakat.
- Bermaksud perlakuan dalaman dan luaran individu yang berasaskan kepada akal.
- Ditakrifkan sebagai tingkah laku yang sejajar dengan tatasusila dan undang-undang masyarakat Malaysia.
- Contohnya: Sifat nilai murni seperti adil, baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, sayang –menyayangi, kebebasan, kejujuran, kerajinan, bekerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, berfikir secara rasional dan memupuk semangat kemasyarakatan.

1.3

DEFINISI ETIKA

Konsep Etika mengikut pandangan Peradaban Barat.

- Diambil daripada perkataan Greek iaitu *ethos*.
 - *Ethos* bermaksud adat atau cara hidup.
 - Etika bermaksud “ Satu set kualiti peraturan tingkah laku”.
 - Etika lazimnya digunakan untuk mengkaji tingkah laku moral.
 - Sumber utama etika ialah akal dan kebiasaan (adat).
 - Daripada etika ia melahirkan moral seperti kesopanan, beradap, tatasusila.
 - Ia juga membahaskan tentang tingkah laku manusia yang berasaskan kepada tingkahlaku asas seperti benar, salah, baik atau buruk.
 - Tujuan utama garis panduan tingkah laku adalah untuk mengawal, menjamin dan melindungi segala tingkah laku yang bermoral dalam masyarakat.
- 



Konsep Etika mengikut pandangan Peradaban India.

- Etika dalam masyarakat India dikenali sebagai 'nitisastra' (Bahasa Sanskrit) iaitu sebahagian daripada konsep 'Rta'
- Dalam kitab Veda, konsep 'rta' ditakrifkan sebagai perintah, peraturan dan kebenaran yang dianggap sebagai prinsip peraturan semulajadi yang diamalkan dalam sistem alam semesta.
- Secara konseptualnya, *rta* juga dikaitkan dengan konsep melaksanakan perintah dan peraturan yang dikenali sebagai 'dharma' dan konsep tindakan manusia yang menuruti perintah tersebut yang dipanggil sebagai 'karma'.
- Kedua-dua konsep ini iaitu dharma dan karma akhirnya menaungi konsep rta yang berkembang sebagai prinsip moral, agama dan semulajadi yang kemudiannya menjadi asas utama kepada kepercayaan '*Hinduisme*' dalam masyarakat India.

Konsep Etika mengikut pandangan Peradaban China.

- Mengikut peradaban China, konsep etika yang diamalkan oleh masyarakat China berasaskan kepada ajaran Confucius.
 - Ajaran Confucius menekankan kepada etika berkait rapat dengan nilai kemanusiaan dan amalan pendidikan.
 - Etika berdasarkan kepada takrifan Confucius ialah nilai-nilai kebaikan berasaskan kepada lima prinsip utama yang dikenali sebagai 'wuchang' .
 - Lima prinsip ini antaranya ialah;
 - 1. 'ren' (kebajikan dan kemanusiaan),
 - 2. 'yi' (kebenaran atau keadilan),
 - 3. 'li' (cara yang betul),
 - 4. 'zhi' (pengetahuan) dan
 - 5. 'xin' (integriti).
- 

- Lima prinsip 'wuchang' ini adalah selari dengan nilai kebaikan di dalam syurga dan harus diamalkan dan dilaksanakan dalam kehidupan di dunia ini sama ada dalam sistem pentadbiran atau cara hidup manusia

1.4

DEFINISI AKHLAK

Konsep Etika mengikut pandangan Peradaban Arab dan Islam.

- Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.
- Etika atau akhlak ini ialah tingkah laku manusia yang menggambarkan sifat dan budi pekerti mereka dalam melakukan sesuatu perkara dan sentiasa berasaskan kepada ajaran Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan hadith.
- Konsep akhlak ini berteraskan kepada tiga prinsip utama iaitu fitrah (keadaan semulajadi seseorang individu), tabiat (tingkahlaku yang berulang-ulang sehingga menjadi sikap seseorang individu) dan amalan (perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu dan menjadi kebiasaannya).
- Dalam perspektif Islam, Etika dikenali sebagai akhlak.
- Diambil dari perkataan Arab iaitu khuluq.
- Pengertian akhlak menurut bahasa bermaksud budi pekerti, tabiat, adat maruah, sifat semulajadi dan gambaran batin individu.
- Menurut Dr. Miqdad Yaljin akhlak terbahagi kepada 3 aspek:
 1. Sifat semulajadi yang dimiliki secara fitrah.
 2. Sifat yang dimiliki melalui latihan yang akhirnya diterima sebagai adat atau tabiat.
 3. Akhlak meliputi 2 dimensi iaitu : i) batin (kejiwaan) dan ii) zahir iaitu kelakuan.
- Menurut Ibnu Miskawaih, akhlak adalah keadaan jiwa yang menerbitkan jiwa yang menggerakkan manusia melakukan perbuatan tanpa pertimbangan fikiran.
- Ia terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:
 1. Secara natural atau tabii seperti perasaan cepat marah.
 2. Melalui latihan dan kebiasaan.

- Al Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa yang membentuk perbuatan dengan mudah dan tidak memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.
- Ringkasnya akhlak mempunyai ciri-ciri berikut:
 1. Aspek batin atau keadaan jiwa sebagai tenaga penggerak kearah pembentukan tingkahlaku.
 2. Aspek luaran yang melibatkan tingkahlaku yang dilakukan bukan kerana tekanan emosi ataupun desakan-desan luar seperti paksaan.
 3. Perbuatan yang dikehendaki menjadi tabiat perlu diamalkan secara berterusan supaya ia menjadi sehati dalam kehidupan.

1.5

KONSEP ASAS NILAI

Konsep asas etika terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

- a) Pernyataan Normatif
- b) Pernyataan Deskriptif

Pernyataan Normatif

- Pernyataan Normatif lazimnya berbentuk pertimbangan nilai.
- Mengikut Frankena, W.K (1973) wujud pelbagai jenis pertimbangan nilai moral dan etika. Sesetengah pertimbangan moral boleh dikatakan sesuatu tindakan baik, buruk, betul atau salah, wajib atau tidak wajib, perlu atau tidak perlu dilakukan.
- Pernyataan normatif terbahagi kepada 4 kategori iaitu:
 - 1. Menilai perbuatan
 - 2. Menilai perwatakan, motif dan peribadi seseorang.
 - 3. Pernyataan normatif yang mempunyai kesan langsung dan segera berdasarkan tindakan individu itu sendiri.
 - 4. Pernyataan normatif dalam bentuk arahan dan peraturan.

1. Menilai perbuatan

Contoh:

1. Kita patut mematuhi janji.
2. Saya tidak harus memaksa kawan saya meminum arak dan berjudi.

2. Menilai perwatakan, motif dan peribadi seseorang.

Contoh:

1. Mother Teresa adalah seorang yang baik.
2. David telah disoal siasat oleh detectif Conan dalam satu kes pembunuhan.
3. Orang yang berpendidikan tidak akan melakukan perbuatan yang boleh menjatuhkan maruahnyanya sendiri.

3. Pernyataan normatif yang mempunyai kesan langsung dan segera berdasarkan tindakan individu itu sendiri.

Contohnya:

1. Kecuaian Alisa memandu kereta di jalan raya boleh membahayakan nyawa pemandu dan pengguna jalan raya.
2. Akibat terlalu leka melayari Facebook Arvin gagal dalam peperiksaan.

4. Pernyataan Normatif dalam bentuk arahan dan peraturan.

Penilaian patut @ tidak tindakan itu dilakukan oleh individu atau masyarakat.

Contoh:

1. Dilarang membuang sampah di kawasan ini.
2. Kita mesti menghormati semua tempat ibadah walaupun berlainan agama.
3. Peraturan Kolej mesti dipatuhi.

Pernyataan Deskriptif

- Turut dikenali sebagai etika bukan normatif.
- Ia tidak melahirkan pertimbangan nilai.
- Ia terdiri daripada sesuatu yang berbentuk fakta dan logikal.
- Contoh:
 1. Dia seorang doktor.
 2. Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

3. Konsep 1 Malaysia telah diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak.

1.6


BENTUK-BENTUK NILAI MORAL

Terdiri daripada 6 bentuk nilai moral yang digunakan dalam kehidupan masa kini. Antaranya ialah **Nilai Instrumental atau ekstrinsik**, **Nilai intrinsik**, **Nilai Subjektif**, **Nilai Objektif**, **Nilai Relatif** dan **Nilai Absolute atau Mutlak**.

Nilai Instrumental atau ekstrinsik	Nilai intrinsik
• Kualiti yang diterima atau ditolak sebagai alat mencapai sesuatu matlamat. • Bergantung pada nilai untuk mencapai sesuatu matlamat. • Nilai peringkat kedua (<i>second order value</i>) seperti berani, rajin, hormat-menghormati. Contohnya: • Pengeboman Hiroshima oleh Amerika Syarikat adalah bertujuan untuk menamatkan Perang Dunia ke-2. • Mengenakan hukuman bunuh kepada pengedar dadah bagi menghapuskan kegiatan pengedaran dadah.	• Kualiti yang diterima atau ditolak semata-mata kerana ia baik atau buruk tanpa mengambil kira kesannya. • Tidak bergantung kepada nilai lain untuk mencapai sesuatu matlamat. • Nilai peringkat pertama (<i>first order value</i>) seperti baik hati, kasih sayang, keadilan. Contohnya: • Seorang hakim menjatuhkan hukuman mati kepada pengedar dadah semata-mata kerana kewajibannya berbuat demikian mengikut peruntukan undang-undang yang ada, bukan kerana ia ingin turut sama membasmi kegiatan pengedaran dadah.

Nilai Subjektif dan Nilai Objektif.

Nilai Subjektif (pandangan individu)	Nilai Objektif (pandangan orang ramai)
• Kualiti yang diterima atau ditolak oleh seseorang yang	• Kualiti yang bernilai atau sebaliknya yang bebas




memberikan pandangan. Diterima atau ditolak mengikut pandangan seseorang individu. Contohnya: Kes Amerika hendak menyerang Iraq. Dalam kes ini memperlihatkan pandangan yang berbeza. Britain berpendapat bahawa Amerika perlu menyerang Iraq demi keamanan jangka panjang dunia supaya Iraq tidak meneruskan kerja membuat senjata yang banyak memusnahkan manusia. Manakala Perancis pula berpendapat Amerika boleh menyerang Iraq kerana serangan itu akan banyak menyebabkan rakyat Iraq yang tidak berdosa terkorban.	daripada pilihan peribadi. - Diterima atau ditolak berdasarkan kriteria yang dipersetujui oleh semua atau kebanyakan orang. - Contoh: - Peperangan adalah satu tragedi yang dasyat. - Perhambaan tidak mencerminkan nilai perikemanusiaan. - Buruh kanak-kanak adalah satu bentuk kezaliman yang harus dihapuskan.
--	---

Nilai Relatif dan Nilai Absolute atau Mutlak.

Nilai Relatif (peraturan sesebuah masyarakat)	Nilai Absolute atau Mutlak (peraturan tidak mengikat sesebuah masyarakat)
- Nilai yang diterima atau ditolak oleh peraturan sesebuah masyarakat. - Ia adalah tidak menentu, tidak sempurna dan berbeza-beza antara masyarakat yang berlainan. - Ia boleh berubah mengikut masa. Contoh: - Di Kuala Lumpur, sebuah keluarga boleh dibina melalui perkahwinan rasmi. Manakala di California, keluarga boleh dibentuk tanpa perlu melalui perkahwinan rasmi.	- Nilai yang keberhargaannya tidak terikat kepada sesuatu kebiasaan bagi sesebuah masyarakat. - Diterima umum dan telah diuji atau terbukti sebagai baik atau buruk. - Kekal sepanjang masa dan di semua tempat serta hampir semua situasi norma masyarakat. Contoh: - Hidup berkeluarga adalah satu amalan kehidupan yang baik. - Mencegah penyakit adalah lebih baik daripada





	merawatnya. 3. Usaha tangga kejayaan.
--	--

Kesimpulan

Secara keseluruhannya nilai adalah sesuatu yang boleh dilihat, dikira dan dirasa secara dalaman terutama berkait rapat dengan pemikiran kita. Nilai yang dikaitkan dengan nilai moral dan nilai etika, lebih kepada tindakan dan tingkahlaku atau perbuatan bagi seseorang individu dalam kehidupan seharian.

SOALAN RINGKAS

1. Perkataan etika berasal dari perkataan _____.
2. Berikan definisi Pernyataan Normatif.
3. Berikan definisi etika.
4. Nyatakan jenis - jenis nilai.
5. Jelaskan maksud nilai subjektif beserta contoh.
6. Berikan contoh nilai relatif.

ACTIVITY



Jelaskan bagaimana anda mendidik generasi muda untuk mengamalkan nilai-nilai etika dan moral dalam kehidupan seharian.

KEY TERM

Nilai

Deskriptif

Instrumental

Normatif

Relatif

Objektif

RINGKASAN

- Nilai mempunyai maksud yang luas, ia bukan sahaja dianggap sebagai tafsiran harga. Namun ia turut digunakan untuk penilaian kualiti, nilai kemanusiaan, perasaan, kemasyarakatan, pemikiran aras tinggi, pandangan dan pendapat.
- Pernyataan normatif menjurus kepada pertimbangan nilai baik, buruk, betul atau salah.
- Pernyataan bukan normatif atau lebih dikenali sebagai Deskriptif lebih bersifat fakta dan tiada pertimbangan nilai.



RUJUKAN

Eow Boon Hin (at.all), *Moral Education Revised Edition*, Pearson: Petaling Jaya, 2008.

Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. 2002.

Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuuid, at.all, *Pengantar Pendidikan Moral*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd. 2016.


TOPIC 2

PEMBENTUKAN INSAN MORAL

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir topik ini, pelajar akan dapat:

1. Menerangkan tentang definisi dan konsep kandungan moral, bentuk moral dan dimensi moral.
2. Mengenalpasti pembentukan insan oral dibina melalui 3 elemen seperti kandungan moral, bentuk moral dan dimensi moral.
3. Berupaya mengaplikasikan konsep ini untuk membentuk sifat-sifat yang positif sepertimana yang dikehendaki oleh diri sendiri individu itu sendiri.




Islamic eBook Collection for Younger Generation



Pengenalan

Pembentukan insan moral memberikan tumpuan kepada nilai yang dianggap baik, benar, betul dan patut sepertimana yang diwajibkan dalam perwatakan seseorang individu dan hubungan antara individu (Frankena, 1973: Abdul Rahman Md. Aroff, 1999).




2.1 Kandungan Moral

Kandungan moral terdiri daripada 2 iaitu peraturan masyarakat dan keperibadian manusia. Kedua-dua aspek ini menjadi agen yang penting kerana ia berupaya membentuk personaliti insan yang bermoral dan menjadi *role model* kepada insan lain.

Peraturan Masyarakat

Manusia memerlukan peraturan-peraturan yang dapat membatasi kelakuan dan kebanyakan perbuatan manusia sendiri supaya manusia tidak terlalu bebas sehingga mengancam keselamatan dan hak asasi orang lain.



Emmet, D. (1966) dalam buku *Rules, roles and relation* mengatakan bahawa peraturan manusia tidak wujud sendiri, tetapi ia terhasil daripada ilmu pengetahuan dan gabungan pengalaman baru dan lama dalam kehidupan manusia.

Manusia lebih cenderung mematuhi peraturan & mengikut adat resam serta kelaziman hidup dalam menghadapi hubungan dengan orang lain.


Ashmore, Robert B (1987) semua perkara dalam alam semulajadi bertindak mengikut peraturan@hukuman yang tertentu.

Adakala manusia akan bertindak mengikut undang-undang dan manusia juga turut melanggar peraturan mereka sendiri.

Masyarakat akan mengamalkan sistem moral dalam diri mereka paling awal dengan mematuhi peraturan dan arahan dalam adat resam yang membentuk *mores* sistem komuniti.

Kepentingan peraturan masyarakat:

- a) Manusia lebih cenderung dalam mematuhi peraturan dan mengikut adat resam serta kelaziman hidup dalam menghadapi perhubungan dengan orang lain.
 - b) Peraturan manusia merupakan rujukan bagi manusia semasa mereka membuat pemilihan dan keputusan atas sesuatu perbuatan yang perlu dilakukan oleh mereka.
 - c) Mempertingkatkan mutu hidup manusia.
 - d) Mengembangkan intelek manusia supaya ianya berfungsi dengan efektif.
 - e) Melindungi nyawa manusia dan membenarkan mereka terus hidup.
 - f) Mempertahankan hak asasi dan kebajikan manusia.
 - g) Mengelakkan keruntuhan akhlak dan sistem moral dalam masyarakat.
 - h) Menstabilkan keadaan dan suasana dalam masyarakat
 - i) Menjaga keamanan masyarakat.
 - j) Mewujudkan dan memelihara rukun sosial (*social order*).
 - k) Memelihara keamanan masyarakat dengan suasana yang harmonis.
- 



Keperibadian Manusia

Seseorang insan perlu mempunyai keperibadian yang baik dan boleh dipuji untuk dianggap sebagai seorang insan yang bermoral. Keperibadian yang baik dan boleh dipuji, iaitu sifat peribadi yang mulia.

Sifat-sifat keperibadian mulia seseorang individu dipengaruhi oleh alam persekitaran dan melalui proses pembelajaran tidak langsung dan secara langsung seperti pendidikan agama, pendidikan moral atau asuhan ibu bapa sebelum memperolehi akhlak yang mulia.

Mengikut Brandth Richard B (1979) – dalam bukunya *A Theory of the Good and The Right* – individu yang mempunyai sifat keperibadian mulia atau mempunyai kod etika melalui 6 sifat iaitu :

- a) *Motivasi Intrinsik (Intrinsic motivation)*
- b) *Perasaan berdosa atau tidak bersetuju (Guilt-feeling and disapproval)*
- c) *Kepentingan yang dipercayai (Believed importance)*
- d) *Mengagumi atau menyanjungi (Admiration or esteem)*
- e) *Istilah Khas (Special terminology)*
- f) *Justifikasi yang dipercayai (Believed justification)*

I. Motivasi Instrinsik

Seseorang yang mempunyai keinginan atau keenggananan instrinsik untuk melakukan @ tidak melakukan sesuatu dengan cara tertentu.


Contoh: enggan mencederakan orang lain sebab kasihan, rasa bersalah kalau tidak membantu orang lain.

ii. Perasaan berdosa dan tidak bersetuju.

Apabila seseorang individu bertindak dengan bertentangan dengan motivasi intrinsik dia berasa berdosa tidak selesa, berasa berdosa & penuh kesalan (kalau dia menjadi mangsa)

Individu tidak suka akan orang yang tidak bersetuju dengan kelakuan & perbuatannya, dia akan berasa tidak senang hati dan berdosa.





iii. Kepentingan yang dipercayai

Kelakuan yang diakibatkan oleh motivasi instrinsik seseorang difikirkan amat penting untuknya sehingga memaksa memantapkan kelakuan ini dalam dirinya.

Contoh: Memberi pertolongan kepada mangsa kemalangan adalah satu perbuatan yang sangat penting kerana akan menyelamatkan nyawa orang lain. Maknanya individu yang memberikan pertolongan yakin bahawa sekiranya mangsa kemalangan dibawa ke hospital dengan lebih cepat, pasti nyawa mangsa kemalangan itu dapat diselamatkan.

iv. Mengagumi atau menyanjung

Perasaan kagum atau menyanjung orang yang melakukan satu perkara lebih daripada darjat yang dikehendaki oleh motivasi asas moral ini.

Contoh: seorang askar berkorban nyawa untuk melindungi rakan askar lain daripada terkena letupan bom tangan.

v. Istilah Khas

Kawal tingkahlaku antara seorang dengan orang lain sekiranya individu tidak tahu berkomunikasi.


Hanya dengan mengetahui istilah khas bagi motivasi dan tindakan moral seseorang individu dapat memahami dan menghayati konsep moral yang kompleks ini.

vi. Justifikasi yang dipercayai.

Seseorang individu mesti mempunyai justifikasi bagi motivasi, perasaan berdosa, sikap bersetuju dan menyanjung dan lain-lain.

Contoh: dari aspek kagamaan - sekiranya seseorang individu yang berpegang teguh pada ajaran agama, menganggap bahawa prinsip moralnya adalah kehendak Tuhan, maka dia akan berpuas hati dengan kemoralannya dan merasa rasional untuk melakukan sesuatu yang mungkin bertentangan dengan kebajikannya sendiri dalam jangka masa yang panjang.





Secara keseluruhannya 6 sifat yang diutarakan oleh Brandt, Richard B: Kebanyakan masyarakat mempunyai sistem kawalan atas tingkahlaku manusia yang berbeza dengan undang-undang.

Brandt menamakannya sebagai KOD MORAL @ KOD ETIKA bagi seseorang individu/masyarakat. KOD ETIKA bagi individu: SUARA HATI Bayi dan kanak-kanak tidak mempunyai KOD ETIKA kerana ia bukan sesuatu yang semulajadi tetapi perlu dipelajari.

2.2 Bentuk Moral

Terbahagi kepada dua bentuk etika yang dikenalpasti iaitu: *Etika Berprinsip dan Etika Situasional*.

Dalam Etika Berprinsip terdapat dua prinsip utama iaitu keadilan dan kepedulian.

Konsep keadilan dan kepedulian menjadi asas terutama dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan.


Contohnya:

KONSEP KEADILAN: Melibatkan perbuatan dan kelakuan yang adil untuk diri sendiri dan orang lain.
Memberikan layanan yang sama rata tanpa mengira siapa orang itu.

Manakala Etika Situasional tidak berpegang pada prinsip sebaliknya membuat pertimbangan berdasarkan situasi.

Golongan pendidik atau guru, lebih cenderung menggunakan etika berprinsip dalam semua perkara berbanding etika situasi. Tujuan untuk mengelakkan daripada berlaku tindakan tidak adil kepada individu yang lain dan berat sebelah. Keputusan yang dibuat kurang kontroversi dan konsisten.





2.3

Dimensi Etika

Dimensi Etika terbahagi kepada 3 aspek iaitu pentaakulan moral, perlakuan moral dan perasaan moral.

1. **Pentaakulan Moral** yang melibatkan pemikiran secara rasional dan bebas-tepat, kritis, kreatif dan bernas (tajam).

2. **Perlakuan Moral** yang melibatkan tindakan individu dengan penuh tanggungjawab serta mengikut kemampuan.

3. **Perasaan Moral** iaitu emosi (suara batin) individu yang ada sentimen simpati, murah hati, malu, bermotivasi, belas kasihan, prihatin, dan sebagainya.

Kesimpulan

Pembentukan insan yang bermoral sebenarnya berkembang selari / seiring perkembangan minda yang berupaya berfikir yang mana nilai baik dan buruk, betul atau salah yang diperolehi melalui proses pembelajaran dan pengalaman dalam kehidupan.


Secara tidak langsung akan mempengaruhi sesuatu tindakan atau keputusan dan mampu mengagak apakah kesan dan hasil yang diperolehi samaada tindakan yang dilakukan oleh diri sendiri atau orang lain.

2.4

KONFLIK

'Konflik' bermaksud ketegangan yang timbul apabila terdapat beberapa kemungkinan yang berbeza & tidak sepadan dalam menangani sesuatu isu.





Sebab - Sebab Konflik

1. Perbezaan pandangan dan pendapat.
2. Perbezaan tingkahlaku.
3. Perbezaan visi dan misi.
4. Perbezaan personaliti atau tingkahlaku.

2.5

Strategi Penyelesaian Konflik Moral

Antara model / strategi yang boleh diguna ialah pembinaan hirarki, pencairan masalah, kompromi, analisis nilai & perkembangan moral kognitif.

1. Strategi Pembinaan Hirarki

Apabila 2 nilai @ lebih yang berkonflik , maka nilai-nilai itu hendaklah disusun atur dari paling penting kepada kurang penting.

Contoh. Sebagai ketua buruh, Ahmad harus memastikan pekerjaan ahlinya terjamin dan mendapatkan hari cuti yang lebih.

Dalam kes ini, Ahmad perlu bina hirarki bagi menyelesaikan mengikut keutamaan:


lebih penting: pastikan terjamin pekerjaan
kurang penting: dapatkan cuti yang lebih

Tindakan ini lebih baik kerana melibatkan banyak nilai seperti kebajikan, keselamatan, kehidupan, serta kurangnya pengangguran dan masalah sosial.

2. Strategi Pencairan Masalah

Melibatkan penghasilan beberapa alternatif untuk mengelakkan diri daripada konflik nilai. Terbentuk jika berpandangan jauh.





Ch. Bala ditawarkan jawatan dengan syarikat XYZ di Afrika dengan faedah yang lebih sedangkan dia ada komitmen dengan syarikat ABC di Melaka. Jadi, Bala terpaksa pilih antara nilai tanggungjawab dan nilai memajukan diri serta masa depan terjamin.

Di sini Bala boleh mencapai kedua-dua matlamat (bekerja di XYZ & mempunyai masa depan yang terjamin). Bala boleh mengusahakan rancangan kedua untuk menangani kemungkinan diberhentikan dari XYZ jika berlaku huru-hara di Afrika dengan membeli insuran.

Kelemahan: kurang ketegasan moral & menggalakkan lari dari konflik.

3. Strategi Kompromi

Bermaksud setiap nilai yang terlibat hendaklah diperolehi dengan kadar tertentu.

Dalam kes Bala, satu kompromi yang sesuai ialah dia menepati janjinya, iaitu mula bekerja dengan ABC & tidak berapa lama kemudian, memohon cuti untuk bekerja dengan XYZ.

Dalam kompromi, kita mesti melepaskan sesuatu untuk mendapatkan sesuatu yang lain. Oleh itu, jika pencairan masalah boleh dilakukan, tidak perlu kompromi.

Kelemahan: kompromi hanya boleh diusahakan jika semua pihak berunding dan bersetuju. Kompromi juga biasanya memihak kepada pihak yang ada autoriti.

4. Susun atur strategi oleh Scherer

Cuba cairkan konflik, mungkin semua nilai boleh dicapai @ terdapat alternatif lain. (pencairan masalah).


Jika timbul konflik yang serius, cuba bina hirarki untuk memaksimumkan nilai yang paling utama. (pembinaan hirarki).

Jika hirarki nilai tidak mungkin terbina, maka usakahan persetujuan berdasarkan nilai yang bertentangan itu. (kompromi).

5. Strategi Analisis Nilai

Kes: Su Chin adalah Pengurus Jualan Kanan syarikatnya dan terlibat dalam drama pada masa lapang. Su Chin dipilih sebagai pelakon utama





dalam pertandingan antarabangsa & telah berlatih hampir 6 bulan. Pada tarikh yang sama dia dikehendaki pergi ke Kuwait atas urusan kerja.

Su Chin boleh guna Analisis Nilai iaitu:

Kenalpasti nilai yang berkonflik.

Kenalpasti fakta yang ada dalam dilema.

Senaraikan alternatif yang boleh diambil.

Analisis kesan yang mungkin terhasil.

Pilih satu daripada alternatif serta cari fakta yang relevan untuk sokong / tolak.

Sesuai keputusan muktamad jika dapat diaplikasikan dalam situasi lain, dapat dibuktikan dengan fakta, dapat bayangkan diri dari sudut majikan & kumpulan drama. Jika tidak perlu tangguh & ubah keputusan.

Kelebihan: guna pemikiran fakta & logik serta meneliti banyak fakta & kesan.

Kelemahan: Taksir fakta & logik. Dimensi & perlakuan moral kurang dititikberatkan.

6. Strategi Perkembangan Moral Kognitif

Teori ini bertumpu kepada pertimbangan moral dalam 3 tahap @ 6 peringkat.

Tahap Prakonvensional

Peringkat 1: Orientasi dendaan & kepatuhan.

Peringkat 2: Orientasi instrumental relativis.

Tahap Konvensional

Peringkat 3: Orientasi persetujuan antara individu atau 'good boy - nice girl'.

Peringkat 4: Orientasi undang-undang dan peraturan.

Tahap Pascakonvensional.


Peringkat 5: Orientasi contract-legalistic social. (nilai yang dipersetujui masyarakat)

Peringkat 6: Orientasi prinsip etika sejagat.

Kesimpulan

Individu didapati menyelesaikan sesuatu konflik moral dengan membuat pertimbangan dan keputusan berlandaskan peringkat perkembangan moralnya.





Kritikan: kebolehan menaakul pada peringkat tinggi tidak bermakna kesanggupan mengamalkan tingkahlaku moral. Mementingkan prinsip keadilan serta mengeneipkan prinsip kepedulian.

SOALAN RINGKAS

1. Senaraikan **DUA (2)** aspek penting yang terdapat dalam kandungan etika.
2. Senaraikan **EMPAT (4)** fungsi peraturan masyarakat.
3. Senaraikan **ENAM (6)** sifat-sifat peribadi yang positif yang boleh menjadi tauladan kepada masyarakat.
4. Jelaskan maksud kepentingan yang dipercayai.
5. Senaraikan sifat-sifat yang merujuk kepada perasaan moral.
6. Berikan maksud konflik.

ACTIVITY



Anda telah mendapat Dermasiswa sebanyak RM 5000.00 daripada pihak Kolej. Apakah barang-barang penting yang akan anda belikan bagi keperluan anda sebagai pelajar.

KATA KUNCI

Fungsi masyarakat

Keperibadian mulia

Analisis nilai

Kompromi


Analisis Nilai

Perasaan moral

Situasional

Keadilan





RINGKASAN

- Personaliti dan akhlak yang baik dibentuk oleh persekitaran masyarakat dan nilai-nilai yang positif yang diamalkan dalam kehidupan.
- Manusia mempunyai pemikiran kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah, mempunyai perasaan serta mampu membuat satu keputusan dan tindakan yang lebih rasional.
- Semua konflik perlu ditangani dengan lebih baik.



RUJUKAN

Eow Boon Hin (at.all), *Moral Education Revised Edition*, Pearson: Petaling Jaya, 2008.

Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. 2002.

Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuuid, at.all, *Pengantar Pendidikan Moral*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd. 2016.




TOPIC 3


TEORI DAN SISTEM NILAI

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS:

By the end of topic, you should be able to:

4. Explain application software
5. List types of application software
6. Explain System Software
7. List types of system software





3.1

Teori Kemoralan Sosial

Teori ini diperkenalkan oleh Thomas Hobbes (1588- 1679), Durkheim 1858 – 1917) dan Weber (1966). Tokoh ini menyatakan manusia hidup bermasyarakat.

Teori Kemoralan Sosial merujuk kepada standart @ ukuran moral dalam sesebuah masyarakat berdasarkan norma dan pantang larang dalam masyarakat untuk menjaga kerukunan sosial.

Teori Kemoralan Sosial mengutamakan kepentingan dan faedah masyarakat, bukan kepentingan diri seseorang individu.

Nilai-nilai norma dan peraturan menjadi satu ukuran/ kriteria bagi menentukan sesuatu urusan yang baik/ buruk; diterima/ tidak dalam masyarakat.

Tujuan peraturan masyarakat:

1. Menyekat perbuatan buruk; salah atau tidak wajib (CONTOH: menipu, menceroboh kawasan orang lain dll)
2. Mengawal keselamatan masyarakat dan melindungi kebajikan ahli-ahlinya daripada memberi kepentingan diri kepada seseorang individu.


Contoh - contoh Teori Kemoralan Sosial dalam Masyarakat Malaysia

1. Masyarakat Cina – Menggunakan falsafah yang diperkenalkan oleh Confucius iaitu peribahasa "*Jia you jia gui, guayou guo fa*"- yang bermaksud sesebuah keluarga mempunyai peraturan keluarga dan sebuah negara mempunyai undang-undang negara.

2. Keagamaan

i. Buddha – Dinasihatkan supaya tidak mengamalkan kehidupan yang ekstrem, iaitu tidak terlalu menyiksa diri dan terlalu dikuasai oleh hawa nafsu. Sebaliknya mengamalkan perlakuan mulia (baik hati & kasih sayang) utk mendapatkan balasan yang baik dan akhirnya mencapai nirvana.





ii. Kristian – Dalam kehidupan seharian dihadkan oleh perintah dan larangan dalam kitab Bible yang terkandung Rukun Sepuluh atau dikenali sebagai *The Ten Commandment*. Dalam Rukun Sepuluh yang mesti dipatuhi oleh penganut Kristian adalah seperti jangan membunuh, jangan berzina, jangan mencuri, jangan memfitnah, hormati kedua ibu bapa, dll.

iii. Masyarakat India – Mematuhi peraturan berunsur moral seperti yang ditetapkan dalam buku Ramayana, dan Upanishad. Selain itu mereka turut dan patuh ajaran yang terkandung dalam Kitab Veda seperti Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Artha Veda.

Peraturan ini menjadi panduan bagi penganut Hindu tentang cara yang patut dilakukan dan yang perlu dijaui.

iv. Melayu – Mengamalkan kehidupan berdisiplin melalui ajaran etika & akhlak yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis.

Kebaikan Teori Kemoralan sosial

1. Teori ini cuba mengaitkan kepiawaian moral, peraturan masyarakat dan undang-undang negara atau alam sejagat dengan konsep etika.
2. Ia juga menitikberatkan tanggungjawab setiap individu bagi mematuhi perintah daripada authoriti.
3. Teori ini mengutamakan kepentingan dan faedah masyarakat bukan kepentingan diri individu.

Kelemahan Teori Kemoralan sosial

1. Apabila masyarakat berlainan mpy udg-udg, peraturan, adat resam dan nilai moral yang berbeza akan mengakibatkan salah faham, konflik dan ketegangan masyarakat.


Cth: Rusuhan Kaum 13 Mei 1969 di Malaysia, tercetus kerana cara hidup dan ideologi antara kaum Cina dan Melayu yang berbeza.

2. Peraturan masyarakat ditentukan oleh pihak autoriti dan diterima oleh ahli masyarakat sehingga menjadi tradisi dan bersifat mutlak.

Sifat ini menyebabkan ahli masyarakat menjadi dogmatik atau sukar untuk berubah.

Cth: Penggunaan komputer yang canggih menimbulkan fobia (ketakutan) bagi sesetengah orang terutama golongan tua yang tiba-tiba terpaksa





berdepan dengan penggunaan komputer yang canggih dalam kehidupan seharian. Manakala bagi generasi muda, penggunaan komputer adalah satu keperluan dan kemahiran yang mesti dikuasai.

3. Peraturan masyarakat kadangkala dicabar oleh ahli masyarakat itu sendiri. Ada kemungkinan ahli masyarakat menginkar perintah yg autokratif dan melakukan perbuatan yg piawaian moral dlm masyarakat.

Cth: Ada orang menggunakan loophole dalam peraturan @ undang-undang menyeludup senjata api atau barang-barang yang dikenakan cukai untuk mendapatkan keuntungan. Perbuatan ini walaupun dilakukan secara sulit tetapi merugikan masyarakat dan negara.

4. Teori ini dapat mengaitkan peraturan dan adat resam masyarakat dgn konsep etika tetapi peraturan yg dogmatik ini menyebabkan ahli-ahli masyarakat sukar menyesuaikan diri dgn situasi baru.

Begitu juga dgn peraturan atau undang-undang yang dianggap tidak baik, zalim serta tidak boleh dicabar tetapi masyarakat terpaksa mematuhiya walaupun tindakan ini bertentangan dengan suara hati mereka.

Contoh: Kekejaman polis di sesetengah negara terhadap rakyatnya sendiri. Ini kerana polis tersebut diletakkan di bawah pemerintahan kerajaan yang zalim.

3.2

Teori Keperibadian Mulia


Teori Keperibadian Mulia merujuk kepada sifat peribadi mulia yang membuatkan individu menjadi agen moral dan diterima dalam masyarakat setempat dan global.

Teori Keperibadian Mulia sentiasa membuat seseorang individu bertanya kepada diri sendiri "Apakah yang patut saya lakukan dan mengapakah saya patut bertindak sedemikian rupa?"

Fokus Teori Keperibadian Mulia ialah mengutamakan sifat peribadi mulia terhadap suatu kehidupan yang bermoral.

VIRTUES- keperibadian mulia: sekumpulan konsep mencakupi keadilan, kemurahan hati, keberanian, kejujuran, kesabaran dan kebijaksanaan yang memainkan peranan peting dalam kehidupan.





Mengikut pandangan Aristotle - Keperibadian Mulia tidak dihasilkan dalam diri seseorang individu oleh alam semula jadi. Maksudnya seseorang individu tidak dilahirkan dengan sifat baik/ jahat.

Seseorang individu membina Keperibadian Mulia berdasarkan tumbesaran dan perkembangan fizikal yang mempunyai peringkat-peringkat, seperti berikut:-

1. KANAK-KANAK:

Hanya diberitahu, yang mana betul, yang mana salah.
Akan patuh tanpa berfikir untuk elak daripada hukuman.
Pematuhan ini berdasarkan kepiawaian moral: berasaskan kepentingan diri.

2. REMAJA:

Kepiawaian moral diterap secara mendalam.
Mula memahami implikasi dengan lebih jelas dan akan patuh, dapat meningkatkan kesejahteraan orang lain.
Kepatuhan kepiawaian moral: berasaskan kesetiaan kepada keluarga, kawan-kawan atau negara.

3. DEWASA:-

Matang dan rasional.
Memperoleh kepiawaian moral melalui: warisan daripada keluarga, rakan-rakan, kebudayaan atau agama.
Mulai menilai Kepiawaian moral dan akibat secara rasional; mengkaji semula kekurangan-kekurangan.

Kemoralan: berasaskan kepiawaian sejagat yang mengambil kira kebajikan dan kepentingan untuk semua orang.

Ciri-ciri keperibadian mulia seseorang individu:-

1. Diperoleh melalui pengajaran-pembelajaran atau latihan.
 2. Tabiat-maksud- kelakuan biasa yang ditetapkan dan ditonjolkan.
 3. Sesuatu yang boleh diguna pakai bagi membolehkan kita menetapkan bagaimana untuk berkelakuan dan bertindak.
 4. Baik; sempurna dan membenarkan kita bertindak dalam cara terbaik.
- 


Cara-cara mengembangkan sifat peribadi mulia



Perbezaan KEMAHIRAN dan KEPERIBADIAN MULIA.

KEPERIBADIAN MULIA	KEMAHIRAN
1. Warisan kelakuan yang penting untuk semua orang.	Seperti melakukan pengiraan matematik tidak sepenting- kita boleh tidak mempunyai kemahiran spt seni mengukir kayu.
2. Kualiti yang membenarkan kita berjaya dalam kehidupan.	Seperti seni mengukir kayu adalah hanya satu aktiviti yang spesifik.
3. Kadangkala, untuk mengamalkan sesuatu keperibadian mulia agak sukar. CONTOH: bercakap benar adalah sukar sekiranya hati cenderung untuk berbohong.	Boleh memperoleh kemahiran dengan memberi latihan yang banyak.

4. Kita perlu marah pada orang yang hilang keperibadian mulia.	Kita tidak boleh marah pada orang yang lupa kemahiran.
5. Tidak boleh mengambil 'cuti moral' .	Dibenarkan mengambil 'waktu rehat' untuk pelaksanaannya.



3.3

Teori Etika Teleologikal

Teori ini diperkenalkan oleh Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873). Mereka adalah ahli falsafah British.


Definisi:

Perkataan Teleologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *telos* yang bermaksud tujuan atau matlamat. Prinsip ini menyatakan tindakan betul atau salah ditentukan oleh kepentingan tindakan tersebut kepada orang ramai.

Teori Teleologikal ialah nilai betul atau salah bergantung kepada akibat sesuatu perbuatan.

Sekiranya perbuatan tersebut memberikan kesan yang baik ia dianggap sebagai bermoral, manakala jika ia memberikan kesan yang tidak baik bermakna perbuatan itu tidak bermoral.

Ini bermakna Teori Teleologikal ialah merujuk kepada nilai betul dan salah bergantung kepada akibat sesuatu perbuatan.



Teori ini mempunyai 2 aliran atau prinsip utama iaitu ***utilitarianisme*** ***dan egoisme***.

1. PRINSIP UTILITARIANISME.

Berasal: perkataan *utility*: maksud - sesuatu atau barang yang berguna dan memberikan berfaedah atau bermanfaat.

Perkataan "utilitarian"- disebut oleh Jeremy Betham (1748-1823): seorang ahli falsafah yang terkenal dalam sejarah teori utilitarian.

Adalah berkaitan: tindakan seseorang yang berasaskan tujuan memaksimumkan kebahagiaan/ keseronokkan untuk bilangan orang yang banyak.


Maksud: kita perlu menilai sesuatu tindakan berdasarkan kepada kegunaannya / faedahnya untuk kebanyakan orang bagi memperbaiki kualiti hidup kita.

CONTOH: kes pengeboman Hiroshima adalah bertujuan untuk menghentikan peperangan dunia yang telah banyak mengorbankan nyawa manusia.

Peperangan dan cara peperangan dikendalikan dianggap wajar dari segi moral oleh etika utilitarianisme –jika hasilnya membawa kebahagiaan dan kebaikan lebih daripada kesengsaraan dan penderitaan.

John Stuart Mill (pengikut utilitarianisme terkemuka): konsep utiliti/ Prinsip kebahagiaan terbanyak – menekankan- sesuatu perlakuan itu benar/ baik mengikut kadar/ perimbangan kebahagiaan yang dimajukan dan dihasilkan oleh perlakuan itu.





2.PRINSIP EGOISME.

- Diperkenalkan oleh Friedrich Wilheam Nietzsche (1844-1900). Beliau adalah berketurunan bangsawan yang menentang peraturan moral. Ia dikaitkan dengan konsep pengorbanan diri, suara batin, dosa dan pahala.
- Prinsip ini memekankan kepada apa sahaja tindakan yang dilakukan mempunyai kesan atau manfaat kepada diri sendiri.


MAKSUD: teori yang menganggap nilai itu baik jika menguntungkan diri sendiri dan nilai itu buruk/ jahat jika merugikan diri sendiri.

Dibahagi kepada DUA:

1. EGOISME PSIKOLOGI.
2. EGOISME ETIKA.

EGOISME PSIKOLOGI	EGOISME ETIKA.
1. Satu teori deskriptif mengatakan bagaimana orang melakukan tindakan.	Memberitahu bagaimana mereka perlu bertindak.
2. Berpendapat:semua orang adalah <i>selfish</i> .	Semua orang perlu <i>selfish</i> .





3.4

Teori Etika Deontologikal

Definisi:

DEONTOLOGI – berasal daripada perkataan Yunani. 'DEON - bermaksud tugas atau kewajipan.

Teori Deontologikal bermaksud teori etika yang menganalisis tanggungjawab dan kewajipan kita terhadap cara kita melayan orang lain dan apakah tanggungjawab kita terhadap mereka.

Teori ini berorientasikan tindakan dan perlakuan tetapi peraturan juga diambil kira.

Dalam teori ini, tindakan individu difokuskan dan bukannya pada kesan tindakan.

Untuk memilih tindakan moral yang betul, kita perlu memahami obligasi atau kewajipan moral kita dan apakah peraturan betul yang sedia ada untuk kita melakukan kewajipan tersebut.


Terbahagi kepada 2 prinsip:

1. Prinsip Kewajipan
2. Prinsip Eksistensialisme

1. PRINSIP KEWAJIPAN.

Diperkenalkan oleh Immanuel Kant

Mengikut Immanuel Kant: ia adalah satu prinsip dalam teori deontologi peraturan yang merujuk kepada Prinsip Kewajipan.



Prinsip ini menegaskan: "*duty for the sake of duty*" iaitu tanggungjawab dilaksanakan semata-mata kerana amalan itu merupakan satu tanggungjawab.

2. PRINSIP EKSISTENSIALISME.

Diperkenalkan oleh : Jean Paul Sarte.

Prinsip ini mempercayai bahawa kewujudan mendahului intipati.

Prinsip ini menegaskan bahawa nilai baik @ buruk mesti berasaskan pilihan individu secara bebas.

CONTOH:

1. Menderma kepada fakir miskin adalah nilai baik jika ia dilakukan atas pilihan sendiri. TETAPI menjadi nilai buruk jika kerana terpaksa.
2. Merokok boleh menyebabkan masalah kesihatan, tetapi amalan merokok tetap diteruskan oleh masyarakat Malaysia kerana ia adalah pilihan individu secara bebas.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya teori-teori sistem nilai yang dibincangkan mempunyai prinsip yang tersendiri. Aliran tersebut mempunyai persoalan moral yang bersifat sekular, kurang memahami dalam aspek hati, perasaan, sikap dan niat suci yang bebas daripada ikatan ketuhanan. Pelbagai aliran etika didapati baik dan bermoral pada sesetengah orang dan boleh menjadi buruk dan tidak bermoral kepada orang lain apabila melibatkan aspek masyarakat, pemikiran, masa dan situasi yang berbeza.



ACTIVITY



Anda dikehendaki untuk menyenaraikan amalan-amalan, adat dan pantang larang yang masih diamalkan oleh masyarakat anda sehingga kini.

SOALAN RINGKAS

1. Apakah maksud teori Kemoralan sosial.
2. Senaraikan sifat-sifat keperibadian mulia yang sangat disukai oleh orang ramai.
3. Berikan contoh - contoh yang sesuai bagi menunjukkan Prinsip Eksistensialisme dalam kehidupan anda.
4. Berikan definisi prinsip egoisme.
5. Terangkan secara ringkas apa yang anda tahu tentang Teori Deontologikal.
6. Nyatakan 2 prinsip yang terkandung dalam teori Teleologikal.

KATA KUNCI

Nilai

Teleologikal

Utilitarianisme

Eksistensialisme

Kemoralan sosial

Deontologikal

Egoisme

Kewajipan

RINGKASAN

Dalam bab ini, menerangkan kepada kita bagaimana untuk membuat suatu keputusan dan tindakan. Adakah keputusan yang dibuat itu memberikan kesan atau manfaat ke atas individu atau ramai orang. Seharusnya biarlah setiap tindakan dan keputusan yang dibuat memberikan manfaat kepada orang lain dan bukannya mendatangkan kesusahan kepada orang lain.



RUJUKAN

Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuud, at.all, *Pengantar Pendidikan Moral*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd. 2016.

Eow Boon Hin (at.all), *Moral Education Revised Edition*, Pearson: Petaling Jaya, 2008.

Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. 2002.

TOPIC 4

NILAI ETIKA DAN MORAL DALAM PERSPEKTIF AGAMA

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS:

Di akhir topik ini, pelajar akan dapat;

1. Mengetahui agama-agama yang diamalkan oleh masyarakat di Malaysia.
2. Memahami nilai etika dalam kepercayaan masyarakat bagi memupuk toleransi dan kebebasan beragama di Malaysia.



Sumber: Perayaan Masyarakat Malaysia

4.1

Definisi Agama

Agama adalah satu bentuk kepercayaan kepada Tuhan yang dapat dirasakan dan dipercayai ghaib dan suci. Pengikut akan mentaati perintah Tuhan dan meninggalkan larangannya. Ia berkait rapat dengan adat dan budaya sesebuah masyarakat.




Definisi agama mengikut pandangan Sarjana Barat.

1. Malinoweski






Tokoh yang memperkenalkan teori psikologi mengatakan agama lahir apabila berlaku tindakbalas terhadap keresahan, ragu-ragu, cemas dan ketakutan yang dihadapi oleh individu dalam masyarakat.

2. Carl Jung



Carl Jung agama merujuk kepada satu bentuk penjelmaan tatacara atau peraturan yang dikembangkan untuk menjalani kehidupan disebabkan ketakutan dan kekecewaan yang berlaku diluar kesedarannya.


3. A.C Bounquet 	Mengikut A.C Buquet agama adalah satu bentuk perhubungan antara Manusia dengan Tuhan. Secara tidak langsung sebenarnya agama yang terjalin antara manusia adalah bersifat mahakuasa dan manusia hanya mampu bergantung kepada kuasa tersebut untuk mendapatkan perlindungan.
4. Karl Marx 	Karl Max mengatakan Agama adalah candu kepada masyarakat seluruh dunia. Beliau merupakan pengasas fahaman komunisme berpandangan begitu apabila melihat agama menjadi sumber ketagihan masyarakat yang lemah dan hilang tempat bergantung harap.
5. Edward Burnett Tylor  — Edward Burnett Tylor — Culture or civilization, taken in its wide ethnographic sense, is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society — AZ QUOTES —	Edward Bunett Taylor mendefinisikan agama adalah kepercayaan kepada makhluk ghaib.

4.2

Mengapa Kita Perlu Beragama?

Kita perlu mempunyai agama kerana ia adalah :

1. Satu keperluan asas
2. Satu bentuk pemikiran manusia
3. Kuasa agung
4. Tempat mengadu dan mohon pertolongan
5. Kesejahteraan Akhirat
6. Hakikat diri, alam sekitar, alam sekitar dan pengalaman alam ghaib



4.3

Ciri-ciri Agama

Ciri-ciri agama adalah seperti berikut:

1. Percaya wujudnya Tuhan.
2. Mempunyai Pengikut.
3. Satu cara hidup yang lengkap.
4. Kitab suci sebagai rujukan.
5. Satu sistem kepercayaan, falsafah dan pandangan semesta.
6. Mempunyai hari suci dan perayaan.
7. Mempunyai tempat suci.
8. Menggunakan Bahasa yang khusus
9. Percaya wujud hari pembalasan
10. Mempunyai perundangan yang menentukan nilai baik@buruk

4.4


Peranan agama

Berikut adalah peranan agama dalam kehidupan manusia. Antaranya;

1. Sumber nilai moral
 2. Penyatuan
 3. Penyatuan
 4. Nasionalisme
 5. Perpaduan Nasionalisme
 6. Kewujudan Tamadun
 7. Fungsi Pemerintahan
 8. Mengembangkan Kesenian
- 

4.5

Konsep Kepercayaan



Kepercayaan Animisme

Kepercayaan animisme adalah percaya kepada benda yang dianggap mempunyai roh atau semangat. Misalnya pokok, binatang, busut. Ia bergantung kepada masyarakat itu sendiri.



	
Kepercayaan Monoteisme	Kepercayaan kepada satu Tuhan seperti agama Islam, Kristian dan agama Yahudi. 
Kepercayaan Politiesme	Kepercayaan kepada banyak Tuhan seperti agama Buddha, Hindu. 
Ateisme	Golongan yang tidak mempercayai atau menafikan kewujudan Tuhan.

4.6

Jenis-Jenis Agama

Agama yerbahagi kepada 2 jenis iaitu agama Samawi dan agama Duniawi.

Agama Samawi

- Agama yang turun dari langit. Maksudnya ia diturunkan oleh Allah melalui malaikat kepada nabi atau rasul untuk disebar kepada penganutnya. Misalnya Agama Islam, Kristian dan Yahudi.

Agama Duniawi


- Agama Duniawi atau lebih dikenali sebagai ajaran kerana ia diasaskan oleh manusia seperti ahli falsafah, tokoh-tokoh pendeta dan sebagainya.
- Misalnya agama Hindu, Buddha, Confucius, Taoisme dan Sikh.



Penyebaran Agama-agama besar di rantau Asia Tenggara

Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=MghhmZG%2F&id=484E263A76914D21F9B4A62309CF8D7BACFF346C&thid=OIP>.



Statistik penduduk Malaysia mengikut anutan agama sehingga Tahun 2021

Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=eLdrrFDO&id=B194984DC7CAA378107248FC4C91C4DB5DDD61AB&thid=OIP>



4.7

Agama Islam

Agama Islam adalah agama yang paling muda antara agama-agama utama dalam dunia.

Agama Islam mula berkembang dari Arab Saudi pada 1400 tahun dahulu dengan meluas di serata dunia.

Ajaran agama Islam adalah ajaran yang paling berpengaruh dalam menerangkan pembangunan manusia.

Kematian tidak bermaksud musnahnya roh. Roh manusia wujud dalam bentuk bukan material sehingga hukuman dikenakan di hari kiamat – syurga @ neraka.

Tumpuan utama diberikan kepada perkembangan tingkah laku, sahsiah, dan akhlak serta perhubungan dengan Tuhan (dititikberatkan).

Tubuh manusia adalah nyata: boleh membesar dan bergerak.

Roh (spirit): berbentuk abstrak: iaitu boleh memutuskan, menilai, dan mengarahkan perbuatan manusia.

TUBUH (jasad): perlu nafsu makan, air, udara, seks dan lain-lain.

ROH: perlu pencapaian moral dan akhlak tanpa cacat sebagai matlamat akhir.

Manusia mempunyai DUA unsur iaitu ROH & JASAD.

Manusia diberi amanah sebagai Khalifah di muka bumi ini untuk menegakkan kebenaran, kedamaian, menghapuskan kemungkaran dan penyelewengan bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kitab-kitab dalam ajaran Islam adalah AL-QURAN & AL-HADIS.

1. AL-QURAN:

Kalam (kata-kata suci) Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW secara tawatur (pewujudan, kelihatan dalam mimpi, dlln) dalam Bahasa Arab menerusi Malaikat Jibril.

CONTOH: " Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Sesungguhnya Kamilah yang memelihara dan menjaganya".





Foto : Al-Quran dan Hadis

2. HADIS.

Perkara-perkara yang disandarkan kepada perkataan, perbuatan, tingkah laku, akhlak, serta pengakuan Nabi Muhammad SAW.

CONTOH: "Hari yang lebih baik apabila munculnya matahari ialah hari jumaat, kerana hari tersebut Allah telah menjadikan Adam, hari jumaat Adm dimasukkan ke syurga, hari itu juga dikeluarkan ia darinya dan kiamat akan berlaku pada hari jumaat"

ASPEK-ASPEK AJARAN ISLAM



AQIDAH

Percaya wujudnya Allah SWT, iaitu Tuhan yang wajib disembah dan tiada Tuhan melainkan Allah SWT.

Keimanan dan kepercayaan dikenali sebagai AQIDAH.

AQIDAH dimanifestasikan menerusi syariah (peraturan atau undang-undang) dan ibadah.

IBADAH

DEFINISI:-

Dari segi bahasa - ibadah bermaksud patuh, taat & menyerah diri kepada pihak lain.

Dari segi istilah, ibadah adalah sebarang tindakan yang melambangkan perasaan merendahkan diri, patuh, dan menyembah Allah SWT dengan penuh keimanan, ketaqwaan dan keikhlasan; sama ada ibadah khusus @ ibadah umum.

IBADAH KHUSUS adalah seperti Rukun Islam dan Rukun Iman.

IBADAH UMUM: segala aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan lain-lain.

AKHLAK

Dari segi bahasa, akhlak adalah satu bentuk kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap, tabiat dan tingkah laku.

Dari segi istilah, akhlak adalah perbuatan yang telah menjadi adat kebiasaan, apabila dilakukan tidak perlu berfikir panjang.

KONSEP IBADAH

Ibadah terdiri daripada **ENAM (6)** rukun seperti di bawah: (disebut sebagai RUKUN IMAN)

1. Beriman kepada Allah SWT.
2. Beriman kepada malaikat.
3. Beriman kepada kitab.
4. Beriman kepada rasul.
5. Beriman kepada hari kiamat.
6. Beriman kepada qada dan qadar.

RUKUN ISLAM:


1. Mengucap dua kalimah syahadah.
2. Sembahyang lima waktu sehari semalam.
3. Berpuasa di bulan ramadhan.
4. Mengeluarkan zakat.
5. Menunaikan haji bagi yang mampu.






PERAYAAN BAGI MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Perayaan	Huraian
Bulan Ramadan	• Bulan kesembilan dalam tahun Hijrah yang menuntut umat Islam supaya berpuasa selama sebulan. • Pada bulan Ramadan umat Islam dididik untuk mengawal nafsu seperti tidak makan dan minum pada waktu siang dan melakukan segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa. • Puasa diwajibkan ke atas orang Islam bagi tujuan mendidik jiwa manusia agar sabar dan memahami kesusahan orang lain. • Puasa dapat merehatkan perut manusia dan ini akan memberikan kesan kepada kesihatan badan seseorang. • Dalam bulan Ramadan aka nada satu malam yang dinamakan <i>Lailatul Qadar</i> yang mana semua umat Islam perlu merebut pahala atau ganjaran yang diberikan Allah pada malam tersebut.
Hari Raya Aidilfitri	• Hari Raya Aidilfitri diraikan setahun sekali pada bulan Syawal mengikut kalender Islam sebagai hari kemenangan dan hari kegembiraan setelah umat Islam berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan (kalender Islam) sebulan sebelum bulan Syawal. • Umat Islam akan menunaikan solat sunat Aidilfitri, seterusnya saling mengunjungi sesama jiran tetangga, sanak saudara dan kenalan yang



	lain sambil bermaaf-maafan. • Sambutan hari raya akan dimeriahkan lagi dengan juadah istimewa yang disediakan untuk menjamu selera.
Hari Raya Aidiladha	• Hari Raya Aidiladha dikenali sebagai Hari Raya Korban yang dirayakan oleh umat Islam diseluruh dunia pada 10 Zulhijah. • Pada hari tersebut, umat Islam melakukan solat sunat Aidiladha dan berkorban binatang ternakan sebagai mengenang keyakinan Nabi Ibrahim a.s yang teguh kepada Allah SWT.
Nuzul Quran	• Hari Nuzul Quran merupakan hari ke-7 bulan Ramadan sempena hari turunnya al-Quran buat kali pertama kepada Nabi Muhammad SAW. • Ayat Al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat sehingga lengkap sebagaimana al-quran yang ada pada hari ini. • Peristiwa ini berlaku semasa Nabi Muhammad berada di Gua Hira'. • Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi SAW kerana al-Quran menjadi petunjuk kebenaran kepada semua umat manusia.
Maulud Nabi / Maulidul Rasul	• Maulud Nabi merupakan sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW. Baginda ialah nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT. • Sambutan Maulidul Rasul disambut dengan mengadakan ceramah agama, perarakan, berselawat dan mengadakan majlis Maulidul Rasul untuk memperingati Nabi Muhammad SAW.
Awal Muharam	• Hari pertama dalam Tahun Islam (Tahun Hijrah), iaitu hari pertama pada bulan Muharam.
Maal Hijrah	• Maal Hijrah ialah hari yang sangat bermakna dan penting untuk diingati oleh umat Islam diseluruh dunia. • Hari tersebut merupakan satu peristiwa penting yang tercatat dalam Kalendar Islam, yang mengisahkan Nabi Muhammad SAW telah berhijrah dari kota Mekah ke Kota Madinah pada tahun 622 Masihi.





	• Pengajaran daripada peristiwa ini, umat Islam digalakkan agar berubah. Berubah daripada sifat yang kurang baik kepada yang lebih baik untuk agama, diri dan masyarakat. Maksudnya hijrah adalah perubahan dalam hidup ke arah yang lebih baik.
--	--

Sumber : Mardiana Nordin dan Hasnah Hussiin, *Pengajian Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Bakti, 2016, hlm. 341-361.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya agama Islam adalah agama yang sempurna dan boleh digunakan sepanjang zaman. Ia meliputi aspek aqidah, ibadah dan syariah. Agama Islam amat menekankan tentang menjaga kehormatan seluruh umat manusia. Manusia merupakan khalifah, yang mampu memimpin umat manusia agar bertingkah laku dengan baik.



Agama Kristian



Kepercayaan agama Kristian adalah hanya kepada Satu Tuhan.

Pengasas agama Kristian: Yesus Kristus (Jesus Christ)

Christ bermaksud 'penyelamat'- yang dihantar oleh Tuhan untuk menyelamatkan dunia ini dari Origanal Sin (dosa terdahulu).

Orang-orang Yahudi yang percaya: bahawa Jesus adalah seorang nabi yang berasal dari kaum Yahudi.

Tuhan yang disembah mempunyai TIGA imej: GOD THE FATHER, HOLY SPIRIT dan HOLY SON.

kitab utama adalah BIBLE.



Mazhab Ajaran Kristian

1. OTORDOKS	kebanyakan gereja di Eropah Timur dan Rusia.
2. ROMAN KATOLIK	penganut Kristian yang paling banyak.
3. THE LEUTHERAN	penyokong/ pengikut Martin Luther. Anggota gereja Protestan di Jerman.
3. CALVINIS	pengikut John Calvin daripada mazhab Protestan.
4. AGLICAN	gereja England/ gereja yang bersekutu dengannya, seperti Methodist.

Bahagian asas manusia terdiri: Jasad & Roh.

Buku pertama Bible- Genesis- memberi gambaran bagaimana manusia dicipta oleh Tuhan dalam bentuk jasad dan mempunyai roh.

Roh yang dipercayai orang Kristian: mempunyai 3 roh: roh tumbesaran, roh perasaan & roh intelektual.

Roh tumbesaran: memberi kuasa manusia untuk membiak & tumbesara sama seperti benda-benda hidup yang lain.

Roh perasaan: termasuk deria-deria luar dan emosi dalaman.

Roh intelektual: terletak pada taraf paling tinggi, iaitu manusia boleh berfikir, ada ingatan, ada perasaan afektif, kreatif dan kritis.


Etika agama Kristian telah dijelaskan secara terperinci serta berbentuk kisah & nasihat dalam Kitab Injil Lama/ Perjanjian Lama (Old Testament) dan Kitab Injil Baru/ Perjanjian Baru (New Testament).

Keseluruhan Bible: 66 buah buku.

OLD TESTMENT

Memperihalkan bagaimana Tuhan mencipta alam dalam masa 6 hari dan hari ke-7 ialah hari rehat bagi semua penganut Kristian.

Bermula dengan Buku Genesis-menceritakan bagaimana manusia pertama Adam & Hawa dicipta oleh Tuhan di atas muka bumi ini.



Old Testament: juga menyampaikan hukum-hukum "The Ten Commandments (Sepuluh Rukun) yang diperkenalkan oleh Tuhan melalui Nabi Musa (Moses).

"The Ten Commandments" berada dalam Buku Exodus: buku ke-2 dalam Old Testament.

Perlakuan penganut Kristian dalam kehidupan seharian dihadkan oleh perintah-perintah dan larangan-larangan dalam "The Ten Commandments seperti berikut:

1. Jangan ada tuhan-tuhan lain di hadapan-ku.
 2. Jangan membina apa-apa patung yang menyerupai apa-apa di atas syurga, bumi atau air bawah bumi.
 3. Jangan menggunakan nama Yahweh Tuhanmu dengan sebarang tujuan jahat.
 4. Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabbath.
 5. Hormatilah ayah dan ibumu.
 6. Jangan membunuh.
 7. Jangan berzina.
 8. Jangan mencuri.
 9. Jangan membuat tuduhan palsu terhadap jiran.
 10. Jangan berhasrat memiliki harta benda jiranmu; jangan berhasrat memiliki isteri @ orang gaji.
- 



NEW TESTAMENT

Buku pertama yang berjudul *The Gospel Of Matthew* - menyampaikan berita baik tentang pelaksanaan janji Tuhan dengan pengikut-pengikutnya dalam Old Testament : menghantar anak-Nya, Jesus Christ).

Memperihalkan kelahiran Jesus Christ; menjelaskan pembaptisan dan khutbah Jesus Christ; pengajaran dan kuasa merawat rakyat di Galilee; SERTA perjalanannya ke Jerusalam (tanah suci bagi orang Kristian).

Diakhiri dengan kisah Jesus disalib dan dihidupkan semula.

Berita baik/ Gospel: menyatakan Jesus ialah Anak Tuhan (Son of God) – mempunyai autoriti menginterpretasikan Undang-undang Tuhan (Law of God) & mengajar mengenai alam pemerintahan Tuhan (God's Kingdom).

New Testament : ajaran Jesus Christ sendiri- tujuan- memperkukuhkan undang-undang & perintah-perintah yang diturunkan oleh Tuhan.

Banyak tumpuan diberi kepada pernyataan "the Good News about Jesus Christ, the Son of God.

Jesus Christ digambar: sbg orang yang bertindak & berkuasa.

Kekuasaan Jesus Christ: dilihat dalam ajarannya, dan kebolehannya mengatasi syaitan, serta berupaya memaafkan dosa orang lain.

Jesus Christ diturunkan ke dunia untuk membebaskan manusia daripada segala dosa.

Jesus Christ ialah eternal Word of God': muncul sebagai manusia dan tinggal bersama manusia.

PERAYAAN BAGI PENGANUT AGAMA KRISTIAN.



Sambutan Hari Ester




Sambutan Hari Krismas

Hari Krismas	• Hari ini juga dikenali sebagai Hari Natal, diraikan pada 25 Disember setiap tahun kerana dianggap sebagai tarikh lahir Jesus.
Ester	• Perayaan ini diraikan dari akhir bulan Mac hingga berakhirnya April setiap tahun. • Semasa Ester, penganut Kristian akan berkumpul di gereja dan beribadat. • Mereka juga bertukar-tukar hadiah yang diberikan dalam bekas berbentuk telur.
Good Friday	• Hari ini diraikan pada hari Jumaat sebelum Ester, iaitu hari memperingati Jesus disalib.

4.9


Agama Hindu



Sumber :

Pengenalan

- Ajaran ini merupakan ajaran tertua didunia.
- Ia dibawa oleh bangsa Arya dari Lembah Indus.
- Ajaran ini dikenali sebagai Sanatana Dharma yang bermaksud agama kekal abadi.
- Perkataan Hindu diambil dari Sungai Sindu (Indus).
- Perkataan 'Hindu': sebenarnya adalah sebutan pelat bagi perkataan "sindhu" yang disebut oleh orang-orang Parsi (bangsa Aryan).



Sejarah kedatangan Agama Hindu

PERINGKAT 1

- Kedatangan bangsa Arya ke India: melahirkan tradisi keagamaan melalui syair dan puisi terhadap pemujaan dewa-dewa yang terkumpul dalam empat himpunan (samhita): iaitu Rig Veda; Sama Veda; Yajur Veda & Atharva Veda.


PERINGKAT KE-2.

- Peringkat Brahmin: golongan Brahmin memonopoli kekuasaan agama & duniawi.
- Muncul empat kasta besar masyarakat iaitu: Brahma; Kshatriya; Vaisya & Sudra.

PERINGKAT KE-3.

- Peringkat Upanishad: menekankan persoalan-persoalan falsafah & kebatinan.
 - Perbincangan tertumpu kepada perbahasan: persoalan "atman" @ jiwa.
- 

Mazhab-mazhab ajaran Hindu



SAIVA	aliran kumpulan yang mengutamakan pemujaan Dewa Siva.
VAISNAVA	mengutamakan pemujaan Dewa Visynu.
SAKTA	mengutamakan pemujaan Dewa Sakhti.
GANAPATHY	mengutamakan pemujaan dewa Ganapathy/ Ganesa.
SAURA	mengutamakan pemujaan Dewa Suria.

KITAB-KITAB SUCI AGAMA HINDU

Terbahagi kepada 2 bahagian:-

1. SRUTI:

Setiap kitab yang mengandungi ajaran-ajaran, yang secara langsung diwahyukan daripada Brahma (zat tunggal Maha Pencipta) kepada setiap RISHI (orang suci).

Kitab yang termasuk dalam bahagian ini: KITAB VEDA.

2. SMRITI:

Setiap amalan tradisi (ucapan, perbuatan, tulisan) yang mengandungi ajaran seorang Rishi @ ajaran seorang Acharya (guru).

Kitab dalam himpunan ini: Brahmanas; Upanishad; Mahabrata; Ramayana; Purana dlln.

Kitab Utama Veda

Perkataan "veda" – bermakna- pengetahuan (Book of Knowledge).


Veda: kumpulan pujian-pujian keagamaan yang dinyanyikan oleh para pendeta Brahmin daripada bangsa Arya.

Dianggap ensiklopedia agama Hindu: mempunyai nilai sejarah yang besar kerana sastera keagamaan mencerminkan kehidupan bangsa Arya di India.

Menceritakan tempat penempatan dan pengembaraan; agama dan politik; peradaban dan kebudayaan; kehidupan serta pergaulan masyarakat Arya.

Kitab utama Veda terdiri daripada *Rig Veda*, *Sama Veda*, *Yajur Veda* dan *Atharva Veda*.

<i>Rig Veda</i>	● Kandungan: tentang sajak-sajak dalam upacara-upacara penyajian dan persembahan korban untuk dewa-dewa. ● Masyarakat Hindu mengamalkan nyanyian-nyanyian agama dalam upacara sembahyang dan majlis-majlis perkahwinan.
<i>Sama Veda</i>	● Kandungan: kumpulan lagu-lagu keagamaan yang dinyanyikan dalam upacara sembahyang dan pembacaan doa.
<i>Yajur Veda.</i>	● Kandungan: mantra-mantra & doa-doa yang berbentuk ayat-ayat prosa dan puisi untuk dibaca oleh pendita-pendita - ketika upacara sembahyang & penyajian korban untuk dewa-dewa.
<i>Atharva Veda.</i>	● Kandungan: mantra-mantra & jampi-jampi



	yang berbentuk sihir; ilmu-ilmu ghaib dan kepercayaan-kepercayaan karut India purbakala; yang digunakan dalam pengobatan penyakit, ubat pengasih, menghancurkan musuh dsebagainya.
--	---

Setiap Veda mempunyai 4 bahagian iaitu:

1. Samitha
2. Brahmanas
3. Aranyka
4. Upanishad

UPANISHAD.

Merupakan teks falsafah yang paling utama.

Orang yang beretika Upanishadik: dikehendaki mengatasi masalah emosi; perasaan; kecenderungan; dan sentimen dalam pengejaran.

Ada TIGA nilai baik yang disanjung dalam Upanishad:

1. DAMNYATA: penahanan diri.
2. DATTA: menderma @ mengorbankan diri.
3. DAYADHVAM: belas kasihan.

upanishad: menegaskan hubungan duniawi dengan batin swadiri dan pencapaian kerohanian yang paling tinggi tahapnya adalah tumpuan utama ajaran ini.


PERATURAN-PERATURAN KASTA.

Satu prinsip peraturan sosial telah diperkenalkan; iaitu masyarakat distrukturkan kepada EMPAT kelas: dipanggil 'varna' (warna).

Perkataan 'kasta' dipercayai- asal- perkataan Portugis yang digunakan di england untuk:-

Mengenal pasti perbezaan dan kelas di kalangan masyarakat Hindu ketika itu.





Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=Byw5t5ML&id=D45839B1803312199FA834163B0F40C15AD9922A&thid=OIP>


EMPAT pembahagian kasta:-

1. BRAHMANA/ BRAHMIN (orang beragama; pendidik)
2. KSHATRIYA (pentadbir; pegawai pertahanan).
3. VAISHYA (petani; ekonomis).
4. SHUDRA (hamba; buruh).



Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=h7Hc1qZp&id=331374FAFDFAF111508C64D67EAF5CCF0B21D098&thid=OIP>



BRAHMANA/ BRAHMIN.

Ia adalah Pendeta-pendeta & para cendekiawan Hindu.
Pantang larang yang mesti di jauhi:

1. Dilarang membaca kitab suci di hadapan seorang Sudra, sekalipun untuk dirinya- mengajar orang Sudra tentang hukum agama akan menjermukannya dalam "Asamvrita" (neraka).
2. Tidak dibenarkan menerima hadiah daripada seorang Sudra- dianggap berdosa besar.
3. Andainya seorang Brahmin berada dalam kelaparan- ia hanya boleh menerima gandum kering daripada Sudra tetap tidak boleh memakan masakan milik Sudra.

KSHATRIYA.

- Dipilih di kalangan mereka yang mendalami kitab-kitab veda.
- Raja juga dipilih dari kalangan ini.
- Mereka dihormati seperti ketua-ketua tentera dihormati oleh orang-orang bawahannya.
- Dikehendaki sentiasa hidup sebagai perajurit walaupun diluar peperangan.
- Raja akan menyediakan segala keperluan & kelengkapan peperangan untuk askar-askar bawahannya : persediaan mempertahankan negara.

VAISHYA.

- Umumnya: di kalangan saudagar-saudagar & para petani.
 - Tugas-tugas: tertakluk kepada undang-undang perniagaan & pertanian.
 - CONTOH: seorang Vaishya mesti tahu tentang selok-belok menabur benih; membezakan antara tanah yang baik & tidak baik; serta peraturan menimbang dan mengukur.
 - Perlu mahir dalam urusan penjualan & pembelian.
- 

SUDRA (PARIAH).

- Dianggap sebagai hamba kepada kasta-kasta yang lain dan dilayan kasar.

Peraturan & pantang larang:

1. Boleh melakukan upacara-upacara kebaktian tetapi tanpa penggunaan ayat-ayat suci dan bantuan Brahmin.
2. Seorang Sudra yang melayani kasta-kasta atasan- hanya boleh makan sisa-sisa makanan tuannya & berpakaian lusuh dan compang-camping.
3. Akan dikenakan hukuman jika berani mendekati kasta-kasta lain. (CONTOH: mengucapkan kata-kata kasar kepada golongan atasan; lidah akan dipotong).

TUHAN DAN DEWA-DEWI HINDU

Amat percaya kepada tuhan mereka yang maha besar.

Tuhan teragung: BRAHMAN.


Tuhan Brahman dibantu oleh dewa-dewi (masing-masing mempunyai tugas menjaga kebajikan segala makhluk dan benda di dunia ini).

Tuhan Brahman: boleh jelma dalam pelbagai bentuk & diberikan pelbagai nama mengikut keamatan penganutnya.



Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=FyVAXMCg&id=C7A129BEFE417312DA5B752FD8D270B561187191&thid=OIP>.



KEWAJIPAN/ DHARMA.

Perkataan 'DHARMA': asal daripada perkataan Sanskrit: "dhr"- maksud- untuk membentuk; menjunjung; menyokong; memelihara @ bergabung sekali.


Maksud tersirat: memelihara; memberi peraturan; dan kepaduan kepada realiti; dan akhirnya kepada alam semula jadi, masyarakat & individu.

KESIMPULANNYA: DHARMA: merupakan peraturan etika yang menyelaraskan tingkah laku individu; keluarga; kehidupan awam dan negara.

DHARMA: satu 'bentuk kehidupan' yang mengawal individu dan sekumpulan/ keseluruhan manusia.

Falsafah Hindu telah membahagi kehidupan ini kepada EMPAT peringkat:

1. BRAHMACHARYA.
2. GRIHASTA.
3. VANAPRASTHA.
4. SANYASA.



BRAHMACHARYA.

Peringkat pendidikan jasmani & rohani @ peringkat seorang pelajar.

GRIHASTA.

Peringkat perkahwinan dan memikul tugas-tugas kekeluargaan.

VANAPRASTHA.

Meninggalkan kehidupan keluarga & menumpukn perhatian kepada perkhidmatan dalam masyarakat.

SANYASA.

Membersihkan diri dari hal-hal keduniaan dan menumpukan sepenuhnya kepada pendidikan rohani dan pertapaan.


AQIDAH-AQIDAH AGAMA HINDU.

Terbahagi kepada EMPAT bahagian utama:

1. KARMA.
2. PENGEMBALIAN ROH.
3. PEMBEBASAN MUTLAK.
4. KESATUAN WUJUD.

PERTAMA: KARMA.

- Agama Hindu percaya bahawa manusia sentiasa didorong oleh hawa nafsunya; sama ada untuk melakukan kebaikan/ sebaliknya.
 - Manusia perlu kepada undang-undang balasan yang dikenali 'KARMA' - mengawal tingkah laku manusia.
 - Menurut doktrin KARMA- tindakan seseorang individu; baik/ jahat; betul/ salah;- menentukan keadaan kelahiran semula pada satu masa yang lain.
 - Roh (Atma)- pada setiap ndividu kan dilahirkan semula bagi menebus segala dosanya sehingga mencapai satu peringkat MOKSHA (peringkat kebebasan kerohanian yang amat tinggi).
- 

- 
- Maka; penganut Hindu cuba mengelak perbuatan dosa, sentiasa berbuat baik, menguatkan iman dan sembahyang – dapat bebas daripada penderitaan dan mencapai moksha.

KEDUA: PENGEMBALIAN ROH.

- MAKSUD: roh yang telah keluar dari sebuah tubuh manusia (yang telah mati) lalu kembali semula ke alam dunia di dalam sebuah tubuh yang lain.
- Pengembalian roh berterusan beberapa kali sehinggalah keinginan roh itu terlaksana.
- Sekiranya keinginan roh terlaksana- iaitu hawa nafsu sudah tidak ada lagi dalam diri manusia itu serta ia suci daripada dosa- maka ketika itu ia dikatakan telah mencapai peringkat “moksha”.

Sebab- sebab pengembalian roh:-

1. Roh keluar dari tubuh seseorang dan masih lagi mempunyai hawa nafsu, dan kemahuannya yang terikat dengan alam kebendaan masih belum terlaksana.
2. Roh keluar dari badan kerana menanggung banyak hutang dalam hubungannya dengan keinginan-keinginan yang mesti dipenuhi.

- Roh yang baru tidak mengingat sedikit pun tentang alamnya terdahulu.
- Tiap-tiap pusingan roh: terputus langsung antara satu pusingan dengan yang lain.

KETIGA: PEMBEBASAN MUTLAK (MOKSHA).

- Jalan bagi membebaskan diri daripada karma dan samsara.
 - Seseorang yang mencapai moksha: telah berada di tahap pembebasan keinginan & hawa nafsu.
 - Pada tahap ini: seseorang telah dapat menguasai dirinya sehinggalah tiada lagi tinggal apa-apa keinginan dan hawa nafsu dalam dirinya- malah berasa puas dengan apa yang telah didapatinya.
- 

- Tercapainya: selamat dari pengulangan kelahiran serta bersatu dengan Brahma- dikenali 'pembebasan mutlak' (mokhsa).


KEEMPAT: KESATUAN WUJUD.

- Peringkat akhir: 'kesatuan wujud' : penyatuan diri manusia dengan Tuhan.
- Moksha hanya dapat dicapai apabila atma (roh) bersatu dengan Tuhan Brahman.
- Maksud: atma bersemadi dengan Tuhan Brahman menerusi penyatuan yang sempurna dan muktamad.
- Ia dapat dicapai menerusi meditasi/ mental penumpuan serta amalan yoga.

PERAYAAN BAGI PENGANUT BERAGAMA HINDU




Perayaan	Huraian
Deepavali	• Diraikan pada bulan AIPASI dalam kalendar Hindu (Okt @ Nov). • Deepavali: asal: 'deepam': MAKSUD: pelita/ lampu yang menghasilkan cahaya & 'vali' : maksud: barisan. • Deepavali: maksud: barisan cahaya / cahaya yang terang. • Cahaya dari pelita: maksud:



	• Keadaan yang gelap akan dihapuskan. • Diharapkan restu Tuhan dapat menghalang manusia daripada melakukan perbuatan yang jahat dan salah; & dengan itu melindungi manusia supaya tidak ditimpa kemalangan dan tidak mengalami kesengsaran. • Hari menandakan kemenangan kuasa baik/mulia atas kuasa buruk/ jahat. • Perayaan ini dipanggil perayaan cahaya • Agama Hindu biasanya disambut pada bulan Oktober atau November. • Masyarakat India meraikan perayaan ini sebagai simbol keterangan yang boleh menghalau kuasa jahat (kegelapan). Pelita yang dinyalakan melambangkan kebaikan mengatasi kejahatan, serta ilmu pengetahuan yang mengatasi kejahilan seseorang manusia. • Pada hari Deepavali, penganut agama Hindu akan mandi dengan minyak khas, memakai pakaian baharu, menghiasi rumah mereka dengan pelita, bermain mercun, menikmati juadah istimewa serta mengagihkan manisan dan hadiah. Mereka juga mengadakan upacara sembahyang di kuil dan dirumah pada hari tersebut.
Thaipusam	• Thaipusam ialah perayaan yang mula dirayakan di Tamil Nadu (India Selatan). • Namanya diambil dari bahasa Tamil sendiri, iaitu bulan Thai (selalunya merujuk pada bulan Januari atau Februari) dan Pusam (nama bintang). • Perayaan ini sering diraikan secara besar-besaran di tiga buah kuil utama iaitu Kuil Sri Maha Mariamman, Ipoh. Kuil Balathandayuthabani, Pulau Pinang dan kuil Subramaniam Swami, Batu Caves. • Masyarakat hindu biasanya membayar nazar pada perayaan ini. Hari Thaipusam merupakan hari untuk penganut Hindu menunaikan nazar dan menebus dosa. Oleh itu, penganut Hindu menunaikan hajat tersebut kepada Dewa Murugan. • Semasa perayaan ini, ada antara penganut Hindu yang membawa susu, mencukur rambut serta membawa kavadi sama ada diatas kepala





	atau bahu. • Kavadi biasanya diperbuat daripada beberapa batang kayu atau besi dan di atasnya diletakkan patung dewa Murugan.
Thai Ponggal	• Perayaan Thai Ponggal merupakan perayaan penuai atau petani. • Perayaan ini dirayakan pada awal bulan Thai. • Ada 3 perkara penting semasa perayaan ini diraikan Pesta Ponggal iaitu – hari pertama <i>Ponggal</i> (pesta menuai), hari kedua dipanggil <i>Mattuponggal</i> (untuk orang yang ada lembu) dan hari ketiga dipanggil <i>Kanni Ponggal</i> (untuk anak dara) • Pesta Ponggal merupakan satu pesta yang orang ramai akan bersama-sama memasak nasi dengan susu dan sakkaraj (gula merah/ Melaka) di dalam periuk belanga.
<i>Navaratri</i>	• Perayaan ini disambut selama 9 hb September atau Oktober. • Perayaan ini khasnya disambut oleh kaum wanita untuk Dewi Durga, Dewi Lakshmi dan Dewi Saraswathi. • Tempat sembahyang di rumah lazimnya dihiasi dengan <i>Navarathiri Kolun</i> (Hiasan bertingkat). • Perayaan ini juga dikenali sebagai <i>Durga Puja</i> dan <i>Dusshera</i>. Hari kesembilan disambut sebagai <i>Saraswathi Puja</i> dan hari kesepuluh adalah <i>Vijayadashmi</i>.

Kesimpulan

Majoriti penganut agama Hindu ialah masyarakat India. Kemunculan agama ini sering dikaitkan dengan zaman Tamadun Indus walaupun pengasas agama ini tidak diketahui. Masyarakat India yang tiba di Malaysia yang sewaktu era penjajahan British telah membawa bersama-sama agama dan budaya yang diamalkan dari tanah air mereka. Masyarakat ini mempelajari nilai-nilai dan budaya tempatan serta meneruskan amalan adat resam yang menebal dari negara asal.






Pengasas Ajaran Buddha

Sumber:

<https://www.bing.com/images/search?view=detailV2&ccid=qj0x%2FK3b&id=37DC87922ABB799A82A78BEA6730DEB2F05C1E10&thid=OIP>.

4.10 Ajaran Buddha

- Pengasas agama Buddha: 'Buddha'.
- Nama asal Buddha: SIDDHARTA & nama keluarganya ialah GAUTAMA.
- BUDDHA: ialah nama gelaran yang diberi kepada seorang putera selepas beliau mencapai "enlightment" (mendapat ilham @ kesedaran yang besar dan mendalam).
- Selepas "enlightment" : beliau digelar "BUDDHA" bermaksud "pembawa cahaya".
- Bapa Siddharta Gautama: seorang raja negeri Sakyas di utara India (sekarang dikenali sebagai Nepal.)
- Penganut agama Buddha dikenali sebagai *Buddhis*.



Antara ajaran-ajaran Buddha yang terkenal ialah:

- VINAYA PITAKA: berkenaan peraturan disiplin bagi para sami.
- SUTTA PITAKA: berkenaan asas ajaran Buddha.
- Satu doktrin sistematik yang disunting oleh pengulas ajaran Buddha dipanggil: ABHIDHAMMA PITAKA.

Ketiga-tiga ajaran ini: sumber asas pengajian agama Buddha serta menjadi panduan kod etika kelakuan seseorang penganut.


- Tradisi Buddhisme yang paling awal dipanggil: Buddhisme "THERAVADA" – berakar umbi di Asia Tenggara (negara Thailand; Myanmar; Kemboja dan Sri Lanka).
- MAHAYANA: maksud: The Greater Vehicle – di Nepal, China, Korea, dan Jepun).
- HINAYANA: maksud: The Lesser Vehicle.
- TANTRAYANA: maksud: The Esoteric Vehicle- di Tibet dan Mongolia.

Ajaran Buddha menekankan: etika & moral.

- Buddhisme: ajaran-ajaran psikologi dan etika yang berkaitan dengan kehidupan.

CONTOH: konsep AHIMSA: melarang seseorang itu daripada melakukan pembunuhan binatang walaupun untuk mengisi perut.

- Boleh dikatakan sumbangan Buddha kepada dunia kerohanian.
 - Kesengsaraan manusia berpunca: keinginan & tindakan manusia yang berusaha mencapai sesuatu yang mustahil.
 - Keinginan dianggap jahat & bersifat sementara.
 - Ajaran Buddha: mencadangkan manusia supaya mengelakkan sikap melampau dalam melakukan sesuatu perkara.
 - Menolak sistem bertapa, berpuasa, melukakan diri sebagai tanda kesetiaan beragama, menolak sembahyang & upacara keagamaan serta idea melarikan diri dengan menggunakan syurga sebagai matlamat akhir manusia.
- 

- 
- Empat Kebenaran Mulia: mesej asas Buddha.
 - Doktrin utama ajaran Buddha: tentang kesengsaran @ dukkha (istilah pali) – satu perasaan ketidakpuasan.


Berasaskan ajaran utama Buddha:

- Jalan Tengah: keseimbangan antara kehendak hawa nafsu dan tuntutan akal.
- Empat kebenaran mulia:
dukkha: Kehidupan adalah penderitaan.
- Samudaya: punca penderitaan ialah keinginan (hawa nafsu).
- Nirodha: penghapusan keinginan bermaksud penghapusan penderitaan.
- Marga: kaedah penghapusan penderitaan melalui gabungan jalan Tengah & Lapan Jalan Lapis Mulia.

Punca penderitaan (Buddha menyebut sebagai roda empirik yang mengandungi 12 rangkaian):

1. Kecuaian (avidya).
 2. Kecenderungan (samskara).
 3. Kesedaran tentang kuasa karma (vijnana).
 4. Nama dan bentuk (nama rupa).
 5. Lima organ deria dan minda (sodayatana).
 6. Hubungan antara deria dengan objek (sparsa).
 7. Sensasi (vedana).
 8. Nafsu (trasa).
 9. Bergantung kepada pewujudan (upadana).
 10. Bertekad untuk lahir (bhava)
 11. Kelahiran (jati).
 12. Usia tua dan kematian (jara marana).
- 

- Ajaran Buddha mengesyorkan Lapan Jalan Lapis Mulia: untuk mengatasi samsara (sengsara) kitaran kelahiran semula:



SILA:

- cara mengawal pertuturan, perbuatan, dan perlakuan individu. Ia melahirkan ketenteraman diri dan keharmonian pada yang lain. Asas bagi perkembangan akal iaitu SAMADHI.

SAMADHI:

- tujuan: mendisiplinkan mental @ akal agar berusaha dan sedar. Melalui latihan ini, mental akan menjadi suci.

PANNA:

- Kebijaksanaan akan berkembang. Seseorang yang bijak memiliki pandangan hidup yang benar/ betul dan memahami Jalan Tengah, Empat Kebenaran Mulia, & Lapan Jalan Lapis Mulia.

Agama Buddha amat percaya akan 'karma' dan 'rebirth'.

KARMA: maksud: hukuman di atas perbuatan masa lampau (semasa hidup).

REBIRTH: maksud: kelahiran semula.

Ia dikaitkan dengan perbuatan dan tingkah laku manusia.

Menitikberatkan: perbuatan baik dibalas dengan baik, DAN perbuatan buruk dibalas dengan buruk.

Menurut Buddha: kelahiran & kematian merupakan sebahagian daripada satu rantai kehidupan yang sentiasa dilalui oleh yang hidup.

Kematian tidak bererti penamatan pusingan ini.

Selepas kematian, seseorang manusia akan dilahirkan semula ke dalam pewujudan yang lain, bergantung kepada KARMAnya.

Bentuk kewujudan berasaskan KARMA:

1. Sebagai dewa/ penghuni syurga.
2. Sebagai manusia.
3. Sebagai haiwan.
4. Sebagai jin/ hantu.
5. Sebagai penghuni neraka.




Aktiviti sewaktu Perayaan Tahun Baru Cina



Pelbagai juadah tradisional yang disediakan sewaktu perayaan Masyarakat Cina


PERAYAAN BAGI MASYARAKAT CINA DI MALAYSIA

Perayaan	Huraian
Hari Wesak	● Dirayakan pada bulan SIDHI: dalam bulan Mei/ Jun. ● Tujuan dirayakan: untuk memperingati tiga peristiwa penting iaitu: 1. saat kelahiran Sidharta Gautama Buddha; 2. saat Sang Petapa Sidharta mencapai pencerahan; 3. saat Sang Buddha Gautama meninggal dunia & mencapai Nirvana.
Tahun Baru Cina	• Perayaan ini merupakan perayaan paling penting bagi masyarakat Cina. • Persediaan bagi perayaan ini dibuat sejak hari ke-24 bulan ke12 lagi. • Sebelum hari tersebut, rumah akan dibersihkan dan segala hutang perlu dibayar. Manakala pembakaran mercun pada tengah malam adalah tanda permulaan tahun baru. Disamping bertujuan menghalau segala nasib malang dan perkara yang tidak baik.



	• Mereka sangat mengutamakan perjumpaan keluarga yang diadakan menjelang hari tersebut. • Masyarakat Cina akan menghiasi rumah-rumah mereka dengan buah limau sebagai simbol kepada murah rezeki. • Jamuan utama ketika sambutan Tahun Baru Cina ialah Yee Sang dan Kuih Bakul. • Pada malam Tahun Baru Cina, setiap keluarga akan mengadakan makan besar dengan juadah tradisi seperti itik dan daging salai, limau mandin dan sebagainya. • Tradisi kunjung mengunjung juga diamalkan, iaitu golongan muda akan melawat golongan tua dan mereka akan menerima ang pau dalam sampul merah. Perayaan ini berlanjutan selama dua minggu.
Chap Goh Mei	• Perayaan ini diraikan pada hari ke-15 selepas Tahun Baru yang juga merupakan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina. • Chap Goh Mei disambut dengan mengadakan upacara sembanhyang secara besar-besaran iaitu dengan membakar colok besar. • Selepas sembahyang, upacara makan besar diadakan sebagai penutup perayaan Tahun Baru Cina. • Pada masa ini, mercun akan dibakar dan tanglung juga dinyalakan, namun hanya sebahagian masyarakat Cina mengamalkannya. • Terdapat juga amalan melontar buah limau ke dalam laut atau sungai bagi seseorang yang ingin mendapatkan pasangan hidup.
Perayaan Ching Ming	• Perayaan ini diraikan pada hari ke-104 selepas soltis musim sejuk dalam tahun lunar. • Pada hari ini, kaum keluarga akan membersihkan kubur nenek moyang dan bersembanhyang. Mereka juga membawa makanan dan bunga malahan ada yang membuat replica kereta, duit, rumah dan sebagainya untuk dibakar sebagai simbolik terhadap si mati.





Perayaan Hantu Lapar	• Perayaan ini diraikan pada hari ke-15, bulan tujuh dalam calendar lunar. Perayaan ini lebih popular di Pulau Pinang. • Kini, perayaan hantu lapar diraikan untuk mengingati seseorang bernama Mu lien yang juga dikenali sebagai Ti Tsang Wang yang menyelamatkan ibunya daripada syaitan-syaitan yang kelaparan.
Perayaan Kuih Bulan	• Perayaan Kuih Bulan diraikan pada hari ke-15 dalam bulan kelapan, tahun lunar. Perayaan ini diraikan sempena mengingati kumpulan pemberontak yang menentang pemerintahan kerajaan Mongol pada abad ke-14 di Negara China. • Kuih bulan dijadikan alat untuk menyampaikan mesej dalam intinya. Tanglung turut digunakan menjadi sebahagian daripada perayaan (kegunaannya pada waktu ini adalah sebahagai medium isyarat dari puncak bukit ke puncak bukit yang lain). • Menurut sejarah budaya masyarakat Cina, perayaan ini telah dimulakan sejak zaman pemerintahan Dinasti Han. Semasa sambutan perayaan ini, masyarakat Cina akan menyediakan makanan tradisional seperti <i>tang yuan</i>. Pada malam tersebut orang ramai akan keluar bermain tanglung, menyaksikan tarian singa, mercun, bunga api dan lain-lain lagi.





Pesta Tanglung




Upacara yang diadakan sempena memperingati orang yang telah meninggal dunia. Lazimnya upacara ini dibuat pada bulan Ogos dan dikenali sebagai perayaan Hantu Lapar.

Kesimpulan

Di Malaysia, ajaran Buddha adalah ajaran atau kepercayaan yang dianuti oleh majoriti masyarakat Cina. Selain orang Cina, ia turut dianuti oleh masyarakat Thai atau sinonimnya orang Siam yang menetap di negeri Kelantan, Kedah dan Perlis. Hampir 20% penduduk Malaysia merupakan penganut ajaran Buddha. Ajaran Buddha yang diamalkan oleh masyarakat Cina di Malaysia diwarisi oleh keturunan mereka yang berhijrah dari Negara China.

4.11

Ajaran Confucius



Confucius merupakan tokoh pendidik & ahli falsafah yang amat berpengaruh dalam sejarah dan budaya masyarakat Cina.

Nama asal Confucius - K'ung Ch'iu (Kong Chiu).

Nama ejaan rumi: K'ung Fu'tzu- maksud- GURU AGUNG.


Ajaran Confucius bukan teori agama, tetapi lebih merupakan falsafah pendidikan yang ada pada orang Cina di negara China pada 2500 tahun dahulu.

Teori-teori Confucius berdasarkan ajaran-ajaran yang terdapat dalam empat buah buku: "Lun Yu"; "Meng Zi"; "Da Xue" dan "Zhong Yong".

Keempat-empat buah buku ini digabung dan dipanggil "Si Shu" (Empat Buku).

Isi kandungan Si Shu:

1. Organisasi personaliti manusia.
2. Objektif pembangunan manusia.
3. Teori-teori pembelajaran manusia.
4. Teori-teori asuhan dan pendidikan kanak-kanak.



KEDUDUKAN CONFUCIUS DALAM TAMADUN ORANG CINA.

1. CONFUCIUS SEBAGAI PEMELIHARA TAMADUN ORANG Cina.

Confucius memelihara apa-apa yang difikirkan paling baik bagi budaya asal orang Cina yang diwarisi dari masa dahulu.

Confucius- tokoh falsafah pendidik yang sangat bijak dan dengan sendirinya mengkaji semua pembelajaran secara meluas.

2. Confucius sebagai pemelihara tamadun orang Cina.

Confucius tidak membuta tuli mengikut segala ilmu pengetahuan zaman purba, malah dia banyak mencipta pengetahuan tentang kehidupan yang sesuai dengan 'zaman baru' semasa hayatnya.

3. Confucianisme sebagai faktor pemelihara tamadun orang Cina.

- Pengikut setia Confucius jujur memelihara tamadun orang Cina yang diwarisi dengan penuh tanggungjawab.

4. Confucianisme sebagai faktor pencipta tamadun orang Cina.

Pengikut Confucius telah menunjukkan kebolehan menyesuaikan diri dengan elemen-elemen baru & kebolehan menerapkan nilai-nilai baru daripada sumber-sumber asing yang lain.

Tamadun orang Cina yang diwakili Confucianisme (dahulu- sekarang) tidak pernah statik, tetapi sentiasa maju diri, mempunyai perkembangan yang pesat & kuat.

ETIKA DALAM CONFUCIANISME.

Pendekatan orang Cina pada awalnya: lebih sosial.

Kemanusiaan: sosial.

Terdapat satu jalan sosial@ Tao: yang memimpin manusia.


'Dao': maksud: jalan.

'de': maksud: mulia.

Dao de: jalan mulia.

Dao: satu jalan membimbing yang objektif & boleh diterima secara umum.





De: mengandung sifat-sifat kelakuan, kemahiran & personaliti yang dihasilkan selepas didedahkan kepada Dao.

Bagi orang Cina: keperibadian mulia diperoleh secara dalam melalui satu cara (jalan) @ lahir secara semula jadi.

Confucius hanya mengajar orang, kod kelakuan sosia: dipanggil: LI.

Buku Li (Book of Li): mengandung ilmu dao Confucius: yang mengajar pengikutnya tentang dao.

Confucius tidak menganggap dirinya ahli falsafah TETAPI sebagai ilmuwan sejarah.

Pengikut Cofucius mengumpul semua dialog & hal-hal interaksi dengan Confucius yang dapat diingat oleh mereka.

Mereka menyusun sebuah buku yang dipanggil: The Analects.

Ada pengikutnya yang tidak bersetuju dengan dao Confucius.


Ada yang fokus kepada li (ritual) & ren (humanity).

YI: maksud: kemoralan.

YI: juga diterjemahkan sebagai bermoral/ kewajipan.

Confucius menegaskan amalan li yi: iaitu: kemoralan adat istiadat.

- Confucius berpendapat: cara kita menggunakan Buku Li (Book of Li) dalam membina keperibadian manusia, serta cara betul mempelajari linguistik dalam buku ini: penting dalam mencapai 'jalan' yang dikehendaki oleh raja-raja bijak zaman purba.
 - Confucius & pengikutnya: mementingkan peranan budaya & mempelajari model-model dalam kehidupan & kesusasteraannya.
 - Mengikut Confucius: masyarakat perlu memberi contoh-contoh/ model-model supaya pentadbir, menteri, ibu bapa & anak-anak dapat mengenalpasti peranan mereka.
 - Etika Confucius juga mempunyai nilai-nilai murni: misalnya: dikategorikan sebagai:
- 



1. SI WEI: maksud: EMPAT RUKUN:

1. Li: bersopan.
2. Yi: bermoral.
3. Lian: bersih.
4. Chi: mengenal malu.

2. BA DE: maksud: LAPAN NILAI MURNI.

1. Zhong: kesetiaan.
 2. Xiao: kebaktian terhadap ibu bapa.
 3. Ren: baik hati.
 4. Ai: kasih sayang.
 5. Xin: boleh percaya.
 6. Yi: bermoral.
 7. He: kedamaian.
 8. Ping: keadlian.
- Antara kelapan-lapan nilai murni tersebut, terdapat nilai murni yang boleh digabung menjadi satu nilai yang lebih luas bermakna, contoh:
1. ZHONG + XIAO: Zhong Xiao: taat setia kepada rakyat & negara; berbakti kepada ibu bapa.
 2. REN + AI: Ren Ai: baik hati & akasih syanag antara satu sama lain (khasnya rakyat).
 3. XIN + YI: Xin Yi: boleh dipercayai & menunaikan janji dengan rakan-rakan.
 4. HE + PING: He Ping: adil terhadap semua orang demi kedamaian manusia dalam dunia ini.


Kesimpulan

Ajaran Confucius merupakan falsafah yang dipegang oleh masyarakat Cina di Malaysia. Ajaran ini diwarisi, diamalkan dan dipertahankan daripada ketamadunan China. Falsafah yang diperkenalkan oleh Confucius dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat Cina dalam aspek tingkahlaku berlandaskan kepada nilai-nilai seperti kasih sayang, keamanan, keharmonian, kemanusiaan, kebijaksanaan, keberanian dan kesetiaan.



4.12

Ajaran Taoisme



Zhuang Zi

Mengembangkan idea Dao meliputi kebebasan dan kehidupan harmoni yang mematuhi peraturan semulajadi dari syurga

Manusia sempurna (pengikut Dao) bertindak spontan tanpa rintangan luar/ kurnia syurga sebagai seorang yang sebenar

Pengikut Taoisme adalah bebas

CREATED USING
POWTOON

Ajaran Taoisme diasaskan oleh Lao Tze.

Ajarannya terkandung dalam buku: Tao Te Ching: bermaksud: Jalan & Kekuasaan.

LAOZI (pengarang mitos Tao-te Ching) bersama ahli-ahli falsafah lain (Mencius & Yangzhu) – tidak bersetuju dengan penggunaan linguistik (ilmu bahasa) : untuk membimbing kelakuan manusia.

Mereka tidak percaya: menggunakan linguistik dapat memberikan nasihat yang cukup secara kekal kepada pembentukan kelakuan manusia.

Mengikut Laozi: kita memerlukan intitusi moral untuk menginterpretasikan istilah-istilah kod bimbingan. Kod ini tidak dapat menjamin corak yang tetap bagi kelakuan.

Ajaran Tao menekankan: keharmonian alam semesta- yang disebut 'Tao' : maksud: 'cara' @ 'jalan'.

Tao: dianggap sumber kepada kehidupan di alam semesta ini.

Tao: mencipta segala isi alam & juga yang memusnahkannya.

Terdapat EMPAT konsep penting dalam ajaran Taoisme:-

1. Tao/Dao melahirkan yang Satu (Dao Sheng Yi).
2. Yang Satu melahirkan yang Dua (Yi Sheng Er).
3. Yang Dua melahirkan yang Tiga (Er Sheng San).
4. Yang Tiga melahirkan semua makhluk (San Sheng Wan Wu).

5.



Peta Empayar negara China sebelum 1911




Peta Republik Negara China 1912 hingga 1931

Keseimbangan dalam kepercayaan ajaran Taoisme


YANG

MALE
HARD
ACTIVE
LOGICAL
DAY
SUN
HOT
POSITIVE
FIRE




YIN

FEMALE
SOFT
PASSIVE
INTUITIVE
NIGHT
MOON
COLD
NEGATIVE
WATER



1. Tao/Dao melahirkan yang Satu (Dao Sheng Yi).	● Suatu yang aktif: IAITU: sesuatu tindakan ialah semula jadi dan bukan dipaksa. ● CONTOH: seorang pemerintah yang bijaksana dan sempurna akan memerintah dengan cara yang menyebabkan rakyatnya tidak menyedari mereka diperintah; dan rakyat hanya mempercayai apa yang berlaku semula jadi. ● Bermaksud, dengan bertindak secara semula jadi (dengan tidak melakukan apa-apa pun tetapi membenarkan sesuatu berlaku mengikuti Tao, seorang pemerintah bijaksana akan mendapat keharmonian dengan intisari diri sendiri. ● Dalam keadaan harmoni, pemerintah akan memperoleh keselarasan dan semua tindakannya akan menunjukkan keselarasan.
2. Yang melahirkan yang Satu (Yi Sheng Er).	● Perkataan 'DUA' merujuk kuasa YIN & YANG. ● Kuasa YIN & YANG berlawanan sama sekali (contoh: hitam & putih; lelaki & perempuan; panas & sejuk) DAN mewakili semua yang ada & boleh diadakan di dalamnya tetapi bertentangan. ● Dalam perjuangan berterusan terhadap kuasa semula jadi: YIN & YANG menghasilkan tenaga (ch'i)- untuk



	kewujudan segala-galanya. ● Kuasa YIN & YANG bukan kuasa keharmonian, tetapi kuasa terkunci dalam perjuangan antara nyawa dengan kematian. ● Semuanya mempunyai punca daripada interaksi kedua-dua YIN & YANG yang bertentangan.
3. Yang Dua melahirkan yang Tiga (Er Sheng San).	● Merujuk tiga serangkai SYURGA (tian), BUMI (di) & MANUSIA (ren). ● Ketiga-tiga serangkai: bentuk segala makhluk sebenarnya wujud: Tao adalah agung, Syurga adalah agung, Bumi adalah agung; Raja (mewakili kemanusiaan) adalah agung. ● Ia ialah tempat kuasa besar alam semesta ini.
4. Yang Tiga melahirkan semua makhluk (San Sheng Wan Wu).	● Dalam tiga perkara: tian, di dan ren: mereka telah melahirkan segala benda dan makhluk dalam alam semesta- iaitu satu pencapaian Tao/Dao yang paling tinggi & muktamad. ● Taoisme menganggap segala makhluk wujud pada akhir perkembangan kosmos dan inilah maksudnya 'Tiga melahirkan segala makhluk'.


Untuk mencapai perpaduan dengan Tao- penganut Taoisme mengamalkan WU-WEI: maksud: 'cara bukan tindakan'.

WU-WEI: dihuraikan sebagai melakukan sesuatu bukan untuk diri sendiri sahaja, malah atas sebab altruistik.

'cara bukan tindakan': kehidupan yang sederhana, bebas dan tidak dikonkong hawa nafsu.

Sebenarnya, Taoisme memandang kebendaan; akhirnya dikawal oleh dunia kerohanian.





Dengan mempercayai keharmonian antara dunia dengan Tao boleh dicapai: ajaran ini menitikberatkan bagaimana dunia harus dikendalikan supaya individu tidak bertindak berasaskan kepentingan yang tidak benar.

Keseluruhan jasad manusia dianggap sesuatu yang perlu diabadikan.

Keabadian melibatkan: meditasi & refleksi serta cara mengubah bentuk fizikal kepada yang abadi menerusi alchemy.

Juga mementingkan penganutnya mengadakan doa umum dan upacara :kerana: dianggap sebagai saluran dan agen mengimbangkan dunia: iaitu mengatasi kuasa tidak baik.

Turut mementingkan kemoralan dan sememangnya ajaran Tao ialah: KOD KEMORALAN.

KOD KEMORALAN seperti 'jalan yang benar membawa ke hadapan, yang salah ke belakang'; 'jangan meneruskan atas jalan yang jahat'; DAN 'jangan berdosa secara sulit, tambahkan sifat mulia dan pertingkatkan kebaktian'.

TAOISME: telah mempengaruhi cara hidup orang Cina.

CONTOH:

1. Amalan sembahyang & persembahan kepada dewa-dewa seperti Tuhan Alam dan Tuhan Dapur;
 2. persembahan kepada nenek-moyang;
 3. almanak T'ung Shu yang digunakan bagi menentukan hari yang sesuai untuk peristiwa seperti perjalanan jauh, memulakan perniagaan @ hari perkahwinan.
 4. Feng shui- menentukan kesesuaian penempatan rumah/ perniagaan.
 5. T'ai-chi-ch'uan- satu bentuk latihan untuk memastikan kuasa yang penting (chi) dapat dialirkan kepada keseluruhan badan dan mengekalkan keseimbangan serta keharmonian yang penting dalam badan seseorang.
 6. Ubat Cina tradisional untuk merawat penyakit.
- 

Kesimpulan

Ajaran Taoisme pernah menjadi agama rasmi di negara China pada abad ke-7 sehingga abad ke-10 sewaktu pemerintahan Dinasti Tang (618M – 906M). Masyarakat Cina di Malaysia masih kekal menganuti dan mengamalkan kepercayaan yang diamalkan yang dibawa dari tanah air mereka. Lazimnya amalan-amalan daripada ajaran Taoisme dapat dilihat dalam upacara pengkebumian, permainan muzik, opera, aktiviti sekolah dan perayaan tahunan mereka.



Pengasas Ajaran Sikh Guru Nanak 1


4.13 Ajaran Sikh

Ajaran Sikh diasaskan oleh Guru Nanak 1 (turun-menurun hingga sepuluh orang Guru berganti-ganti).

Ajaran ini adalah gabungan 2 agama iaitu Islam dan Hindu di Utara India. Ini kerana Guru Nanak 1 adalah lahir daripada perkahwinan 2 budaya dan agama.

Kitab Suci bagi ajaran Sikh dikenali sebagai Guru Granth Sahib Ji.

Ajaran ini percaya bahawa hanya ada satu Tuhan dan Dialah yang mutlak.



Tuhan sahajalah satu-satunya yang mempunyai segala sifat kesempurnaan.

Orang Sikh menganggap: kehidupan dalam dunia ini sebagai tanda permulaan & tiada akhirnya; tidak terhad & tidak terbatas; SERTA tidak boleh dihuraikan oleh fikiran manusia.

Penjelasan tentang Tuhan: hampir sama seperti agama Islam (iaitu hanya ada satu Tuhan) & mempunyai unsur-unsur agama Hindu (tiada permulaan dan tiada penghabisan).

Guru-guru Sikh menegaskan: manusia ialah kejadian Tuhan & patut taat setia kepada cara hidup masing-masing.

Seseorang kanak-kanak apabila dilahirkan, belum dikira sebagai seorang KHALSA- walaupun ibu bapanya beragama Sikh.

Apabila seseorang itu telah dewasa dan setelah mengetahui segala peraturan & undang-undang; barulah ia akan diberi minum AMRIT iaitu (air gula) yang telah dibaca dengan sabda-sabda ayat suci Guru Granthi Sahib Ji di Gudwara dan akhirnya sah menjadi seorang KHALSA. Khalsa bermaksud penganut ajaran Sikh yang tulen.

Untuk menjadi seorang KHALSA - terdapat undang-undang yang mesti difahami & diamalkan:

1. Mempercayai hanya satu Tuhan yang maha kuasa.
 2. Sentiasa membaca/ mendengar sabda-sabda Guru Granth Sahib Ji untuk membuat ibadat.
 3. Berlatih mengawal diri dan berjanji memakai 5 perkara dengan cogan berawalkan huruf "K" iaitu:
 - Kesh: rambut.
 - Kanggha: sikat.
 - Kara: gelang besi.
 - Kashehra: seluar ketat.
 - Kirpan: pedang.
 4. Menghapuskan perasaan berkasta-kasta, dilarang menyembah berhala @ menganut kepercayaan-kepercayaan yang berlawanan dengan ajaran agama Sikh.
 5. Menghormati semua makhluk tanpa mempersoalkan tentang agama, bangsa, @ warna kulit seseorang itu.
- 

SEPULUH ORANG GURU.

1. Guru Nanak 1.
2. Guru Angad.
3. Guru Amar Das Gobind.
4. Guru Ram Das.
5. Guru Arjan.
6. Guru Har Gobind.
7. Guru Har Rai.
8. Guru Har Krishnan.
9. Guru Tegh Bahadur.
10. Guru Gobind Singh.

IDENTITI ORANG SIKH.




1. KESH: RAMBUT.

- Termasuk janggut.
- Lambang kependetaan & kerohanian.
- Dilarang memotong rambut.



2. KANGGHA: SIKAT. ● diperbuat daripada kayu & diletakkan di dalam serban mereka. ● Bertujuan: menjadikan rambut kelihatan kemas & bersih, agar golongan Khalsa yang menyikat rambut akan kelihatan seperti Guru Gobind Singh.	
3. KARA: GELANG BESI. ● Lambang pertahanan diri & pengabdian. ● maksud: setiap orang Sikh adalah pengikut kepada guru & dengan adanya gelang besi-menyebabkan mereka merasa segan untuk melakukan jenayah & maksiat.	
4. KASHEHRA: SELUAR KETAT. ● Lambang kepantasan, ketangkasan, moral & simbol persediaan mereka untuk menghadapi sebarang kemungkinan.	
5. KIRPAN: PEDANG. ● Lambang kebanggaan untuk membuktikan: mereka merupakan bangsa yang kuat & berani.	



PERKARA PENTING DALAM AJARAN SIKH.

1. TUHAN YANG DISEMBAH.

Mempercayai Tuhan itu Esa.

Orang Sikh menyebut Tuhan dengan nama WAHIGURU (Tuhan yang menakjubkan).

2. TARAF GURU DALAM AGAMA SIKH.

10 orang guru dianggap: GURU.

Setelah guru yang ke-10 meninggal: kitab suci & kaum Khalsa dianggap sebagai GURU.

Seorang manusia tidak boleh mengambil tempat Guru dalam masyarakat Sikh.

10 orang Guru tidak dianggap sebagai: keturunan Tuhan.

3. KITAB SUCI.

Kitab Suci agama Sikh: GURU GRANTH SAHIB JI.

Kandungan: sabda-sabda Guru Nanak 1- Guru Nanak 5 & 9, SERTA beberapa orang ulama Islam & Hindu.

Biasanya diletakkan dalam GURDWARA (rumah ibadat)

4. GURDWARA.

maksud: pintu gerbang Guru.

Di dalamnya terletak kitab suci.

Sebagai rumat agama & pusat masyarakat mereka.

Sesesiapa yang hendak masuk, hendaklah membuka kasut & menutup kepalanya.

5. HARI PERAYAAN KAUM SIKH.

Hari kebesaran yang paling dimuliaka: HARI VASAKHI (13 April- setiap tahun).

Penubuhan kaum Khalsa oleh Guru Gobind Singh Ji (1699).

HARI KATAK PURANMASHI: hari kelahiran Guru Nanak (dirayakan secara formal & besar-besaran).

6. MASYARAKAT.

- Satu taraf yang khas & sistem kasta dilarang sama sekali.



7. CARA DAMAI & CARA KEKASARAN.

Cara damai lebih diutamakan daripada cara kekerasan.

Orang Sikh diajar menjadi wira.

Guru Nanak 6 & 10: pernah menubuhkan pasukan askar untuk berperang dengan raja-raja Hindu & kerajaan Moghul di Delhi.

Seorang Sikh: diwajibkan sentiasa bersedia mempertahankan agama & sempadan negara.

8. KAUM SIKH DAN KAUM AGAMA LAIN.

Menggalakkan semua pengikut agama Sikh: menghormati segala makhluk di dunia.

Termasuk agama kaum lain.

AJARAN SIKHISME BERDASARKAN KITAB SUCI.

kitab suci menjelaskan: dalam dunia yang nyata: Manusia mempunyai fikiran yang sempit & terbatas.

Secara moral, manusia digalakkan membuka minda supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.

Ini akan menjadikan seseorang mempunyai tingkahlaku yang lebih adil & sederhana.

Menurut ajaran Guru Nanak: penting & bermoral bagi seseorang individu menjauhi houmai (fikiran sempit & terbatas) dan cuba mencapai peringkat SACHIARA.

Penyempurnaan sifat sendiri ke peringkat sachiara: perlu penelitian aspek-aspek KHAND.

Beberapa aspek Khand adalah seperti berikut:

1. DHARAM KHAND: bersedia membawa perubahan & kemajuan untuk diri melalui pengorbanan & kewajipan sosial.

2. GIAN KHAND: mencari ilmu untuk melengkapkan diri dengan kebijaksanaan.

3. SARAM KHAND: mencari keharmonian & ketenteraman dalam diri, menghayati keindahan alam dan diri.

4. KARAM KHAND: menjadi individu altruistik, iaitu mencapai kesempurnaan dalam diri sendiri, & tidak lagi mempunyai houmai @ telah mendekati peringkat sachiara yang tidak mementingkan diri sendiri TETAPI sentiasa menunaikan kewajipan sosial yang amat bermoral.

5. SACH KHAND: berjaya mencapai peringkat yang paling sempurna, dapat menyatukan kebijaksanaan & kemuliaan diri (kar kar), kesedaran nilai (vekhe) dan kebahagiaan dalaman (nihala) dalam individu sendiri.

- Kelima-lima aspek KHAND secara beransur-ansur membimbing seseorang individu menjauhi houmai dan menuju ke arah sachiara.
- Latihan & usaha dalam aspek Khand-tujuan- memperoleh kesempurnaan sendiri & membentuk seorang insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, & emosi.

Sikhisme menasihati pengikutnya supaya menghakis atau menghindarkan 5 sifat yang tidak baik seperti:

1. KAM: dorongan hawa nafsu.
2. LOBH: tamak / haloba.
3. MOH: percaya & menyembah sesuatu yang palsu.
4. KRODH: kemarahan.
5. AHANKAR: keangkuhan.



KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA



Hari Vaisakhi : Perayaan Masyarakat Sikh

PUTRAJAYA, 12 April 2017 - Hari Vasakhi merupakan salah satu perayaan utama kaum Sikh. Sambutan Vaisakhi yang jatuh pada tanggal 14 April setiap tahun menandakan permulaan musim menuai mengikut kalender masyarakat Punjabi Sikh. Walaupun tiada cuti umum bagi perayaan ini, perjawat awam dalam kalangan masyarakat Punjabi-Sikh dibenarkan untuk megambil cuti tanpa rekod bagi menghormati sambutan perayaan yang bermakna ini.






Perayaan Vasakhi diraikan pada 14 April setiap tahun.



Makanan tradisi Masyarakat Sikh

PERAYAAN BAGI PENGANUT AJARAN SIKH

Gurpurab	• Perayaan untuk memperingati kelahiran atau pengorbanan Guru-guru Sikh. • Pada kebiasaannya , sambutan kelahiran Guru Nanak dan Guru Gobind Singh disambut dengan lebih meriah. Manakala kemangkatan Guru Arjan Dev dan guru Tegh Bahadur sentiasa diingati dan disambut dengan penuh keinsafan.
Vaisakhi @ Baisakhi	• Biasanya diraikan pada 14 April setiap tahun. • Ianya merupakan tarikh yang paling bersejarah dalam calendar orang Sikh kerana Guru Gobind



	Singh telah membentuk Persaudaraan Khalsa sebagai identi mutlak Sikh.
Bandi Chor Divas @ Diwali	• Untuk menyambut kebebasan Guru Hargobind dari penjara. Diwali tidak disambut mengikut sejarah atau signifikan agama Hindu.
Hola Mohalla	• Merupakan aktiviti atau sukan sosial orang Sikh yang menonjolkan kemahiran ketenteraan mereka termasuk berlawan dengan senjata tajam yang diperbuat daripada besi.

Kesimpulan

Dalam ajaran Sikh, semua orang dianggap bersaudara, tiada sebarang diskriminasi, tiada kasta dan kedudukan kaum lelaki dan wanita adalah sama. Ajaran Sikh juga mempercayai semua manusia akan mati dan akan berlaku kelahiran semula serta amalkan konsep karma. Ajaran Sikh tidak menerima unsur-unsur jahil dan kepercayaan tahyul walaupun ajaran ini adalah gabungan dua agama iaitu Hindu dan Islam.





Perkampungan Orang Asli @ Masyarakat Natif di Semenanjung Malaysia



Adat dan Kesenian masyarakat orang Asli


4.14

Kepercayaan Natif

Kepercayaan Natif lebih dikenali sebagai kepercayaan animisme. Lazimnya kepercayaan ini masih diamalkan oleh masyarakat Orang Asli atau masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Fahaman ANIMISME merujuk kepada kepercayaan bahawa setiap benda batu, kayu, bukit, pokok, binatang mempunyai semangat atau roh.

Masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia terdiri daripada 3 suku kaum utama iaitu Suku Negrito, Senoi dan Melayu Asli.



Masyarakat Natif

SUKU NEGRITO:-

Kebanyakannya mengamalkan animisme: yang menyatakan segala benda mempunyai kuasa.


Kepercayaan tersebut lebih bercorak bebas dan tidak terikat / mempunyai cara yang tertentu untuk mempercayai sesuatu benda.

Mereka percaya dunia ini didiami pelbagai jenis dewa & makhluk yang mempunyai kuasa.

Makhluk-makhluk ini dikenali sebagai Orang Hidup - kerana - ia tidak akan mati dan mendiami dunia ini sampai bila-bila.

Orang Hidup adalah paling berkuasa.

Tok Pendin: mampu melakukan apa-apa sahaja.



Suku Negrito: percaya Tok Pendin: menjadi alam ini (termasuk manusia, binatang, gunung-ganang & tumbuh-tumbuhan).

Pembantu Tok Pendin dikenali sebagai KAREI- Ia mempunyai hubungan rapat dengan manusia. segala suruhan Tok Pendin akan melaluinya untuk berhubung dengan manusia. Maknanya Karei menjadi orang tengah antara manusia dengan Tok Pendin.

Ada segelintir kaum Negrito percaya: peranan yang dimainkan oleh KAREI lebih banyak daripada Tok Pendin.

Isteri KAREI dikenali sebagai YAK MANOI: Ia mempunyai peranan yang sama memelihara kesejahteraan Orang Asli.

Terdapat beberapa dewa yang bertanggungjawab menurunkan hujan, membesarkan tumbuh-tumbuhan, menurunkan taufan dan sebagainya.

Antara dewa-dewa: CHINOI & HALAK.

Dewa-dewa ini sentiasa menjaga kebajikan supaya tidak melakukan kesalahan yang terkeluar dari norma-norma kemanusiaan.

Percaya: KAREI: telah menggalurkan beberapa adat & pantang larang (dijadikan panduan mereka).

KAREI: perlu memastikan suku Negrito tidak melanggar peraturan yang dibuat.

Jika tidak: KAREI: akan menurunkan beberapa bencana sebagai balasan kepada masyarakat yang melanggar adat & pantang larang tersebut.


Suku Nerito: akan mengadakan kenduri supaya bala/ bencana tidak diturunkan.

KAUM SENOI.

- Mempunyai seorang dewa yang maha kuasa.

Masyarakat Senoi mempunyai 4 dewa utama iaitu:

1. ENGKU.
 2. KAREI.
 3. HILOK.
 4. HIWOH.
- 



Sesiapa yang melanggar adat: akan dikenakan hukum dengan kecelakaan.

Yang baik:dibalas dengan kebaikan.

Mereka percaya kewujudan jin-jin: Jin berperanan penting dalam menjaga kehidupan mereka.

Tugas-tugas jin adalah seperti menjaga gunung-ganang; batu-batu; pokok-pokok besar; sungai dan sebagainya.

Kaum Senoi akan menerima padah apabila melakukan kesalahan seperti berlaku hujan lebat, petir, kilat dan sebagainya.

PANTANG LARANG BAGI KEPERCAYAAN NATIF.

1. Apabila seseorang isteri mulai hamil, dia tidak boleh makan binatang seperti rusa KERANA haiwan tersebut mempunyai tanduk yang bercabang DAN akan menyukarkan isteri ketika bersalin.

2. Barang yang terdapat di atas kawasan perkuburan tidak boleh diambil/ dibawa BALIK KERANA hantu kubur akan mengamuk/ mengganggu penduduk kampung.

3. Sekiranya ingin berjalan jauh, mereka dikehendaki mengambil daun, kayu @ rumput DAN diselitkan pada telinga untuk mengelak hujan turun semasa dalam perjalanan.

4. Menantu dalam sesebuah keluarga tidak boleh menghulurkan barang @ bercakap dengan ibu mertua KERANA dikatakan tidak sopan.

5. Apabila kanak-kanak lahir, kita tidak boleh memuji seperti cantik/ gemuk KERANA menyebabkan kanak-kanak tersebut sakit/ mati.

6. Bahagian rumah Orang Asli tidak boleh dipaku/ dibuang air kecil KERANA penunggu rumah akan marah sehingga penghuni rumah tersebut mendapat sakit.

6. Tidak boleh membawa cermin KERANA dipercayai kilat & hujan yang lebat akan melanda.



Kesimpulan

Masyarakat orang Asli merupakan masyarakat primbumi yang menetap di Malaysia sehingga ke hari ini. Mengikut statistik, menjelang 1995 jumlah orang asli yang terdapat Malaysia berjumlah 95,362. Secara kasar masyarakat orang asli dibahagikan kepada 3 kumpulan besar iaitu kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Etnik Negrito mempunyai kepercayaan ketuhanan kepada Karai (Karei), Orang Hidup dan Tok Pendin. Mereka percaya pada dosa dan pahala serta mempercayai hari pembalasan di akhirat. Etnik Senoi mempunyai ketuhanan yang sama seperti etnik Negrito. Manakala Etnik Melayu Asli percaya kepada kepercayaan animisme.


ACTIVITY



- 1. Cari Satu Pusat Ibadat yang terdapat di tempat anda.**
- 2. Anda dikehendaki untuk membuat interview 3 orang pengunjung disitu dan tanyakan apakah keistimewaan pusat ibadat tersebut.**

Soalan Ringkas

1. Senaraikan Rukun Islam?
2. Siapakah yang telah mengasaskan ajaran Buddha?
3. Nyatakan 3 imej bagi agama Kristian?
4. Senaraikan etika yang diamalkan oleh ajaran Confucius?
5. Senaraikan sifat-sifat buruk yang perlu dihindari bagi pengikut ajaran Sikh?
6. Senaraikan tingkahlaku umat islam yang boleh dijadikan contoh oleh masyarakat Malaysia?.



Soalan Objektif

1. Bagi seorang Muslim, tindakan manakah di bawah **TIDAK DIBENARKAN**.
 - A. memberi zakat.
 - B. doa.
 - C. minum arak.
 - D. membaca Al-Quran.

 2. Bible dibahagikan kepada dua bahagian utama. Namakan bahagian tersebut _____.
 - A. *Old dan New Books.*
 - B. *Old dan New Testments.*
 - C. *Old dan New Chapters.*
 - D. *Old dan New Bible.*

 3. Menurut Buddha, kehidupan manusia adalah _____.
 - A. Penuh dengan kedukaan.
 - B. Penuh dengan kebahagiaan.
 - C. Penuh dengan cinta.
 - D. Penuh dengan benci.

 4. Masyarakat Orang Asli, kebanyakannya menganut fahaman _____.
 - A. Kristian.
 - B. Sekularisme.
 - C. Animisme.
 - D. Sikhisme.

 5. Berikut adalah kitab Veda, **KECUALI**
 - A. Rig Veda.
 - B. Atharva Veda.
 - C. Yajur Veda.
 - D. Theravada.
- 

KATA KUNCI

Islam

Hindu

Confucius

Animiesme

Sikh

Buddha

Kristian

Taoisme

RINGKASAN

- Agama merupakan aspek yang penting dalam kehidupan manusia.
- Setiap agama menonjolkan nilai-nilai yang baik dengan cara dan amalan yang berbeza.
- Agama rasmi di Malaysia adalah agama Islam manakala agama lain boleh diamalkan dengan bebas seperti Kristian, Hindu, Buddha, Confucius, Taoisme, Sikh dan sebagainya.
- Agama adalah panduan hidup bagi seseorang manusia.



RUJUKAN

Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuuid, at.all, *Pengantar Pendidikan Moral*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd. 2016.

Eow Boon Hin (at.all), *Moral Education Revised Edition*, Pearson: Petaling Jaya, 2008.

Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. 2002.

Shamsul Amri, *Hubungan Etnik*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.

Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin, *Pengajian Malaysia*, Oxford: Fajar Bakti, 2016.

TOPIC 5

ETIKA PROFESIONAL

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS:


Di akhir bab ini, pelajar dapat :

1. Memahami peranan kod etika professional dalam memastikan kepatuhan terhadap norma-norma profesion.
2. Mengenal pasti tanggungjawab profesional seorang pemimpin.
3. Mengetahui konsep dan teori kepimpinan.
4. Mengenalpasti tindakan salah laku seorang pemimpin.

5.1


KOD ETIKA @ ETIKA KERJA

- Kod etika ialah dokumen rasmi yang menyatakan nilai-nilai utama sesebuah organisasi dan peraturan-peraturan etika yang harus dipatuhi oleh semua ahli dalam organisasi.
- Kod etika menjadi sumber inspirasi dan rangsangan positif kepada obligasi terhadap norma-norma professional.
- Ia juga berkait rapat dengan proses sosialisasi, pendidikan dan mempunyai kesan terhadap undang-undang.
- Kod etika menekankan kepada beberapa perkara berikut:
 1. Norma-norma professional yang perlu dipatuhi.
 2. Akauntabiliti dan tanggungjawab professional.
 3. Bentuk-bentuk penyelewengan yang perlu dihindarkan.
 4. Bentuk hukuman yang dikenakan.
 5. Norma professional yang diterjemahkan dalam tingkah laku yang khusus.
- Secara keseluruhannya kod etika merupakan peraturan sendiri yang dikuatkuasakan terhadap ahli-ahlinya yang dijadikan sebagai panduan selari dengan kehendak masyarakat.



Fungsi Kod Etika	Penjelasan
1. Inspirasi dan tunjuk ajar	* Rangsangan yang positif untuk melatih seseorang individu bertingkah laku dengan beretika, tunjuk ajar dan nasihat sebagai seorang yang lebih professional.
2. Sokongan	* Sokongan positif kepada individu yang ingin berkelakuan secara beretika. *Keputusan beretika biasanya disandarkan dengan kata-kata, "Saya berbuat demikian sebagai mana yang terdapat dalam kod etika profesion"
3. Halangan dan Disiplin	*Digunakan untuk menyiasat sebarang kelakuan yang tidak beretika yang dilakukan oleh individu dalam organisasi. * Penyiasatan yang dilakukan ini akan menghalang kakitangan untuk melakukan tindakan yang tidak beretika.
4. Pendidikan dan Kefahaman	*Membantu perbincangan isu etika dalam bilik kuliah. *Dapat mewujudkan persefahaman bersama golongan professional, orang awam dan organisasi tentang tanggungjawab professional.
5. Sumbangan kepada imej Profesion	*Menampilkan imej positif golongan professional kepada masyarakat. *Membantu profesion untuk berkhidmat dengan lebih berdedikasi.
6. Mempertahankan Status	*Menentukan peraturan etika yang dapat membantu dalam mempromosikan satu peringkat persetujuan minimum terhadap perlakuan etika. *Menyelesaikan percanggahan atau perbalahan antara profesion. * Untuk menjamin keberkesanan kod etika beberapa perkara perlu diberi perhatian. Antaranya ialah:






	1. Isi kandungan kod etika perlu disebarkan secara meluas kepada semua ahli professional. 2. Butiran dalam kod etika mesti jelas, khusus dan terperinci dalam semua aspek nilai yang hendak ditekankan. 3. Kod etika dapat menangani isu-isu pokok dengan tepat. 4. Kod etika hendaklah dikuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh apabila menjatuhkan hukuman. 5. Kod etika perlu disemak semula dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perubahan masyarakat industri. *Bagi memastikan ia berkesan 1 jawatankuasa dibentuk untuk memantau keadaan. Lazimnya ahli-ahli jawatankuasa adalah orang awam. *Pendidikan beretika perlu diberikan secara berterusan agar dapat mempertingkatkan lagi kesedaran dalam kalangan golongan professional.
--	--

Batasan Kod Etika

- Lazimnya batasan kod etika wujud disebabkan oleh wujudnya fungsi kod etika yang dianggap sebagai panduan tingkah laku etika dan bukannya untuk menyelesaikan masalah etika yang dihadapi dalam berbagai-bagai situasi. Di antara situasinya adalah:
 - 1. Kebanyakan kod etika terlalu umum dan kabur. Ini tidak memungkinkan dalam perlaksanaannya mempunyai persamaan kod etika seperti yang telah direkodkan kerana mungkin situasi yang dihadapi adalah berbeza dari masa ke semasa. Adakalanya kod etika yang baru sukar disesuaikan dengan yang telah ada dan mengambil masa untuk perlaksanaannya. Adakalanya kod etika ditafsirkan secara berbeza mengikut kefahaman masing-masing menyebabkan ia kurang berkesan untuk mengawal tingkah laku.
 - 2. Kadang-kadang terdapat peruntukan pernyataan dalam kod etika berkonflik antara satu sama lain. Contohnya, Seksyen 1 dalam Kod
- 



Etika untuk jurutera menyatakan, “Hubungan professional untuk jurutera mestilah didasarkan kepada standart integrity yang tinggi dan akan bertindak secara professional terhadap klien atau majikan dengan penuh amanah dan jujur”. Seksyen 2 menyatakan “seorang jurutera patut mengambil berat akan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan awam semasa menjalankan tugas professional”.

- Situasi di atas meletakkan seorang jurutera dalam keadaan dilemma (seksyen mana yang harus dipatuhi). Jurutera yang mempunyai kesedaran etika yang rendah pasti akan memilih jalan mudah dengan menyebelahi pihak majikan (kepentingan perniagaan) walaupun tindakan itu tidak bertika.
- 3. Kod etika tidak boleh bertindak sebagai autoriti etika yang mutlak untuk mengawal tingkah laku golongan professional.
- 4. Wujudnya terlalu banyak kod etika akan menjejaskan keberkesanan kod-kod etika tersebut. Lazimya semua organisasi mempunyai konsep teras kod etika yang hampir sama iaitu:
 1. Kepentingan awam.
 2. Kualiti dari segi sikap amanah, jujur dan adil.
 3. Prestasi professional.


Secara kesimpulannya Kod etika memainkan peranan penting dalam memantau tingkahlaku golongan professional. Dokumen bertulis dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi untuk terus mematuhi norma professional yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

5.2

Kepimpinan dan Ciri-ciri

Definisi Pemimpin

- Kepemimpinan merupakan interaksi di antara dua atau lebih ahli dalam satu kumpulan di mana situasi, persepsi dan jangkaan ahli-ahlinya sering disusun atau disusun semula. Kepentingan pemimpin dan kepimpinan dalam sebuah organisasi tidak dapat dinafikan lagi, kerana tanpa pemimpin dan kepimpinan, sesebuah organisasi tidak dapat berfungsi dengan baik dan lancar. Justeru itu, dalam apa juga bentuk organisasi ada pemimpin dan corak kepimpinannya. Malah dalam Islam cukup dipentingkan tentang kewujudan pemimpin. Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bersabda:
- 



"Apabila tiga orang keluar bermusafir maka hendaklah mereka melantik salah seorang daripada mereka untuk menjadi ketua atau amir."

(Riwayat Abu Dawud daripada Abu Said dan Abu Hurairah)

- Kepimpinan atau *leadership* dikatakan sebagai kemampuan seorang pemimpin atau *leader* untuk mempengaruhi orang lain, sehingga orang lain bertindak sebagaimana yang dikehendaki oleh pemimpin tersebut.
- James Mac Gregor Burns (1978) seorang sarjana terkemuka menjelaskan tentang kepimpinan melalui kajiannya berjudul *Leadership*. Beliau mendefinisikan kepimpinan sebagai:

Leadership is leaders inducing followers to act for certain goals that represent the values and the motivations – the wants and needs, the aspirations and expectations – of both leaders and followers. And the genius of leadership lies in the manner in which leaders see and act on their own and their followers' values and motivations.


Ringkasnya:

Leadership is the process of influencing followers or the employees to work toward the achievement of objectives.

- Dalam konteks ini, perbincangan lebih tertumpu kepada kepimpinan dalam organisasi kerja, sama ada kerja *formal* atau kerja *informal* atau sukarela. Tujuannya adalah untuk meningkatkan imej kepimpinan kita dalam organisasi.
- Ia perlu dipelajari oleh setiap pelajar kerana ia mampu menyemai corak-corak kepimpinan dan sifat-sifat pemimpin dalam diri mereka apabila mereka bekerja dalam sesebuah organisasi.
- Pemimpin yang berkualiti menjadi harapan kepada masyarakat dan meningkatkan imej Negara.

KEPIMPINAN DAN PEMIMPIN

- Dalam membicarakan soal kepimpinan, perlu dibezakan dua perkara iaitu kepimpinan sebagai kedudukan dan kepimpinan sebagai satu proses sosial. Kepimpinan sebagai satu kedudukan atau jawatan merupakan suatu kompleks hak-hak dan kewajipan yang boleh menghasilkan kekayaan, martabat atau status yang tinggi, makanan yang istimewa dan sebagainya.
- 

- 
- Kepimpinan sebagai satu proses sosial pula meliputi segala tindakan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang, yang mengakibatkan orang ramai mengikuti mereka. Kepimpinan juga boleh membawa maksud sekumpulan pemimpin yang berganding bahu demi untuk mencapai sesuatu matlamat. Kepimpinan juga seperti yang saya jelaskan awal tadi merupakan satu kemahiran atau kebolehan memimpin, iaitu kebolehan individu mempengaruhi kumpulannya atau anggota komunitinya ke arah pencapaian matlamat-matlamat yang dirancang.
 - Untuk membolehkan seorang pemimpin menjalankan tugasnya dan menggerakkan kumpulan ke arah pencapaian matlamat-matlamat yang ditetapkan, dia mempunyai hak kuasa tertentu. Walaupun pemimpin itu mempunyai hak dan kuasa tertentu, tetapi tidak semestinya dia dapat menjalankan tugas kepimpinannya jika dia tidak mempunyai kesanggupan untuk menggunakan hak dan kuasa itu secara saksama dan berkesan.
 - Demikianlah apa yang dimaksudkan dengan kepimpinan iaitu cara atau kaedah yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin. Keperibadian atau personaliti juga menentukan siapakah yang layak menjadi pemimpin.
 - Seorang yang dilantik menjadi pemimpin juga dilihat dari segi kebolehan atau pencapaiannya dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik, keturunan dan sebagainya. Pemimpin bukan sahaja datangnya dari mereka yang berpendidikan tinggi, tetapi juga di kalangan mereka yang digelar sebagai *organic intellectual*.
 - Berhubung dengan soalan siapa menjadi pemimpin? Jawapan yang mudah yang boleh diberikan ialah seorang individu yang biasanya lebih *superior* dari segi kebolehan, kemahiran atau kawalan yang membolehkan kumpulannya mencapai matlamat-matlamat tertentu berbanding dengan orang lain, atau jika dia lebih terkenal dari segi sumbangan dalam sesuatu bidang kegiatan. Namun demikian keberkesanan seseorang pemimpin bergantung kepada hubungannya dengan kumpulan yang dipimpin dan hubungkait di antara ruang dan masa.

Setelah dibicarakan tentang kedua-dua istilah yang menjadi pokok perbincangan kita, saya berhasrat untuk membicarakan secara sepintas lalu tentang teori-teori kepimpinan yang biasanya dikenali dalam pemikiran ilmiah.




1. Teori Sifat (*Trait Theory*)

- Teori sifat ini adalah unggul dimana pemimpin-pemimpin dianggap terbaik oleh masyarakat umum. Mengikut teori ini, terdapat beberapa sifat atau ciri peribadi individu yang istimewa dan unggul pada pemimpin yang membezakannya dari individu-individu bukan pemimpin.
- Ciri-ciri tersebut ialah **ciri fizikal** yang terbentuk seperti **tinggi tubuh badan, berat badan, tarikan fizikal, kecerdasan, stamina dan sebagainya.**
- **Ciri sosial** yang dimiliki oleh pemimpin pula ialah **belas kasihan, sabar, berorientasikan pekerja, kematangan emosi dan lain-lain sifat mulia.**
- **Ciri peribadi** pula iaitu **kebolehan bercakap, membuat penilaian adil, mempunyai keupayaan intelek yang tinggi, berorientasikan pencapaian, berkeupayaan bekerja kuat dan mempunyai sikap bertanggungjawab.**
- Walau bagaimanapun para penyelidik telah gagal mengenalpasti ciri-ciri individu tersebut secara konsisten untuk dijadikan sebagai piawai bagi membezakan di antara pemimpin dan bukan pemimpin. Namun demikian teori ini terus digunakan terutamanya dalam proses temuduga untuk memilih pekerja atau kenaikan pangkat. **Pemilihan calon pekerja masih dibuat berdasarkan kebolehan seseorang itu bercakap atau berhujah, gaya, perawakan dan sebagainya.**

2. Teori Situasi (*Situational Theory*)

- Fokus utama pendekatan ini ialah apabila situasi berbeza fungsi pemimpin juga kemungkinan berbeza. Pemimpin yang berjaya ialah pemimpin yang boleh menyesuaikan dirinya untuk memenuhi keperluan para pengikutnya dalam situasi tertentu. Tidak ada satu gaya atau stail kepimpinan yang khusus dan mutlak yang boleh digunakan atau sesuai digunakan bagi semua keadaan, tempat atau waktu.



3. Teori Laluan-Matlamat (*Path-Goal Theory*)

- Teori ini memberi perhatian utama kepada para pemimpin mempengaruhi pengamatan orang bawah terhadap matlamat kerja, matlamat peribadi dan laluan ke arah pencapaian matlamat itu. Teori laluan-matlamat percaya bahawa manusia akan berpuas-hati dengan pekerjaan yang mereka lakukan sekiranya pekerjaan itu mendatangkan hasil lumayan kepada mereka.

4. Teori Kontingensi Fiedler (*Fiedler Contingency Theory*)

- Teori ini menetapkan jenis situasi di mana seseorang pemimpin itu dianggap lebih berkesan daripada situasi lain. Pengasas teori ini, Fiedler mengenalpasti dua gaya kepimpinan iaitu rendah LPC (Least Preferred Co-Worker) dan tinggi HPC (Highly Preferred Co-Worker).
- Seseorang itu diminta menilai rakan sejawatnya sama ada mereka suka atau tidak suka. Matlamat utama pemimpin yang rendah LPC nya ialah pencapaian objektif tugas, sementara itu matlamat utama pemimpin yang tinggi HPCnya pula ialah membina hubungan baik di antara individu di dalam organisasi.

5. Teori Kelakuan (*Behavioural Theory*)

Teori kelakuan mempercayai bahawa pemimpin yang berkesan dan tidak berkesan mungkin boleh dibezakan melalui pola kelakuan mereka dalam menjalankan tugas masing-masing.

- **Pemimpin autokratik** menjalankan tugas-tugasnya melalui arahan yang pada umumnya dipatuhi.
 - **Pemimpin demokratik** pula membenarkan dan menggalakkan ahli-ahli kumpulannya berbincangan dalam membuat keputusan.
 - Sementara **pemimpin jenis *laissez-faire*** memberikan kebebasan sepenuhnya kepada ahli-ahli kumpulannya untuk memilih cara untuk menjalankan tugas yang paling sesuai dengan tahap campurtangan yang paling minima.
 - Dari segi prestasi kerja, mutu kerja kumpulan yang dipimpin oleh pemimpin autokratik adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan yang dipimpin oleh pemimpin demokratik. Mutu kerja kumpulan yang dipimpin oleh pemimpin jenis *laissez-faire* adalah yang paling rendah.
 - Tiga lagi jenis stail kepimpinan yang lain ialah pemimpin yang menyokong (*supportive*), penyertaan (*participative*) dan yang berperanan penting (*instrumental*).
- 

6. Pendekatan Bersifat Transaksi (*Transactional Approach*)

- Pendekatan ini melihat kepemimpinan sebagai satu proses dinamik di mana berlakunya unsur-unsur 'give-and-take' iaitu pengikut-pengikut menerima atau patuh kepada kehendak-kehendak pemimpin dengan harapan mereka akan mendapat sesuatu sebagai balasan daripada pemimpin mereka. **Dalam hal ini, persepsi pengikut dan aspirasi pemimpin merupakan inti penting dalam pendekatan ini.**



5.4 Fungsi Pemimpin

*"The task of the leader is to get his people from where they are...
...to where they have not been."
- Henry Kissinger*

Mengikut Kretch dan Crutchfield (1962) menyenaraikan empat belas fungsi pemimpin dalam kelompok atau komuniti. Aminuddin Mohd. Yusof telah menghuraikan fungsi pemimpin seperti berikut:



1. Sebagai Eksekutif

- Semua orang yang dinamakan pemimpin mentadbir kelompok, komuniti, masyarakat atau organisasi yang dipimpinnya dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan usaha segigih mungkin untuk mencapai matlamat kelompok atau organisasi itu.

2. Sebagai Perancang

- Setiap pemimpin perlu merancang cara bagaimana hendak mencapai matlamat organisasinya sepertimana yang telah ditetapkan oleh Piagam Organisasi dan Misi Organisasi. Ini bermakna pemimpin mesti merancang aktiviti untuk faedah organisasi, kerana tanpa aktiviti organisasi itu tidaklah bermakna.

3. Sebagai Pembuat Dasar

- Pemimpin perlulah menentukan dan menetapkan garis panduan dasar organisasinya.

4. Sebagai Pakar

- Pemimpin menjadi sumber maklumat dan lebih berkemahiran daripada anggota-anggota kelompoknya.

5. Sebagai Jurucakap Kelompok

- Pemimpin bertindak sebagai jurucakap kepada kelompok dalam interaksi hubungannya dengan kumpulan luar.

6. Sebagai Pengawal Hubungan Dalam

- Ia memainkan peranan sebagai pemimpin, ia juga bertindak sebagai pengawal atau saluran hubungan di antara anggota-anggota kelompok.

7. Sebagai Pemberi Ganjaran dan Denda

- Dalam organisasi berhirarki, pemimpin diberi kuasa untuk memberi ganjaran dan mengenakan denda oleh pihak berkuasa ke atas ahli-ahli kelompok di bawah penyeliaannya.

8. Sebagai Teladan atau *Role Model*

- Pemimpin menjadi teladan atau contoh kepada anggota-anggota kelompok dengan menunjukkan kepada mereka tingkahlaku dan sifat yang terbaik dan terpuji.

9. Sebagai Simbol Kelompok

- Pemimpin turut bertindak sebagai alat pengenalan sesuatu kelompok, organisasi, komunitas atau masyarakat.

10. Sebagai Ganti Tanggungjawab Individu


- Pemimpin melepaskan individu daripada tanggungjawab membuat keputusan pribadi.

11. Sebagai Ahli Ideologi

- Pemimpin juga menjadi sumber nilai dan norma anggota-anggota kelompoknya.

12. Sebagai Tokoh Bapa

- Pemimpin menjadi fokus perasaan emosi dan objek unggul untuk mengidentifikasi diri, pemindahan dan perasaan submisif.



- Islam melihat kepemimpinan dari sudut tersendiri yang berbeza dari segi konsep dan amalannya daripada yang difahami dan dipraktikkan dalam kebudayaan dan kehidupan seharian.
- Kepimpinan dalam Islam dilihat dalam konteks epistemologi dan praktik.
- Definisi kepemimpinan diasaskan kepada epistemologi tauhid dengan menggunakan wahyu sebagai sumber ilmu yang utama dan definitif iaitu al-Quran.
- Kepimpinan dari sudut Islam dilihat dari tiga bidang umum yang menyangkut tentang hakikat insan, hakikat amal dan hakikat organisasi.
- Ketiga-tiga bidang ini merupakan unsur-unsur utama paradigma tauhid. Berdasarkan paradigma tauhid ini, kepimpinan Islam menekankan tiga konsep utama iaitu: amanah, adil, dan syura. Amanah memberikan definisi kepimpinan, keadilan menjadi matlamatnya dan syura adalah cara hidup pemimpin.
- Penekanannya adalah syarat-syarat pemimpin yang digariskan oleh Islam. Diantara syarat-syaratnya adalah beragama Islam dan lelaki. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah an-Nisa': 34 yang bermaksud:

“Lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita dengan sebab Allah SWT melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka.”

Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW sendiri pernah bersabda maksudnya:

“Tidak akan beroleh kejayaan sesuatu kaum yang telah melantik wanita untuk mengetuai urusan pentadbiran mereka.”


- Selain itu juga, pemimpin juga perlu merdeka, berilmu, adil, mampu (berani), dan mampu menjaga hubungan di antara pemimpin dan yang dipimpin. Pandangan orang Melayu terhadap pemimpin adalah sebagai pelindung anak buahnya. Semua yang di bawah pemimpinnya dikatakan berada di bawah naungan payungnya.

- Selain daripada payung seseorang pemimpin juga dianggap sebagai pagar yang menjaga keselamatan pada semua jagaannya. Dari sinilah timbulnya bidalan “pagar makan padi” iaitu seseorang yang diharap untuk melindungi menjadi musuh yang merosakkan. Bagi orang Melayu pemimpin itu adalah pelindung.
- Perlindungan dan penjagaan yang dipertanggungjawabkan kepada pemimpin-pemimpin itu meliputi segala hal-ehwal kehidupan – tempat tinggal, cukup makan, cukup pakaian, cukup jagaan waktu sakit, dan bila berkahwin dibuat kenduri dan bila meninggal dunia dikebumikan dengan sempurna. Pemimpin Melayu juga dipertanggungjawabkan kepada halhal moral dan mesti menasihatkan anak-buahnya. Seorang pemimpin juga mesti bertanggungjawab untuk menanamkan Ada empat nilai dasar, iaitu nilai budi, nilai individu, nilai masyarakat, dan nilai ekonomi.

HUBUNGAN ANTARA PEMIMPIN DAN PENGIKUT



- Keberkesanan seseorang pemimpin dalam menerajui organisasinya akan bergerak ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Ia bergantung kepada transaksi atau hubungan baik diantara pemimpin dengan pengikutnya dengan mengaplikasikan kuasa yang dimiliki oleh pemimpin tersebut.
- Hollander (1984) dan Bass (1990) menggariskan beberapa transaksi di antara pemimpin dan pengikut. Antara transaksi tersebut adalah seperti berikut:
 1. Proses kepimpinan melibatkan suatu pertukaran sosial di antara pemimpin dengan pengikutnya. Pemimpin menyediakan ganjaran dalam mengarah pengikut-pengikutnya ke arah pencapaian matlamat organisasinya dan sebagai balasan, semua pengikutnya akan menyediakan pemimpin tersebut dengan status serta keistimewaan autoriti.
 2. Pertukaran sosial dalam kepimpinan melibatkan pemimpin, pengikut dan situasi.

- 
3. Amanah dan persepsi keadilan perlu bagi hubungan di antara pemimpin dan pengikut. Dengan adanya unsur amanah, pemimpin dan pengikut rela menghadapi sebarang risiko dan kos yang terlibat dalam hubungan tersebut.
 4. Seseorang pemimpin perlu mengurangkan unsur ketidakpastian. Sekiranya unsur tersebut wujud dipersekitarannya, pemimpin berkenaan tidak seharusnya bertindak sama sekali secara individu ataupun secara bersama.

OBLIGASI TERHADAP PROFESION

- Dalam struktur sosial masyarakat, golongan professional diletakkan dalam kumpulan teratas dari segi prestij, kedudukan dan kuasa. Mereka dianggap sebagai golongan yang terpelajar dan mampu untuk membuat keputusan yang akan mempengaruhi orang lain.
 - Hampir semua kod etika menekankan tanggungjawab untuk memberikan kebaikan umum.
 - Dalam bidang profesion tanggungjawab seseorang meliputi 3 aspek:
 - i. Kepimpinan sosial.
 - ii. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran.
 - iii. Mengekalkan dan menambah peranan profesion berkenaan.
 - Memandangkan golongan professional diletakkan pada status yang tinggi dalam struktur sosial masyarakat, mereka juga diharap akan menceburkan diri secara aktif dan memimpin organisasi sukarela, suruhanjaya dan sebagainya. Peranan mereka bukan berdasarkan kepada kepakarannya tetapi lebih kepada status sosialnya.
 - Golongan professional juga disarankan untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran selari dengan perkembangan ilmu pada masa kini. Peranan professional patut dikekalkan dan ditambah bilangannya dari semasa ke semasa selari dengan keperluan dan harapan masyarakat. Mereka juga perlu menghormati profesion mereka agar lebih dihormati dan disanjung.
- 

Secara keseluruhannya obligasi terhadap profesi perlu didasari kepada tanggungjawab professionnya dan penerapan dan mempertingkatkan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Usaha untuk menghormati profesi perlu dikekalkan bagi membolehkan ianya berfungsi dan memberi kebaikan kepada semua dengan memahami tanggungjawab terhadap kepentingan dan tingkahlaku klien dan cara mereka mewakilinya.


5.6

GEJALA *WHISTLE BLOWING* (MENIUP WISEL) DALAM ORGANISASI

- Definisi: **Whistle blowing** merupakan pendedahan salah laku atau perbuatan yang tidak beretika dalam organisasi oleh pekerja atau bekas pekerja dalam organisasi tersebut. Pendedahan ini disebarkan kepada masyarakat umum melalui wartawan, ahli politik, persatuan pengguna dan lain-lain).



- Adakalanya pendedahan yang dilakukan oleh *whistle blowing* mengeneipkan saluran biasa dan pihak tertentu dalam organisasi yang dilakukan oleh pekerja dan bekas pekerja. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian daripada pihak luar yang mempunyai kuasa dan kedudukan agar prihatin masalah atau rasa tidak puas hati mereka terhadap organisasi.

- 
- Terdapat 4 ciri utama perbuatan *whistle blowing* iaitu:
 1. *Tindakan Mendedah:*

Sengaja menyampaikan maklumat kepada pihak tertentu di luar organisasi.
 2. *Bahan maklumat:*


Maklumat itu dipercayai ada kaitannya dengan masalah etika yang serius seperti perbuatan jenayah, amalan dan polisi yang tidak beretika, ketidakadilan terhadap pekerja, ancaman serius terhadap keselamatan dan kebajikan awam.
 3. *Agen:*

Orang yang mendedahkan maklumat adalah pekerja atau bekas pekerja atau sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan rapat dengan organisasi berkenaan.
 4. *Penerima Maklumat:* Maklumat itu disampaikan kepada seseorang atau organisasi yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan.
 - Perbuatan Whistle blowing terbahagi kepada 2 bentuk iaitu: *whistle blowing luaran dan dalaman*.
 - *Whistle blowing luaran* - bermaksud maklumat itu disampaikan oleh pihak tertentu di luar organisasi.
 - *Whistle blowing dalaman* - bermaksud perbuatan penyebaran maklumat dilakukan oleh pekerja dalam organisasi tersebut.
 - Kedua-dua bentuk *whistle blowing* adakalanya mendedahkan identiti secara terbuka dan ada juga bersikap tertutup.

Panduan etika Untuk Peniup Wisel

Tiga keadaan berikut yang membolehkan seseorang professional meniup wisel:

1. Jika kesan perbuatan tidak beretika mendatangkan kemudaratan yang serius kepada masyarakat.
 2. Jika keprihatinannya diberitahu kepada pegawai atasan.
 3. Jika pelbagai usaha melalui saluran tertentu dalam organisasi tidak berkesan.
- 



Perbuatan *meniup wisel* menjadi obligasi moral jika terdapat 2 keadaan berikut:

4. Jika meyakini bahawa keadaan yang berlaku itu memang benar dan mendapati bahawa polisi organisasi (syarikat) adalah salah. Ia disertakan dengan bukti (dokumen) yang boleh meyakinkan pihak yang bakal menerima maklumat tersebut.
5. Jika dapat membuktikan bahawa pendedahan maklumat tersebut dapat menghindarkan masyarakat daripada kemudaratan yang serius.

Lazimnya *peniup wisel* akan menerima nasib yang tidak baik. Ia digambarkan melalui petikan dibawah.


"Whistle- blowing is lonely, unrewarded, and fraught with peril. It entails, a substantial risk of retaliation which is difficult and expensive to challenge. Furthermore "success" may mean no more than retirement to a job where the bridge are already burned, or monetary compensation that cannot undo damage to reputation career and personal relationships".

- Melalui petikan diatas menunjukkan peniup wisel perlu diberikan perlindungan dari segi undang-undang.
- Badan-badan professional perlu memainkan peranan penting agar mengambil tindakan yang lebih berkesan agar peniup wisel tidak kehilangan kerja.

Prosedur "Peniup Wisel"

Beberapa panduan perlu diambil kira oleh *peniup wisel* memandangkan ia merupakan perbuatan yang serius.

1. Mulakan dengan menggunakan saluran biasa dalam organisasi.
 2. Kemukan bantahan atau pendapat dengan segera kepada pihak tertentu dalam organisasi.
 3. Lakukan dengan secara berhati-hati dan ambil kira perasaan orang yang terlibat.
- 

- 
4. Tumpukan kepada isu yang berkaitan dan bukannya terhadap individu tertentu.
 5. Beritahu kepada ketua terdekat sama ada secara formal atau tidak formal.
 6. Buat pemerhatian dan dakwaan yang tepat dengan rekod-rekod dan dokumen yang relevan.
 7. Minta pandangan dan nasihat daripada rakan sekerja dan jangan mengasingkan diri.
 8. Sebelum mendedahkan maklumat kepada pihak luar bincang terlebih dahulu dengan Jawatankuasa Etika badan Profesional masing-masing.
 9. Minta nasihat guaman tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang.

Cadangan Mengatasi Masalah Meniup Wisel

- Adakalanya perbuatan ini adalah satu keperluan etika walaupun ianya sering kali disalah faham dan menimbulkan banyak masalah.
 - Masalah *meniup wisel dalaman* boleh diatasi sekiranya organisasi mengamalkan pintu terbuka iaitu semua orang diberikan kebebasan bercakap dan berkomunikasi dalam organisasi.
 - Masalah perbuatan meniup wisel luaran boleh diatasi dengan melakukan modifikasi intraorganisasi.
 - Sebenarnya golongan profesional mempunyai hak moral untuk memberi pendapat dan pandangan kepada jawatankuasa etika dalam organisasi berkenaan.
 - Usaha yang terakhir adalah melalui undang-undang yang diperuntukan dalam organisasi. Adakalanya undang-undang yang ketat disambut baik oleh masyarakat umum tetapi bagi pihak pengurusan organisasi ia akan mengurangkan autonominya.
 - Jika dilihat undang-undang yang ketat tidak akan menyelesaikan masalah tetapi apa yang penting adalah kesedaran etika yang tinggi patut dipupuk secara berterusan dalam kalangan semua pihak.
- 



*Ramai orang yang boleh
memiliki jam tangan yang tinggi
harganya tetapi tidak ramai
boleh menetapi masa yang
berharga.*



Kesimpulannya Kepimpinan yang berjaya dan berakhlak mulia akan dipandang tinggi. Cabaran dalam kepimpinan adalah berupaya menangani konflik dengan baik dan cuba sedaya upaya merealisasikan visi dan misi organisasi.

ACTIVITY



Bentuk SATU KUMPULAN dan bahaskan isu ini.

Sejak kebelakangan ini, media asing begitu lantang menghina pemimpin dan negara kita. Kita sebagai warganegara Malaysia, patut mempertahankan maruah dan martabat Malaysia melalui pelbagai cara. Jelaskan cara-cara untuk mengangkat maruah dan martabat negara.

Soalan Ringkas

1. Jelaskan definisi kod etika.
2. Senaraikan fungsi pemimpin.
3. Berikan maksud *whistleblowing*.
4. Senaraikan 2 jenis *whistleblowing*?
5. Namakan teori-teori kepimpinan.
6. Beikan maksud pemimpin tranfomasi dan transaksi.

RINGKASAN

- Pemahaman tentang apa yang anda perlu faham tentang kod etika yang diperkenalkan oleh organisas. Peranan dan fungsinya kepada ahli-ahli organisasi sebagai menjaga batas profesional dan meningkatkan disiplin diri.
- Bagaimana kod etika mampu melahirkan golongan pemimpin dan wujudkan gaya kepimpinan mengikut peranan dan fungsi dalam sesebuah organisasi.
- Mengenalpasti dan melahirkan kepimpinan berdasarkan teori-teori kepimpinan.
- Mencegah daripada pemimpin-pemimpin melakukan perbuatan salah laku whistleblowing dalam organisasi yang boleh memberikan kesan negatif kepada organisasi, masyarakat dan imej negara.

KATA KUNCI

Pemimpin

Kod etika

Whistleblowing

Pengikut

Teori kelakuan

Autokrasi

Demokrasi

Teori kelakuan


Pemimpin Transformasi dan transaksi

Teori Sifat



RUJUKAN

1. Mohd. Janib Johari, *Etika Profesional*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001.
2. Ishak Mad Shah, *Kepimpinan dan Hubungan Interpersonal dalam Organisasi*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2006.



TOPIC 6

NILAI DAN ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS:

Diakhir topik pembelajaran, pelajar akan dapat :

1. Memahami kepentingan etika dalam pengurusan dan pentadbiran.
2. Menyenaraikan nilai-nilai etika dalam pentadbiran dan pengurusan.
3. Memahami dan membincangkan pekeling-pekeling perkhidmatan kerajaan dalam melicinkan sistem pentadbiran awam.


6.1

Pengenalan

Etika Perkhidmatan Awam di Malaysia bermula pada tahun 1920an. Banyak strategi dan pembaharuan semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohammad. Beliau prihatin terhadap penerapan etika PA sebagai kod prosedur dalam perintah Am (General Orders) yang diperkenalkan semasa British dahulu.

Beliau memperkenalkan dasar Bersih, Cekap dan Amanah. Objektifnya adalah untuk mewujudkan etika kerja yang baik dengan produktiviti dan kualiti kerja. Selain daripada itu terdapat beberapa dasar dan pekeling yang telah dikeluarkan agar nilai dan etika perkhidmatan awam dapat dihayati. Misalnya;

1. Teras Perkhidmatan Awam
 2. Tonggak 12 Perkhidmatan Awam
 3. Dasar Pandang ke Timur
 4. Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran
 5. Kepimpinan melalui teladan
 6. Gerakan Budaya Kerja Cemerlang
- 

- 
7. Pengurusan Kualiti dan Anugerah Kualiti
 8. Konsep Perkhidmatan Cemerlang

Slogan Bersih, Cekap dan Amanah


Diperkenalkan pada 1982.

1. Bersih – penjawat awam mesti memiliki nilai moral yang tinggi dan positif.
 - tidak mementingkan diri sendiri.
 - sikap berkecuali, dengki, khianat.
2. Cekap – berani dalam membuat tindakan, hadapi krisis dengan tenang.
 - Kekal dengan sikap tegas, keyakinan diri, kreatif dalam kerja, produktif, berpandangan jauh.
3. Amanah – penjawat awam rela menjalankan tanggungjawab dan tugas yang dipertanggungjawabkan agar matlamat organisasi dapat dicapai.
 - sifat jujur, ikhlas, keyakinan diri pada diri, rakan sekerja dan organisasi.

6.2

TUJUAN NILAI DAN ETIKA PERKHIDMATAN AWAM

- Mengikut Kamus Pelajar Baru - Pentadbiran merupakan perbuatan melaksanakan urusan, mengelola atau menjalankan sesebuah pejabat, kerajaan dan lain-lain.
 - Mengikut Ahmad Atory - Pentadbiran adalah satu bentuk jenis kerjasama manusia yang mempunyai peringkat yang tinggi secara rasional.
 - Berdasarkan kepada definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa pentadbiran bermaksud proses melaksana, mengelola, mengendalikan dan bertindak sebagai ejen dalam urusan yang berkait rapat dengan organisasi, fungsi pemerintahan atau kerajaan.
 - Maksud Awam menjurus kepada kerajaan dan Negara @ negeri yang dijalankan oleh kerajaan untuk dimanfaatkan oleh rakyat. (perkhidmatan kepada rakyat).
- 

- 
- Peranan dan nilai etika kerja penting dalam pentadbiran sesebuah negara kerana ia mempunyai pengaruh yang besar ke atas pembinaan peribadi yang tinggi.
 - Usaha pembentukan dan penerapan nilai dan etika kerja dinyatakan dalam Tonggak 12 yang merangkumi aspek iaitu nilai peribadi, mengutamakan pelanggan, nilai kepimpinan, profesionalisme dan keagamaan.

Etika dalam Pentadbiran

1. Kejujuran (Honesty)
2. Keadilan (Justice)
3. Kebenaran (Veracity)
4. Keberanian (Courage)
5. Kesopanan (Politeness)
6. Kemaafan (Forgiveness)
7. Kesabaran (Patience)
8. Ketenteraman (Peacefulness)
9. Mudah didampingi (Accessibility)
10. Simpati (Sympathy)

Teras Perkhidmatan Awam dalam Dasar Kerajaan

Etika Perkhidmatan Awam wujud berdasarkan kepada :

1. Permintaan rakyat yang meningkat.
2. Rakyat inginkan pentadbiran dapat menyalurkan perkhidmatan yang sistematik, cekap dan berkesan

Etika Perkhidmatan Awam bertujuan:


1. Menyerapkan kakitangan kerajaan mempunyai semangat kerja, dedikasi bagi menentukan mutu prestasi dapat dipertingkatkan.
 2. Wujud hubungan yang mesra antara kakitangan PA bagi mencapai perpaduan negara bds Rukun Negara dan DEB
 3. Kesedaran kepada kakitangan kerajaan tentang tanggungjawab kepada rakyat agar tercapainya matlamat kerajaan – berjiwa rakyat.
- 

Ita adalah tugas murni dan patut dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia malah amanah yang harus dipikul oleh Perkhidmatan Awam.


Teras Perkhidmatan Awam.

Terbahagi kepada 7 perkara iaitu:

1. Berazam utk meningkatkan mutu Perkhidmatan.
2. Bekerja dgn penuh tanggungjawab.
3. Berusaha kikis sifat pentingkan diri.
4. Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan mesra.
5. Bekerja kearah memajukan Pemikiran rakyat dan negara.
6. Bekerjasama membanteras musuh negara.
7. Berpegang teguh kepada agama.




Sumber : Diubahsuai Nazirmuddin Ahmad, Mohd Taib Ariffin, Marinah Awang & Azita Yonus @ Ahmad, *Pengantar Etika (Edisi 3)*, Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004, hlm. 153-155.



1. Berazam meninggikan mutu perkhidmatan	● Tingkatkan kemahiran menerusi latihan, pembacaan, menghadiri seminar/bengkel ● mengatasi kelemahan diri sendiri ● Menyumbang kepada meningkatkan mutu perkhidmatan jabatan ● Memupuk sikap kreatif dalam kerja ● Mencari pembaharuan/pemodenan dalam sistem kerja dan pengurus.
2. Bekerja dengan penuh tanggungjawab	● Menghayati spesifikasi kerja ● Sumbangan tenaga yang lebih ● Mencapai tingkat semaksima yang boleh ● Menepati janji dalam bertugas/ikrar ● Memecahkan masalah tanpa arahan ● Menyelesaikan masalah dengan cepat ● Menghadapi tugas harian dengan dedikasi
3. Berusaha mengikis sikap pentingkan diri	● Tindakan selaras dengan cita-cita negara ● Bukan untuk keuntungan sendiri ● Hapuskan sifat sombong/bongkak ● Gunakan kuasa dan wang dengan saksama dan cermat ● Berkomunikasi dengan berkesan ● Beri peluang bertanya
4. Berkhidmat dengan memupuk muhibbah dan kemesraan	● Hayati keperluan masyarakat berbilang kaum dan budaya ● Sifat muhibbah tidak terhad di pejabat





	● Mengawal perasaan Sabar, bertimbang rasa, selalu senyum, beri layanan mesra tanpa pilih kasih ● Cekal hadapi cabaran
5. Memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara	● Membimbing rakyat di mana sesuai ● Menyedarkan rakyat tentang pembangunan ● Meningkatkan taraf hidup rakyat ● Memahami dasar-dasar kerajaan ● Melibatkan rakyat dalam aktiviti pembangunan ● Melibatkan diri dalam kerja sukarela
6. Bersama membentaras musuh dan kelemahan negara	● Bersih daripada penyelewengan/korupsi ● Bersama membentaras - Kemiskinan - Kejahilan - Subversif - Pelampau - Dadah, dll. ● Memupuk permuafakatan dan persefahaman.
7. Berpegang teguh kepada ajaran agama	● Yang berpegang teguh kepada agama tidak terlibat dalam kegiatan Jenayah, Korupsi, Dadah, dan lain-lain. ● Mempunyai nilai dan etika murni ● Tidak terpengaruhi dengan ideologi musuh



6.3

TONGGAK 12

Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam




Sumber : Diubahsuai Nazirmuddin Ahmad, Mohd Taib Ariffin, Marinah Awang & Azita Yonus @ Ahmad, *Pengantar Etika (Edisi 3)*, Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004, hlm. 153-155.




Tonggak 12	Amalan Positif	Amalan Negatif
1. Menghargai Masa	1. Menepati masa 2. Menyegerakan tugas 3. Merancang waktu 4. Guna masa untuk kerja produktif 5. Tetapkan date-line 6. Melaksanakan tugas dalam masa yang ditetapkan	7. Datang lewat Berbual-bual kosong Melambatkan tugas Tiada keutamaan Buat kerja peribadi Kegunaan masa secara tidak produktif Tiada date-line
2. Ketekunan membawa kejayaan	1. Sedia terima cabaran 2. Rajin dan sentiasa usaha 3. Penuh berdisiplin 4. Berkemahiran dan bersemangat 5. Teliti dan berperaturan 6. Punya jadual yang diikuti 7. Tidak terpengaruh oleh amalan negatif rakan	Mudah tersinggung Kurang berdisiplin Mudah putus asa Tidak terkini Tidak berhemah tinggi Tidak bersemangat Tiada jadual Tidak teliti
3. Keseronokan bekerja	1. Menerima kerja sebagai ibadah 2. Mempunyai inisiatif dalam bertugas 3. Sentiasa inovatif 4. Suka menyumbang <i>Resourceful.</i>	Anggap kerja sebagai beban Tidak komited Sentiasa didorong Menunggu arahan Berat tangan Sentiasa beri alasan
4. Kemuliaan kesederhanaan	1. Tidak tamak pangkat 2. Tidak membazir 3. Adil dalam tindakan 4. Mudah didampingi 5. Tidak sombong 6. Menerima teguran 7. Rendah diri, pemaaf 8. Tidak tunjuk	Menonjolkan diri Membesarkan perkara kecil Malampau/keterlaluan Mengampu ketua Memperagakan kemewahan Berhias lebih-lebih






	menunjuk	
5. Ketinggian peribadi	1. Beramanah 2. Beriman, bertaqwa 3. Berpengetahuan luas 4. Sedia berkorban 5. Bersopan santun 6. Kemas luaran/tindakan 7. Berakhlak mulia 8. Bekerjasama	Pilih kasih Tamak Curi tulang(elak kerja) Buruk budi bicara Boros Tidak hormat Tiada prinsip Tidak ambil berat
6. Kekuatan sifat baik hati	1. Bersimpati 2. Bertimbang rasa 3. Mesra dan bekerjasama 4. Pemaaf dan berhemah tinggi 5. Bersopan santun setiap masa	Berdendam Hasad dan dengki Bermuka-muka Suka mencaci Suka menghina Cepat menuduh Kasar dan kurang sopan
7. Pengaruh teladan	1. Tertib dan beradab 2. Kuat bekerja 3. Bertanggungjawab 4. Berpandangan jauh 5. Sentiasa menimba dan memanfaatkan ilmu 6. Mengutamakan orang daripada diri sendiri	Jahil Mempersenda agama Kedekut/bakhil Hipokrit Buruk sangka Suka mencari helah untuk elak kerja Mengumpat/batu api
8. Kewajipan menjalankan tugas	1. Mementingkan kualiti 2. Belajar daripada kesalahan 3. Akauntabiliti 4. Profesional dan cekap 5. Cergas dan pantas bekerja 6. Produktif	Mudah menyeleweng Tidak ikut arahan Suka bertangguh Melepaskan batuk di tangga Terus buat kesilapan Sambil lewa Tidak boleh diharap
9. Kebijaksanaan berhemat	1. Teliti dalam perbelanjaan 2. Menyelenggara	Bermewah dengan harta kerajaan Tidak cermat





	wang dengan sistematik 3. Boleh bezakan keperluan dan kemewahan 4. Bertanggungjawab atas perbelanjaan	Berbelanja tidak kena pada tempat Tidak peka kepada keperluan awam Boros
10. Keutamaan kesabaran	1. Tenang dalam menghadapi masalah 2. Mempunyai perhitungan jauh 3. Tahan menerima kritikan 4. Cekal 5. Berhemah tinggi	Pendirian sentiasa berubah Cepat mengalah Berpandangan sempit Tidak bersedia menghadapi cabaran Pesimis
11. Peningkatan bakat	1. Mencari keunikan 2. Menyertai aktiviti kreatif 3. Memberi dorongan dan galakkan 4. Menggalak percambahan idea 5. Persekitaran kondusif	Sekat pemikiran baru Tidak menggalak percubaan Tidak menghargai bakat Takut mencuba Berpuas hati Mengekal suasana
12. Nikmat mencipta	1. Berada dalam cabaran intelektual 2. Berterusan terokai pembaharuan 3. Berani mencuba 4. Memanfaatkan cadangan baik	Takut risiko Meremehkan usaha orang lain Pemikiran jumud Mempertahankan status quo cara butatuli Terlalu cepat ingin melihat hasil





6.4

Strategi pelaksanaan

1. Perbaiki sistem kerja dan prosedur;

Sistem punch card

Pengenalan tanda nama

Ruang pejabat terbuka

Manual prosedur kerja

Fail meja

Garis panduan kiriman pos

Pengurusan melalui mesyuarat.

Pengukuhan produktiviti.

2. Memperbaiki perhidmatan kepada orang awam

Pusat bayaran setempat

Pusat perhidmatan setempat

Pusat bayaran lesen setempat

Perkhidmatan kaunter cekap dan mesra.

Kotak cadangan

Sistem GIRO

6.5

Penerapan nilai positif Pegawai Awam yang dimasukkan ke dalam program pembanharuan

Bertanggungjawab


Pengurusan diri sendiri

Kerjasama

Rajin dan berdedikasi

Kejujuran intelektual





Semangat berpasukan

Berjimat – cermat

Integriti

Responsif

Disiplin diri

Berorientasikan pelanggan

Berorientasikan prestasi

Sikap keusahawanan

Kesimpulan

Etika Perkhidmatan Awam lahir daripada kesedaran profesionalisme agar ia dapat ditingkatkan kepada tahap yang lebih tinggi dalam organisasi. Kakitangan awam perlu bekerja dengan penuh dedikasi dan lebih bersikap bertanggungjawab. Ia selaras dengan matlamat pembagunan negara agar lebih maju sejajar dengan perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat Malaysia.



ACTIVITY



Sejauhmanakah kebenarannya golongan kakitangan Perkhidmatan Awam dapat memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat dan menaikkan imej kepada Negara. Misalnya sewaktu musim Covid-19, Kejadian Banjir dan lain-lain. Bincangkan.

SOALAN RINGKAS

1. Berikan maksud Perkhidmatan Awam.
2. Senaraikan teras utama Perkhidmatan Awam.
3. Senaraikan etika yang terdapat dalam Tonggak 12.
4. Jelaskan sumbangan yang diberikan oleh Perkhidmatan Awam.

KATA KUNCI

Kesederhanaan

Amanah

Jujur

Tonggak 12

Pengorbanan

Kesetiaan


RINGKASAN

Dalam bab ini, membincangkan tentang fungsi dan peranan Perkhidmatan Awam di Malaysia. Perkhidmatan Awam di Malaysia merupakan imej sesebuah negara. Ia memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan masyarakat dari aspek kemudahan seperti perkhidmatan pendidikan, keselamatan, perubatan, perkhidmatan kepada pelanggan, kesukaan dan penggunaan sumber manusia yang mampan. Golongan yang berkerja dalam sektor perkhidmatan awam merupakan penggerak utama dalam pelaksanaan visi dan misi negara.



RUJUKAN

1. Nazirmuddin Ahmad, Mohd Taib Ariffin, Marinah Awang & Azita Yonus @ Ahmad, *Pengantar Etika (Edisi 3)*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004.
2. Mohd. Janib Johari, *Etika Profesional*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001.



TOPIC 7

ETIKA KERJAYA PROFESIONAL DI MALAYSIA

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS:

Di akhir topik pembelajaran, pelajar akan memperolehi:

1. Mengetahui tentang konsep profesionalisme dan jenis-jenis kerjaya profesionalisme.
2. Menerangkan kerjaya – kerja popular yang menjadi pilihan warganegara Malaysia.
3. Membincangkan tentang etika, ciri-ciri, fungsi dan peranan yang harus diketahui oleh individu sebelum memilih sesebuah kerjaya.
4. Memahami tugas, peranan dan tanggungjawab professional berdasarkan kerjaya masing - masing.


7.1

Definisi Profesional

- Mengikut Kamus Dewan - Profesionalisme adalah pekerjaan yang memerlukan latihan khas.
- Dalam kamus Oxford - Ditakrifkan sebagai ciri-ciri sesuatu pekerjaan yang memerlukan latihan ikhtisas seperti kerjaya perguruan, guaman, perubatan, jurutera, penyiaran, perfileman, perpenerbangan, perhotelan, akauntan, perniagaan dan lain-lain.

Tujuan Profesionalisme

1. Memberi perhidmatan yang bermutu tinggi.
 2. Meningkatkan imej dan taraf sesuatu profesion.
 3. Membezakan sesuatu profesion dengan profesion yang lain.
 4. Mengasingkan kerja profesional dengan bukan profesional.
 5. Melarang orang bukan profesional menjalankan tugas sebagai orang profesional.
- 



6. Mengawal kualiti profesion dengan mengenakan syarat seperti latihan ikhtisas bagi orang yang ingin menjadi seorang profesional.

7. Meningkatkan hasil produktiviti sesuatu pekerjaan.

Kepentingan Profesionalisme

Untuk meningkatkan mutu perhidmatan dengan memiliki ilmu pengetahuan yang lengkap serta mendalam, menguasai kemahiran, kefahaman terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta mempunyai sikap positif terhadap pekerjaannya.

Objektif Etika Kerja

1. Menanam sikap positif dan hapus sikap negatif untuk meningkatkan tugas.
2. Meningkatkan disiplin bagi menghasilkan perhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi.
3. Memberikan sumbangan positif kepada negara secara berterusan.

Prinsip Etika Kerja

1. Niat yang betul
2. Perlakuan yang baik
3. Pergerakan ke arah kebaikan
4. Berdisiplin dan beradab

Nilai utama dalam Etika kerja

1. Amanah
 2. Benar
 3. Bijaksana
 4. Bersyukur
 5. Berdedikasi
 6. Ikhlas
 7. Penyayang
- 

7.2

Profesionalisme Perguruan

GURU - merupakan golongan yang paling penting dalam memanusiakan manusia supaya pelajar yang lahir nanti dapat menyambung kelangsungan generasi kepada generasi bangsa yang benar-benar berguna kepada bangsa dan negara.

Amalan etika pendidikan mewujudkan 1 etika kerja yang menjadi panduan dan pegangan setiap warga pendidik berlandaskan Kementerian Pendidikan Malaysia berlandaskan nilai akhlak yang mulia.


Tatasusila Profession Perguruan

Tatasusila Profession Perguruan




1. Tanggungjawab terhadap pelajar

1. Utamakan kebajikan pelajar dan keselamatan pelajar.
2. Bersikap adil pelajar tanpa mengira faktor jasmani, mental,emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan dan agama.
3. Merahsiakan maklumat pelajar.



	4. Membimbing pelajar di dalam kelas dengan matapelajaran tanpa sebarang bayaran. 5. Menunjukkan nilai yang baik kepada pelajar spt cara berpakaian, tingkah laku, pertuturan. 6. Memelihara dan memperbaiki kecekapan ikhtisas spy pengajaran mencapai mutu yang tinggi seperti penyelidikan, seminar, lawatan, persidangan dll.
2. Tanggungjawab terhadap ibu bapa	1. Menghormati tanggungjawab utama ibubapa terhadap anak mereka. 2. Wujudkan hubungan mesra antara institusi pendidikan dengan rumahtangga. 3. Maklumat yang diberikan oleh ibu bapa berkaitan anak2 dan rumahtangga adalah sulit dan tidak boleh dibocorkan oleh guru. 4. Memberikan maklumat kepada ibu bapa demi kepentingan anak2 mereka, dan menggunakan maklumat dr ibu bapa secara teliti dan bijaksana. 5. Elakkan diri dari menggunakan atau mempengaruhi kedudukan sosial dan ekonomi ibu bapa pelajar. 6. Elakkan dr menggunakan kata-kata @ sesuatu yang menjejaskan kepercayaan pelajar terhadap ibu bapa.
3. Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara	1. Elak menyebarkan ajaran yang merosakan kepentingan pelajar, masyarakat dan negara yang bertentangan prinsip Rukun Negara. 2. Memupuk sikap dan nilai diri pelajar untuk membantu membimbing mereka menjadi warganegara taat setia, tanggungjawab, hormati orang lebih dewasa serta hormati





	perbezaan budaya, keturunan dan agama. 3. Menghormati masyarakat dan berhidmat serta mengambil bahagian aktiviti. 4. Menggalakan kerjasama dan persefahaman antara guru dengan ibubapa, institusi pendidikan dengan masyarakat. 5. Memberikan sumbangan untuk meningkatkan kehidupan, moral, budaya dan cendekiawan masyarakat.
4. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan	1. Mengelakkan diri dari membuat kenyataan@ulasan yang boleh mencemarkan nama baik guru di hadapan pelajar, ibu bapa. 2. Tidak terlibat dalam kegiatan yang boleh menjejaskan kecekapan seorang guru. 3. Berusaha menunaikan tanggungjawab dan mengekalkannya sejajar dengan kemajuan ikhtisas dan sosial. 4. sentiasa bersedia membantu rakan sejawat terutama guru baru. 5. Sentiasa mengawasi supaya tidak mencemarkan nama baik profesion perguruan. 6. Menjadi ahli sesebuah pertubuhan guru.



Sifat dan Kualiti Kerjaya Perguruan

Guru	Profesional	Kemahiran bertutur
• Baik hati • Jenaka • Sabar • Bertanggungjawab • Yakin • Kepimpinan	• Ingin tahu • pengetahuan ikhtisas spt guru bertauliah, ilmu pengetahuan, psikologi dll • suka membaca	• Dalam menyampaikan ilmu • Daya ingatan • Daya usaha

Sosial Guru	Tugas Guru
• Budi pekerti • Ramah mesra • Rendah diri • Semangat berbakti • Jujur	• Tanggungjawab kepada negara, pelajaran, pelajar dan diri sendiri

7.3

Profesionalisme Perniagaan dan Keusahawan Operating System Functions

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan satu bidang yang memberi pulangan yang cukup lumayan. Golongan ini cekap memanipulasikan modal dan mencari keuntungan.


Perniagaan adalah aktiviti yang wujud disebabkan keperluan untuk menukar barang antara pengguna dan pengeluar. Ia bukan sahaja melibatkan proses jual beli.

Definisi – Perniagaan ialah urusan jual beli sesuatu barang @ perkhidmatan. Secara mudah ia melibatkan penjual dan pembeli.

Tujuan Etika Perniagaan

Untuk memelihara kebajikan dan kepentingan pengguna, pelabur dan masyarakat.


Ia berpandukan kepada dasar syarikat berlandaskan prinsip undang-undang, kejujuran dan persaingan yang sihat.



Prinsip asas yang perlu dipatuhi


1. Memelihara Hubungan: hubungan baik untuk mewujudkan kestabilan, kemajuan dan keharmonian organisasi.
2. Mengawal tingkahlaku: tingkahlaku individu dan kelompok adalah imej dan cerminan budaya organisasi. Ia perlu dikawal kerana ia boleh menjejaskan nama baik organisasi.
3. Mengelak Campurtangan Luaran:
Ia merupakan aktiviti tidak sihat kerana ia boleh menjejaskan perniagaan. Hanya libatkan perniagaan sahaja

Pihak yang terlibat dalam perniagaan



Amalan perniagaan yang tidak beretika

1. Pemalsuan laporan dan kos.
2. Mengambil rasuah.
3. Menyembunyikan fakta penting.
4. Menyalahgunakan wang syarikat.
5. Tidak mematuhi arahan dan kawalan.
6. Pembelian oleh jabatan kerajaan yang tidak mengikut peraturan.
7. Skim cepat kaya yang melesapkan sejumlah besar duit pelabur (Pak Man Telo)
8. Pencemaran alam oleh pihak yang membangunkan sesebuah kawasan.
9. Peguam yang melarikan duit pelanggan.
10. Pemaju perumahan yang mengambil duit dari pembeli rumah sedangkan rumah belum disiapkan lagi.
11. Jualan murah yang palsu.

- 
12. Barangan yang dijamin berkualiti tinggi, sedangkan ia tidak berkualiti seperti yang didakwa.
 13. Mengubah alat timbang sukat.
 14. Iklan yang mengandungi unsur penipuan.
 15. Barang tiruan terhadap jenama terkenal dan mahal.
 16. Jualan secara pos, online, yang berakhir dengan penipuan.
 17. Pengedaran dadah
 18. Jenayah internet-hacker, mencuri atau menukar maklumat, pemalsuan gambar.
 19. Menjalankan perniagaan menggunakan sistem piramid.

Etika Ekonomi Islam

- Islam sebagai ad-din meliputi secara hidup.
 - Syariah Islam telah membataskan halal dan haram.
 - Allah S.A.W pemilik sebenar semua yang ada di bumi dan di langit.
 - Allah S.A.W memberi kebebasan untuk memiliki kekayaan.
 - Kekayaan alam hendaklah dinikmati bersama. Contoh orang miskin harus mendapat kekayaan daripada orang kaya. Orang kaya pula hendaklah menghormati dan memberi hak tersebut melalui zakat.
 - Pengharaman riba
 - Mengamal dan mengutamakan akhlak Islamiah yang berlandaskan ajaran Islam.
 - Falsafah dan prinsip perniagaan Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis.
 - Syariah menyediakan prinsip tujuan untuk membantu manusia membina sistem sendiri bagi memenuhi keperluan masa dan tempat bekerja.
 - Antara prinsip etika perniagaan Islam ialah tiada unsur-unsur berikut:
- 



7.4


Profesionalisme Perubatan

Etika Perubatan Dunia

Persatuan Perubatan Dunia telah menjadikan Deklarasi Geneva 1947 sebagai etika perubatan rasmi.

Antaranya;

1. Doktor berikrar untuk mendedikasi hidupnya untuk perhidmatan kemanusiaan.
2. Doktor memberi penghormatan kepada guru dan rasa terhutang budi kpd mereka.
3. Doktor akan melaksanakan profesionnya dengan ikhlas dan berintegriti.
4. Kesihatan pesakit adalah keutamaan.
5. Doktor akan memelihara rahsia yang diamanahkan.
6. Doktor akan kekalkan kuasa integriti profesional perubatan.
7. Sahabat adalah saudara
8. Doktor tidak dibenarkan ada sifat pertimbangan agama, kerakyatan, keturunan, parti politik, kedudukan sosial yang mampu mempengaruhi tanggungjawab terhadap pesakit.
9. Doktor akan kekalkan integriti kehidupan masyarakat walaupun di ancam dan tidak menggunakan pengetahuan bertentangan dengan undang-undang kemanusiaan.



10. Doktor akan melaksanakan janji dengan ikhlas, bebas dan berintegriti.


Kod Etika Perubatan

Deklarasi di atas menjadi dasar kepada penggubalan kod etika perubatan dunia. Kod etika disenaraikan seperti berikut:

1. Seorang doktor mesti mengekalkan standart yang tinggi dalam tingkah laku profesional.
2. Seorang doktor mesti melaksanakan profesionalnya tanpadi pengaruhi oleh motif untuk mencari untung.
3. Antara berikut dikira sebagai tindakan beretika.
 - i. sebarang iklan peribadi kecuali diluluskan oleh kod etika.
 - ii. Perubatan kebangsaan bersubahat dengan sebarang bentuk perhidmatan perubatan yang mana doktor tidak mempunyai kebebasan profesionalnya.
 - iii. Menerima sebarang wang yang dikenakan kepada pesakit selain dari bayaran profesional perubatan yang sebenarnya walaupun dengan pengetahuan pesakit.
4. Tindakan dan nasihat yang boleh melemahkan rangsangan fizikal dan mental manusia hanya boleh dilakukan untuk kepentingan pesakit.
5. Seorang doktor dinasihatkan agar lebih berhati-hati dalam menggunakan penemuan baru atau teknik rawatan.
6. Seorang doktor diberikan kebenaran atau kuasa terhadap kepakarannya sahaja.

Etika Tanggungjawab Doktor terhadap pesakit

1. Setiap doktor mestilah sentiasa mempunyai sikap untuk menyelamatkan nyawa manusia.
 2. Setiap Doktor mesti mendedikasikan tumpuan terhadap ilmu pengetahuan terhadap pesakitnya. Jika rawatan di luar batas keupayaannya, ia mesti mendapatkan bantuan perhidmatan doktor yang memiliki keupayaan yang diperlukan.
 3. Setiap doktor mesti memelihara kerahsiaan berkaitan dengan pesakitnya kerana kepercayaan yang diberikan kepadanya.
 4. Setiap doktor mesti memberi perhatian kecemasan sebagai tanggungjawab kemanusiaan.
- 



Etika Tanggungjawab Doktor sesama doktor

1. Seseorang doktor wajib melayani rakan sejawatnya seperti mana ia mengharapkan layanan yang sama dari orang lain.
2. Seseorang doktor tidak boleh mengambil pesakit dari rakan-rakannya.
3. Seseorang doktor mestilah mematuhi prinsip Deklarasi Geneva.

7.5

Profesionalisme Kewartawanan

Etika Kewartawanan

1. Laporan harus benar-benar bijak dan tepat supaya peristiwa yang dilaporkan memberi erti @ sumbangan kepada kehidupan manusia.
 2. Orang ramai harus diberi kesempatan untuk menyampaikan fikiran, ulasan @ teguran.
 3. Liputan luas harus diberi mengenai kegiatan yang boleh dijadikan contoh oleh satu golongan dari hal golongan lain dalam masyarakat.
 4. Laporan harus meliputi tindak tanduk manusia yang boleh dihargai @ diteladani sama ada berbentuk kebaikan @ keburukan yang memberi kesan dan akibat.
 5. Laporan luas patut dibuat tentang kejayaan usaha manusia, hasil ciptaan @ kebijaksanaan.
 6. Menghormati kebenaran dan hak orang ramai untuk membaca laporan yang benar.
 7. Mempertahankan 2 prinsip penting: Kebebasan mencari dan mencetak laporan secara jujur dan hak mengulas dan menegur secara adil.
 8. Laporan dibuat berdasarkan fakta-fakta yang jelas dari sumber yang jelas dan sah.
 9. Cara yang digunakan untuk mendapatkan berita, gambar dan dokumen dengan cara yang jujur dan adil.
 10. Setiap wartawan hendaklah sanggup menyiarkan kembali kenyataan yang benar jika terdapat kesilapan dalam laporan pertama.
- 

11. Berita yang didapati persetujuan tidak mendedahkan sumbernya hendaklah dipelihara dengan teguh.

12. Elakkan kesalahan besar dengan sengaja termasuk plagiarisme, fitnah, umpat, tohmah, caci, tuduhan tanpa asas, rasuah dalam bentuk apa sekalipun dengan dorongan supaya dicetak @ disembunyikan sesuatu.

13. Tindak-tanduk kepada sebarang tekanan, paksaan @ ancaman untuk mempengaruhi keputusan terhadap laporan. Cerita @ ulasan yang difikirkan penting dan patut diketahui umum.

7.6

Profesionalisme Kewangan

Melibatkan sektor Bank dan Perakaunan



Etika Bank bagi mengelakkan konflik dan salah guna kuasa

1. Kakitangan bank tidak boleh berurusan dengan pelanggan yang mempunyai kepentingan tertentu seperti pemilik tunggal, rakan kongsi, pemilik saham, memberi pinjaman atau orang yang berhutang. Jika berlaku-perlu dilaporkan segera kepada pegawai atasan.

2. Kakitangan tidak dibenarkan mendakwa pihak pengurusan sebagai pendakwa, pentadbir, pemegang amanah harta pelanggan kecuali mendapat kebenaran pengarah.

3. Kakitangan tidak dibenarkan menjalankan kerja luar selain tugas rasmi institusi kewangan kecuali mendapat kebenaran pihak majikan.

4. Kakitangan bank tidak boleh menerima pemberian yang mahal dari pelanggan dan pembekal. Hanya boleh menerima hadiah pada musim perayaan dan tidak mempengaruhi tugas.

5. Kakitangan bank tidak boleh meminta dan memaksa pelanggan supaya memberinya hadiah. Ia bertentangan dengan Akta Bank dan institusi Kewangan 1989. Jika sabit kesalahan ia boleh didenda RM10 juta @ dipenjara 10 tahun @ kedua-duanya sekali.

6. Kakitangan Bank tidak boleh menggunakan kedudukan sebagai pengarah, pengurus, eksekutif dan kakitangan untuk mendapatkan layanan yang istimewa. Perkara tersebut dianggap menyalahgunakan kedudukan.

(menyimpan komoditi emas, pertukaran asing, sekuriti akaun sendiri, kawan dan ahli keluarga serta pertukaran rahsia antara pengarah atau kakitangan institusi kewangan lain.


Perakaunan dan Juruaudit

Perakaunan dan Juruaudit

- Etika Akauntan

- Howard L. Siers menyenaraikan 3 bidang utama etika akauntan – memelihara rahsia, objektif dan integriti.

i. Memelihara rahsia



- ii. Objektif

Menerima maklumat secara adil dan objektif

Menyampaikan maklumat secara tepat bagi membolehkan pelanggan memahami laporan, komen dan cadangan yang dikemukakan.

- iii. Integriti

Elakkan diri dari terlibat dalam konflik berkepentingan.

Menolak sebarang hadiah, pemberian yang boleh mempengaruhi tugas dan tanggungjawab akauntan.

* Berkomunikasi secara adil dan saksama dan

* Bersedia menerima pandangan secara terbuka

Elakkan dari terlibat dalam kegiatan yang merosakkan profesion perakaunan




7.7

Profesionalisme Pengurusan

- Profesionalisme Pengurusan - Mengurus adalah tugas yang penting dan sukar kerana ia melibatkan setiap aspek kehidupan bermula dengan asas iaitu pengurusan diri, masa, kewangan sehingga lebih kompleks seperti pengurusan rumah tangga, organisasi dan negara.
- Pengurusan yang cemerlang akan membuahkan hasil yang baik, efektif dan berkesinambungan. Manakala pengurusan yang lemah akan membawa kesan yang buruk dan negatif.
- Kesimpulannya: Pengurus bertanggungjawab dalam merancang, menyusun, memimpin, mengawal dan melakukan pelbagai aktiviti agar operasi dapat berjalan dengan baik dan objektif organisasi berjalan lancar sehingga menghasilkan prestasi yang optima.
- Definisi Pengurusan:
- Mohd Pishal dan Rozhan- Pengurusan satu proses perancangan, penyusunan, pimpinan dan pengawalan operasi organisasi agar objektif dapat dicapai dengan berkesan dan menjimatkan.
- Bateman dan Snell – Pengurusan sebagai proses melakukan kerja dengan orang dan sumber-sumber untuk mencapai matlamat organisasi. Efektif dikaitkan dengan pencapaian organisasi dan kecekapan dikaitkan dengan menggunakan sumber secara minima seperti penggunaan wang, masa, bahan dan manusia.

Fungsi Pengurusan

1. Perancangan - proses membuat keputusan, falsafah, merangka kegiatan untuk pada masa akan datang. Ia melibatkan setiap bahagian, jabatan, unit dan individu.
2. Pengorganisasian – Menekankan penyusunan dan menyelaras sumber yang terlibat dalam mencapai matlamat organisasi seperti sumber manusia, kewangan, fizikal, maklumat dan lain-lain.
Contoh sumber manusia- merangkumi tugas menarik minat orang ramai, menentukan kesesuaian staff, penempatan, latihan.
Dalam kata lain – ia melibatkan sumber manusia dengan sumber lain agar berjalan lancar dan berkesan.
3. Memimpin – Fungsinya untuk menggerak, memimpin, mengarah, berkomunikasi dan memberi motivasi kepada ahli-ahli organisasi agar lebih bermotivasi, berdaya saing, inovatif dan proaktif.
Melibatkan interaksi setiap anggota setiap hari.





Motivasi dan komunikasi komponen penting dalam keberkesanan kepimpinan.

4. Pengawalan – Kerjasama (individu, kumpulan) untuk memantau dan mengawal selia perjalanan, perkembangan dan perubahan organisasi. Membuat pembetulan dan penambahbaikan spt belanjawan, sistem maklumat, pengurangan kos, tindakan disiplin.

- Matlamat Etika Pengurusan dapat menyumbang komitmen dan kepuasan pekerja, kualiti, produktiviti yang tinggi. Ini dapat meningkatkan keuntungan dan imej dalam memakmurkan rakyat kerana dapat memperoleh perhidmatan yang baik dan berkualiti.
- Etika pengurusan terdapat dalam semua bentuk organisasi sektor awam atau swasta.
- Etika mengandungi makna yang tersurat dan tersirat yang wajib difahami, dihayati dan diamalkan oleh semua anggota organisasi.
- Kegagalan pematuhan akan menyebabkan berlaku penyelewengan, disiplin yang rendah, gangguan seksual, jenayah kolar putih, penjualan barang yang tidak selamat dan lain-lain yang boleh mencemarkan imej organisasi negara.

Objektif Etika Pengurusan






Nilai-nilai Pengurusan yang baik

1. Amanah
2. Bersih
3. Dedikasi
4. Disiplin
5. Bertanggungjawab
6. Bersopan santun
7. Adil
8. Tabah
9. Syura (pemesyuaratan)
10. Bijaksana
11. Akauntabiliti
12. Tanggungjawab organisasi dan ahli dalam etika pengurusan.

Tanggungjawab Organisasi terhadap pekerja

1. Keselamatan
2. Kebajikan
3. Keadilan
4. Komunikasi



Tanggungjawab pekerja terhadap Organisasi

1. Komitmen
2. Tolak ansur
3. Kejujuran dan keikhlasan

Faktor-faktor Perlanggaran Etika Pengurusan

1. Sikap rakus manusia yang sentiasa tidak berpuas hati dengan apa yang ada sehingga sanggup berbuat apa sahaja agar cita-citanya tercapai.
2. Suka menunjuk-nunjuk dan berbangga diri terutama bila memiliki sesuatu yang tidak dimiliki oleh orang lain. Seterusnya melahirkan sikap bersaing secara tidak sihat.
3. Pengaruh persekitaran. Ini kerana perlanggaran etika telah menjadi perkara biasa dalam organisasi, dan masyarakat memandang ringan terhadapnya.
4. Kurangnya didikan dan penghayatan agama. Tiada agama yang menyuruh pengikutnya melakukan rasuah terutama agama Islam.
5. Desakan keperluan peribadi. Gaji bulanan yang terlalu kecil dan tidak cukup untuk menampung keperluan keluarga. Mereka sanggup menerima rasuah, salahguna kuasa dan menyeleweng harta majikan.
6. Pengaruh sekularisme Barat yang menyebabkan pelanggaran etika pengurusan. Contohnya cintakan kebendaan, berfoya-foya, gangguan seksual, zina, tingkah laku tidak sopan dan lain-lain.
7. Pertembungan budaya khususnya budaya barat lebih bebas dan terbuka daripada budaya Timur.

Kesimpulan

Setiap profesion mempunyai etika yang tersendiri untuk membanteras dan memantau tingkahlaku dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi.

Kecemerlangan pengurusan terhasil daripada kecekapan pemimpin dan pengurusan agensi. Pengurus memainkan peranan penting dalam menjalankan tanggungjawab memberi motivasi, latihan kepada pekerja, menjalinkan hubungan baik dengan orang penting, mendapatkan maklum balas seterusnya menyalurkan maklumat untuk mewujudkan perubahan dan inovasi kepada organisasi.



ACTIVITY



Bincangkan apakah kebajikan dan kemahiran yang anda akan berikan kepada pekerja-pekerja anda dalam memantapkan organisasi anda dalam jangka masa 10 tahun akan datang.

Soalan Ringkas

1. Senaraikan sifat-sifat seorang guru yang baik.
2. Jelaskan maksud profesionalisme.
3. Senaraikan amalan etika perniagaan yang tidak baik.
4. Namakan fungsi pengurusan.
5. Senaraikan kod etika utama bank.

KATA KUNCI

Sifat positif guru

Pengurusan

Audit

Perubatan

Wartawan

Kewangan


RINGKASAN

- Etika kerjaya profesional di Malaysia menjadi pilihan kepada masyarakat merentasi adat, budaya da etnisiti.
- Kerjaya profesional yang disandang oleh warga kerja begitu memahami dan membuat tugas dengan baik serta berkesan yang meliputi sektor awam dan swasta.



RUJUKAN

1. Nazirmuddin Ahmad, Mohd Taib Ariffin, Marinah Awang & Azita Yonus @ Ahmad, *Pengantar Etika (Edisi 3)*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004.



TOPIC 8

ISU-ISU MORAL

LEARNING OUTCOMES

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:


1. Memahami dan menyedari tentang isu-isu moral yang berlaku di Malaysia.
2. Memahami apakah punca dan kesannya isu - isu moral dalam masyarakat.
3. Membincangkan apakah cabaran dan langkah - langkah yang sesuai untuk menangani isu-isu moral yang melanda di Malaysia pada masa kini.

8.1 Terorisme

Terorisme, merujuk kepada keganasan antarabangsa yang boleh mengancam dan menggugat keamanan dunia. Isu ini menjadi popular dan menular setelah berlakunya peristiwa 11 September 2011 yang meruntuhkan menara berkembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York, Amerika Syarikat. Kejadian ini telah memberi kesan mendalam kepada dunia Islam (negara-negara Islam).

Definisi

1. Menurut Mohammad Faisol Keling dan Muhammad Fuad Othman, Terorisme adalah kegiatan yang dirancang dan dilakukan oleh kumpulan atau individu tertentu yang mampu melakukan jenayah kejam yang bertujuan untuk menguasai masyarakat tersebut.
 2. Michael Howard menegaskan terorisme merupakan salah satu kaedah peperangan. Ia dilakukan dengan 3 matlamat;
- 

- 
- I. Mewujudkan propaganda atau menarik perhatian masyarakat antarabangsa untuk mempamerkan keupayaan mereka.
 - II. Melemahkan pihak musuh.
 - III. Provokasi dalam memastikan musuh dilemahkan serta menarik simpati. (*New Straits Times*, 16 September 2001)

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ancaman terorisme Global

1. Isu Palestin.

Isu terorisme yang berlaku pada hari ini adalah kesan daripada kekecewaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Timur Tengah. Pihak Israel begitu rakus menindas rakyat Palestin dari aspek ketenteraan, politik dan ekonomi. Kuasa Besar seperti Amerika Syarikat dan negara Eropah seolah-olah meghalalkan tindakan Israel dan tiada pembelaan ke atas negara Palestin. Masalah kekurangan senjata dan bantuan antarabangsa menyebabkan rakyat Palestin tidak berpeluang untuk mempertahankan maruah diri, keluarga dan tanah air mereka. Isu ketidakadilan yang berlaku telah membeeri peluang kepada negara lain bersimpati dan ada juga melakukan keganasan bagi pihak rakyat Palestin.


2. Negara penceroboh bersikap angkuh.

Pencerobohan terhadap sesebuah negara membawa maksud yang besar kepada negara dalam bidang politik antarabangsa. Misalnya Amerika Syarikat (AS) pernah memerangi Iraq (wilayah Kuwait yang kaya dengan sumber minyak) untuk membalas dendam dan menunjukkan kemegahan kepada masyarakat antarabagsa. AS dapat menebus kembali namanya yang telah tercemar akibat peristiwa 11 September. Kesan daripada peristiwa ini AS merasa megah dan meletakkan negara mereka sebagai negara yang paling kuat di dunia.

3. Kegagalan pertubuhan antarabangsa.

Kegagalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Negara Islam (OIC) dan pelbagai pertubuhan lain menjadi salah satu faktor perkembangan terorisme. PBB masih gagal memainkan peranannya secara produktif dan bersikap mendiamkan diri apabila Amerika Syarikat menggunakan pengaruhnya terhadap sesuatu isu.





Kesan Terorisme

Terorisme telah memberikan kesan politik, ekonomi dan sosial kepada sesebuah negara.

1. Sistem Politik dalam sesebuah negara menjadi huru hara.

Struktur politik dalam sesebuah negara yang mengalami konflik sukar untuk dipulihkan dalam tempoh terdekat. Keadaan huru-hara atau anarki akan wujud dan sukar untuk dipulihkan dalam tempoh yang singkat. Misalnya, selepas kejatuhan Kerajaan pro-Rusia di Afghanistan, tiada pemerintahan berpusat yang kuat untuk mentadbir seluruh negara tersebut. Keadaan yang sama turut berlaku di Somalia, Iraq dan Syria apabila kekerasan yang dilakukan oleh pejuang atau pemerintah telah menyukarkan kerajaan yang baru dibentuk untuk memerintah dengan berkesan.

2. Perkembangan ekonomi terjejas.


Ancaman terorisme telah menjejaskan ekonomi dunia dan kehidupan masyarakat. Contohnya serangan pengganas terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Amerika Syarikat menyebabkan harga saham seluruh dunia jatuh dan menjejaskan ekonomi banyak negara. Manakala contoh negara lain yang bergolak seperti Pakistan, Iraq, Syria dan lain-lain masalah ekonomi, politik dan sosial masyarakat terganggu dan sukar dipulihkan.

3. Ancaman keselamatan dan pencemaran alam.

Dari aspek keselamatan, kejadian terorisme di sesebuah negara seperti pengeboman bangunan oleh pengganas menyebabkan kemusnahan harta benda, ramai rakyat yang tidak berdosa mati dan kemusnahan ekonomi negara. Mangsa yang terselamat merasa tidak selamat di negara sendiri, mengalami trauma akibat peperangan yang dasyat.

Selain daripada itu masalah pencemaran yang serius telah berlaku akibat runtuh bangunan WTC di New York. Dianggarkan lebih daripada 2,500 jenis bahan yang tercemar termasuk karsinogen yang terbebas ke udara menyebabkan para penyelamat dan penduduk di sekitar kawasan tersebut mengalami penyakit barah paru-paru dan menyebabkan kadar kematian meningkat. Kualiti udara di WTC mulai pulih sekitar Jun 2002.





Langkah - langkah Mencegah Terorisme

1. Kerjasama semua negara

Semua negara perlu bekerjasama untuk membanteras kegiatan terorisme kerana ia melibatkan rangkaian antarabangsa. Jabatan Perisikan setiap negara perlu bertukar-tukar maklumat terhadap kegiatan keganasan yang diperolehi supaya isu ini dapat ditangani dengan mudah dan cepat.

2. Peranan pertubuhan antarabangsa dan Campurtangan kuasa besar

Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan Kesatuan Eropah (EU) perlu mengambil inisiatif secara bersungguh-sungguh untuk menangani isu ini dengan lebih adil.

Kuasa besar seharusnya tidak campurtangan dalam mana-mana konflik antrabangsa dengan memberikan bantuan kewangan, senjata dan pelbagai kelengkapan peperangan untuk keamanan sejagat.

3. Penguatkuasaan undang-undang

Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak polis dan tentera perlu bertindak dengan cepat terhadap isu keganasan. Isu-isu keganasan yang kecil juga perlu ditangani dan dibanteras pada peringkat awal. Keganasan kecil perlu dibanteras Tindakan awal dapat mengelakkan ia merebak

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terorisme bukanlah satu peristiwa yang muncul secara tiba-tiba. Kebanyakan aktiviti keganasan berlaku kerana tidak ada perbincangan antara pihak yang berkonflik. Pihak yang berkuasa dan mempunyai kuasa akan mempengaruhi pihak yang lemah. Pihak yang tertindas akan mula mengambil pendekatan untuk bertindak balas dengan menggunakan pelbagai strategi bagi membolehkan masyarakat antarabangsa membuat penilaian, pengadilan terhadap tindakan yang diambil.



8.2


Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT)

Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT) atau lebih dikenali sebagai perbuatan Homoseksual. Pergerakan menuntut hak asasi golongan ini bermula di Barat dalam era moden dengan membelakangkan agama. Kebanyakan negara barat mula melibatkan diri sebagai pejuang hak asasi manusia dengan menyokong pergerakan golongan LGBT. Ia sejajar dengan adanya kebebasan bersuara atau *human right* yang diperjuangkan oleh masyarakat barat. Kewujudan kebebasan bersuara telah menyebabkan mereka lebih berfikiran terbuka dan dapat menerima pandangan orang lain walaupun apa yang diperjuangkan itu salah dari aspek nilai, moral dan adat kehidupan seorang manusia.

Dari segi sejarah, aktiviti LGBT yang berlaku pada masa kini adalah perbuatan menebus rasa bersalah masyarakat barat sebelum era Revolusi Perancis. Ketika itu negara barat diperintah oleh golongan paderi Kristian yang bertindak kejam dengan memerangi, menindas dan membunuh golongan gay. Perbuatan ini telah menambahkan lagi kebencian masyarakat barat terhadap paderi Kristian dan keadaan makin tidak terkawal apabila berlakunya campur tangan raja. Kezaliman raja selaku ketua agama menyebabkan rakyat tidak lagi yakin dengan Tuhan seterusnya membelakangkan agama itu sendiri.

Kini perkahwinan sejenis mula dibenarkan disesetengah negara. Berikut adalah statistik pada 2012 yang menunjukkan negara-negara yang mula menerima budaya homoseksual di negara mereka.

Negara	Menerima (%)	Menolak (%)
Spanyol	91	8
Jerman	87	12
Perancis	86	14
Britain	81	15
USA	60	33



Belanda adalah negara pertama yang membenarkan perkahwinan sejenis pada 2001, Manakala perkahwinan sejenis dibenarkan di 22 negeri di USA.

Definisi

Istilah LGBT adalah singkatan daripada perkataan *Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*. Istilah ini mula digunakan sekitar tahun 1990. Komuniti transeksual terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah lelaki yang berubah kepada perempuan dan golongan ini dikenali sebagai *pondan, bapuk* dan *mak nyah*. Kelompok kedua adalah golongan wanita yang berubah menjadi lelaki dan digelar *tomboy* atau *pengkid*.

Punca

1. Naluri menyukai kaum sejenis.

Faktor naluri atau nafsu yang menyukai kaum sejenis mungkin telah sedia ada dalam jiwa seseorang sejak kecil. Mereka tidak dianugerahi nafsu seperti lelaki atau wanita normal, sebaliknya terbawa-bawa hingga dewasa untuk memilih kaum sejenis sebagai pasangan hidup.


2. Pengaruh rakan sebaya.

Rakan sebaya banyak mempengaruhi kehidupan seseorang terutama golongan remaja. Walaupun pada dasarnya mereka merupakan seorang yang normal dan menyukai kaum berlainan jantina. Namun setelah bergaul dengan golongan LGBT, mereka terdorong untuk mencuba sesuatu yang baharu. Nafsu manusia lebih terdorong kepada perkara yang membawa keseronokan terhadap diri sendiri dan mudah terjebak dalam gejala LGBT.

3. Pengaruh media massa

Lambakan cerita dan bahan-bahan porno dalam internet dan media massa turut menggalakkan golongan tertentu menyokong LGBT. Mereka dengan mudah mencari bahan untuk memuaskan nafsu dan keinginan mereka melalui saluran internet. Saluran Facebook, Twitter dan Skype jaringan media sosial yang popular menjadi sasaran utama golongan ini mendekatkan diri untuk mencari pasangan yang sama.





Kesan

1. Merosakkan institusi keluarga.

Kegiatan LGBT merosakkan institusi kekeluargaan dan membunuh keturunan. Jika perkahwinan sejenis dibenarkan, pasangan terbabit tidak akan dikurniakan zuriat keturunan dan membawa keruntuhan institusi keluarga. Kesan jangka panjang, keluarga bahagia yang diidamkan tidak dapat dibina dengan sempurna.

2. Menyebabkan penyakit kelamin.

Kegiatan LGBT boleh menyebabkan peyebaran penyakit kelamin seperti HIV dan AIDS.

3. Amalan LGBT bertentangan dengan budaya ketimuran.

Amalan ini bertentangan dengan norma hidup masyarakat yang berpegang teguh kepada agama seperti penganut beragama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Sekiranya pihak berwajib di Malaysia menerima permohonan golongan LGBT inginkan kelompok mereka diiktiraf, secara tidak langsung berakibatkan kepincangan institusi keluarga dan masyarakat menjadi kucar-kacir.

Langkah


1. Penggubalan undang-undang

Pihak kerajaan perlu menggubal undang-undang yang berkaitan dengan isu ini bagi mengekang kegiatan LGBT. Institusi agama dapat memainkan peranan penting dan dapat menggubal undang-undang kerajaan. Misalnya, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang mengandungi peruntukan Seksyen 28 (lelaki berlagak seperti perempuan) dan Seksyen 29 (perbuatan tidak sopan di tempat awam).

2. Pemantauan dan tindakan pihak berkuasa.

Kelab-kelab hiburan gay dan lesbian bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan dibandar-bandar besar di seluruh negara. Ia perlu dipantau





dan diambil tindakan oleh pihak berwajib, khususnya pihak berkuasa tempatan (kerajaan tempatan) dan Majlis Agama Islam Negeri.


3. Pengukuhan institusi kekeluargaan

Institusi kekeluargaan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya untuk mengatasi masalah LGBT. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak mereka mendapat didikan agama yang sewajarnya. Ibu bapa juga perlu memantau dan mengawasi aktiviti anak-anak agar tidak terjebak dengan aktiviti yang tidak senonoh. Tanda-tanda awal perubahan dapat dikenalpasti melalui tindakan anak lelaki secara tiba-tiba berubah sikap menyukai warna merah jambu, berubah daripada sikap jantan menjadi lelaki lembut dan sebagainya. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk membimbing anak-anak agar tidak terjebak dengan masalah LGBT dengan selalu mendekati anak-anak, memberikan nasihat, sentiasa berkomunikasi agar anak-anak dapat meluahkan masalah kepada ahli keluarga dan menyelesaikannya dengan baik.

Kesimpulan

Isu LGBT bukanlah isu tentang hak asasi manusia. Sebaliknya, isu ini merupakan satu amalan yang bertentangan dengan nilai moral masyarakat yang perlu dibendung. Penglibatan semua pihak termasuk institusi keagamaan adalah dituntut supaya gejala LGBT dapat ditangani dengan lebih berkesan.





8.3

Pemerdagangan Manusia


Berdasarkan statistik Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO), sejak 28 Februari 2008 hingga 21 Disember 2010, sebanyak 304 kes dilaporkan membabitkan pelbagai jenis eksploitasi dan 434 orang ditahan kerana terbabit dalam jenayah berkenaan. Daripada jumlah itu, 1 930 orang mangsa mendapat perintah perlindungan sementara (IPO) manakala 708 orang mendapat perintah perlindungan yang melibatkan kes seperti eksploitasi seks (189 mangsa), perkhidmatan paksa (58 mangsa), penyeludupan manusia (24 mangsa) dan penjualan bayi (11 mangsa).

Definisi

Pemerdagangan manusia bermaksud perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan seperti perbuatan merekrut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud eksploitasi.

Eksploitasi pemerdagangan manusia digunakan untuk melakukan aktiviti pelacuran, buruh paksa, hamba. Manakalan kanak-kanak turut menjadi mangsa pelacuran, pengambilan anak angkat antarabangsa yang tidak sah, perkahwinan kanak-kanak, pengambilan kanak-kanak sebagai tentera, pengemis. Berdasarkan laporan yang telah dikeluarkan oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) mencatatkan jenayah pemerdagangan manusia mengaut keuntungan sebanyak USD 44.3 billion setahun.





Sebab-sebab berlakunya pemerdagangan manusia di Malaysia

1. Kepesatan ekonomi negara

Malaysia merupakan negara yang aman, kaya dan makmur serta mempunyai kedudukan yang strategik berada di tengah-tengah negara ASEAN. Kedudukan yang strategik membolehkan pendatang dari segenap pelosok menunpukan perhatian di Malaysia. Dari aspek perkembangan ekonomi Malaysia lebih maju berbanding negara-negara Asia Tenggara yang lain dalam sektor perusahaan, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan yang membolehkan golongan pendatang memenuhi keperluan sektor tersebut dengan menjadi tenaga kerja. Kini jumlah pendatang asing di Malaysia adalah lebih 2 juta ekoran wujudnya peluang pekerjaan yang terbuka untuk dipenuhi.


2. Kelemahan peraturan dan penguatkuasaan.

Peraturan dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah merupakan salah satu faktor banjir pendatang asing di negara ini. Hal ini berlaku ekoran daripada kelonggaran sistem imigresen dan kelalaian pihak keselamatan. Kelonggaran sistem keluar masuk negara, terutama di kawasan sempadan yang tidak dijaga dengan rapi memudahkan operasi membawa masuk warga asing ke negara ini.

3. Gejala rasuah.

Amalan rasuah dalam kalangan badan-badan penguatkuasaan turut menyumbang kepada peningkatan berlakunya jenayah ini. Integriti dan maruah negara tidak dipedulikan apabila melibatkan isu rasuah.





Kesan Aktiviti Pemerdagangan Manusia

1. Pendatang asing menimbulkan pelbagai masalah.

Kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia berlaku apabila banyak tenaga kerja dari negara luar dibawa masuk. Kehadiran mereka secara beramai-ramai memungkinan kerajaan Malaysia menghadapi masalah peningkatan kes jenayah dan masalah dalam penggunaan perkhidmatan tertentu seperti kesihatan, pendidikan yang sebelum ini banyak diberikan kepada penduduk tempatan. Keadaan ini telah menimbulkan persaingan antara penduduk tempatan dengan pendatang asing.

2. Tiada pembelaan yang adil terhadap mangsa.

Mangsa-mangsa yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia tidak mendapat pembelaan yang adil jika didakwa di mahkamah. Terdapat warganegara Malaysia yang terkandas di beberapa buah negara seperti di Amerika Latin dan China yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya apabila mereka didakwa di mahkamah. Ada antara mereka yang dijatuhkan hukuman bunuh dan penjara seumur hidup kerana dipedaya menjadi keldai dadah.

3. Mempunyai kaitan dengan aktiviti pengedaran dadah.


Aktiviti pemerdagangan manusia juga sering dikaitkan dengan penyeludupan dan pengedaran dadah. Mangsa dipaksa menyeludup dadah semasa memasuki sempadan negara. Ada juga yang dipaksa supaya mengedarkannya semasa bekerja.

Langkah-langkah mengatasi kegiatan Pemerdagangan Manusia di Malaysia.

1. Kawalan ketat di pintu masuk sempadan.

Kerajaan Malaysia perlu memperketatkan kawalan di semua 262 pintu masuk di negara supaya kemasukan pelancong asing dan orang luar dapat dikawal dengan rapi. Kementerian Dalam Negeri perlu memainkan peranan penting menambahkan jumlah anggota untuk mengawal





kemasukan pelancong dan pelajar asing ke Malaysia. Operasi rondaan secara berjadual dan insentif harus dilakukan oleh pasukan keselamatan Malaysia dengan kerjasama pihak keselamatan negara-negara jiran.

2. Pemantauan dan tindakan terhadap pelajar asing.

Kemasukan pelajar luar negara dengan tujuan untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia telah mencatatkan jumlah melebihi 150 000 orang selaras dengan hasrat Malaysia menjadi sebuah pusat pendidikan antarabangsa. Walaubagaimanapun Kementerian Pendidikan tidak dapat mengesan status sebahagian pelajar antarabangsa yang menuntut di universiti atau kolej swasta. Ini kerana ramai dalam kalangan pelajar asing menerima pas pelajar sebagai satu batu loncatan untuk menjalankan kegiatan lain seperti aktiviti pemerdagangan manusia.


3. Kerjasama dengan negara-negara serantau.

Kerajaan Malaysia harus menjalin kerjasama dari aspek keselamatan, imigresen dan perundangan dengan negara-negara seperti Indonesia, Myanmar, Vietnam, Filipina dan Bangladesh. Hubungan dan kerjasama diplomatik antara Malaysia dengan negara jiran dapat membanteras masalah ini dengan komited antara negara antarabangsa. Misalnya Malaysia dan Australia telah meningkatkan kerjasama bagi menangani masalah sindiket penyeludupan dan pemerdagangan manusia melalui hubungan diplomatik dan menjalankan operasi dengan lebih berkesan.

Negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand juga wajar mewujudkan kerjasama serantau dengan menjalin hubungan kerjasama serantau dan perkongsian bijak terutama melalui kekuatan teknologi, komunikasi dan jalinan keselamatan. Kerjasama dapat diwujudkan menerusi pertukaran maklumat dalam usaha menangani isu ini terutama dari aspek bentuk, kaedah penyeludupan dan negara yang dijadikan sebagai transit utama bagi kegiatan aktiviti penyeludupan manusia.

Kerjasama peringkat sempadan perairan negara dapat membendung masalah ini dari terus menjadi barah yang serius. Negara-negara serantau seharusnya bekerjasama berkongsi maklumat, taktik, lokasi serta mengenalpasti lubang-lubang tikus yang sering digunakan oleh para penyeludup yang membekal kepada negara-negara yang memerlukan





tenaga manusia secara haram untuk keuntungan sendiri tanpa memikirkan kesannya. Industri pemerdagangan manusia bukan sahaja menjadi satu kesalahan jenayah malah mengeneipkan nilai moral sebagai manusia sehinggakan mengeneipkan sifat-sifat kemanusiaan sepertimana yang diperjuangkan oleh Hak Asasi Manusia.

Kesimpulan

Aktiviti pemerdagangan manusia adalah isu yang salah dari aspek undang-undang Malaysia. Ia menjadi isu yang panas kerana ia melibatkan campurtangan negara luar seperti Amerika Syarikat yang dianggap sebagai penyokong Hak Asasi Manusia, menyebabkan kerajaan Malaysia perlu membanteras isu ini secara serius. Tambahan pula dakwaan Malaysia menjadi pusat transit mangsa penculikan dan pemerdagangan manusia menjadi bualan hangat dalam kalangan negara antarabangsa menjadikan kes ini perlu ditangani dengan kadar segera. Justeru itu kerajaan Malaysia telah bertindak pantas menangani usaha-usaha ini sehingga ke akar umbi dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan masyarakat yang sering memberikan maklumat dari masa ke semasa.

ACTIVITY



Berdasarkan kepada isu-isu semasa yang berlaku pada hari ini anda diminta untuk membuat satu analisa SATU KES yang berkaitrapat dengan isu moral. Kajian kes tersebut perlu dibentangkan didalam kelas.

Soalan Ringkas

1. Pada pandangan anda adakah sesebuah negara tidak dianggap maju sekiranya golongan LGBT tidak diiktiraf. Ulasikan
 2. Kenapa negara-negara Islam dilabelkan sebagai Terorisme.
- 

RINGKASAN

Isu-isu semasa yang melibatkan etika dan moral yang berlaku dalam dan luar negara seperti isu Terrories, pemerdagangan manusia, seks bebas, LGBT sebenarnya adalah dipengaruhi oleh budaya luar. Budaya Barat membenarkan keadaan in berlaku kerana ia sah dari apek undang-undang dan budaya. Manakala bagi budaya Malaysia ia adalah bertentangan dari aspek agama dan budaya ketimuran.

KATA KUNCI

Lesbian

Transgender

Cyber crime

Gay

Penjualan organ

Perkhidmatan seksualiti




RUJUKAN

Abdullah Zhidi Omar, Mahdi Shuuid, at.all, *Pengantar Pendidikan Moral*, Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd. 2016.

Eow Boon Hin (at.all), *Moral Education Revised Edition*, Pearson: Petaling Jaya, 2008.

Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. 2002.

Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin, *Pengajian Malaysia*, Oxford: Fajar Bakti, 2000.



INTERNATIONAL COLLEGE
of YAYASAN MELAKA

